

TRANSKRIPSI LAGU RAKYAT DALAM TEKS SEUNTAIAN
*NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN
DATU, KELANTAN: SATU ANALISIS NILAI-NILAI MURNI
BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU*

MUHAMMAD SYAUQI BIN MAT ZAWAWI

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KEILANTAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TRANSKRIPSI LAGU RAKYAT DALAM TEKS
*SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI
PENGKALAN DATU, KELANTAN: SATU ANALISIS
NILAI-NILAI MURNI BERDASARKAN TEORI
PENGKAEDAHAAN MELAYU*

MUHAMMAD SYAUQI BIN MAT ZAWAWI

UNIVERSITI
TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.



Tandatangan

Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi
C18A0188

Tarikh : 26/02/2022



Tandatangan

Tarikh : 28/2/2022



KELANTAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Penyayang”, alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di limpah dan kurnia-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat seperjuangan serta ahli keluargaku tercinta.

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia-nya saya berjaya menyelesaikan tugasan kajian saya dengan sempurna. Terdahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Selanjutnya saya dengan rendah hati dan memohon maaf serta mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbing dalam menyempurnakan kajian saya jalankan ini. Semoga segala jasa baik dan budi yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran pahala serta hidup sentiasa diberkati.

Di kesempatan ini saya merakamkan jutaan rasa syukur dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada keluarga saya terutama ibu bapa saya yang telah banyak memberi dorongan serta semangat kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan memberi kerjasama dalam menyiapkan tugasan ini. Segala jasa dan pengorbanan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi
Lot 705 Kampung Batu 11
16450 Ketereh,
Kelantan
01112186625
Emel: syauqi.c18a0188@siswa.umk.edu.my

ISI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| Bil | I |
| PENGESAHAN TESIS | I |
| PENGHARGAAN | II |
| ISI KANDUNGAN | III |
| SENARAI CARTA | V |
| SENARAI JADUAL | VI |
| SENARAI RAJAH | VII |
| ABSTRAK | VIII |
| ABSTRACT | IX |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 3 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.4 Objektif kajian | 6 |
| 1.5 Batasan Kajian | 7 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.7 Definisi Operasional | |
| 1.7.1 Transkripsi | 10 |
| 1.7.2 Lagu Rakyat | 11 |
| 1.7.3 Naratif Lisan | 11 |
| 1.7.4 Nilai Murni | 12 |
| 1.7.5 Teori Pengkaedahan Melayu | 12 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 14 |
| 1.9 Penutup | 16 |
| | |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 Pengenalan | 17 |
| 2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia | 17 |
| 2.3 Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera Melayu | 35 |
| 2.4 Penutup | 46 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 47 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | |
| 3.2.1 Kajian Kepustakaan | 47 |
| 3.2.2 Rujukan Teks | 47 |
| 3.3 Teori Pengkaedahan Melayu | 48 |
| 3.3.1 Pengkaedahan Alamiah | 48 |
| 3.3.2 Pengkaedahan Keagamaan | 49 |
| 3.4 Kerangka Konseptual | 55 |
| 3.5 Penutup | 56 |
| | |
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 Pengenalan | 57 |
| 4.2 Nilai Baik Hati | |
| 4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan | 58 |
| 4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah | 64 |
| 4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Timbang Rasa | 65 |
| 4.3 Nilai Hemah Tinggi | |
| 4.3.1 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Kesopanan | 67 |
| 4.3.2 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra | 69 |
| 4.4 Nilai Hormat-Menghormati | |
| 4.4.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua | 73 |

| | | |
|---|--|-----|
| | 4.4.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Hormat Raja dan Negara | 75 |
| 4.5 | Nilai Kasih Sayang | |
| | 4.5.1 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Cinta Negara | 77 |
| | 4.5.2 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Sayangkan Nyawa | 79 |
| 4.6 | Nilai Keadilan | |
| | 4.6.1 Nilai Keadilan Melalui Sikap Adil dan Saksama | 81 |
| 4.7 | Nilai Keberanian | |
| | 4.7.1 Nilai Keberanian Melalui Sikap Tanggungjawab | 83 |
| | 4.7.2 Nilai Keberanian Melalui Sikap Pertahankan Diri | 89 |
| 4.8 | Nilai Kerajinan | |
| | 4.8.1 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Daya Usaha | 92 |
| | 4.8.2 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Kegigihan Atau Ketakwaan | 96 |
| 4.9 | Nilai Kebebasan | |
| | 4.9.1 Nilai Kebebasan Melalui Sikap Bersuara | 102 |
| 4.10 | Nilai kejujuran | |
| | 4.10.1 Nilai Kejujuran melalui sikap ikhlas | 105 |
| 4.11 | Nilai Kerjasama | |
| | 4.11.1 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama | 107 |
| 4.12 | Nilai Kesederhanaan | |
| | 4.12.1 Nilai Kesederhanaan Melalui Sikap Pertuturan dan Tingkah Laku | 109 |
| | Nilai kesyukuran | |
| 4.13 | 4.13.1 Nilai kesyukuran Melalui Sikap Mengenang Budi | 112 |
| | 4.13.2 Nilai kesyukuran Melalui Sikap Berterima Kasih | 114 |
| 4.14 | Nilai rasional | |
| | 4.14.1 Nilai rasional Melalui Sikap Alasan Dan Bukti Yang Kukuh | 118 |
| 4.15 | Nilai Semangat Masyarakat | |
| | 4.15.1 Nilai Semangat Masyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong | 120 |
| | 4.15.2 Nilai Semangat Masyarakat Melalui Sikap Muafakat | 123 |
| 4.16 | Kesimpulan | 126 |
| BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP | | |
| 5.1 | Pengenalan | 127 |
| 5.2 | Rumusan | 127 |
| 5.3 | Cadangan | 131 |
| 5.4 | Penutup | 133 |
| RUJUKAN | | 134 |
| BIODATA PENULIS | | 140 |

SENARAI CARTA

Carta 1: Jenis Pengkaedahan Alamiah
Carta 2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

| Halaman |
|---------|
| 49 |
| 52 |



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 1: Ciri Pengkaedahan Alamiah | 49 |
| Jadual 2: Ciri Pendekatan Gunaan | 50 |
| Jadual 3: Ciri Pendekatan Moral | 50 |
| Jadual 4: Ciri Pendekatan Firasat | 51 |
| Jadual 5: Ciri Pendekatan Seni | 53 |
| Jadual 6: Ciri Pendekatan Kemasyarakatan | 53 |
| Jadual 7: Ciri Pendekatan Dakwah | 54 |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

RAJAH

Rajah 3.1 Kerangka Konseptual

Halaman
55



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRAK

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), naratif lisan adalah salah satu corak perkembangan dalam dunia sastera yang dilakukan oleh orang Melayu terdahulu. Kajian ini juga menggunakan buku *Naratif Lisan Di Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai maklumat dalam trankripsi cerita rakyat ke dalam bentuk lirik lagu rakyat dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam buku tersebut. Kajian ini dilaksanakan kerana pengkaji melihat kelompongan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas tidak ada mana-mana pengkaji membuat kajian ini. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang ada dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Batasan kajian adalah cerita rakyat yang dipilih melalui buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* iaitu *Kota Jembal, Kain Sutera Cina, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Asal Usul Kampung Babong, Kepesatan Pengkalan Parit, Keajaiban Si Kera Putih, Kisah Sekumpulan Tupai, Asal Usul Wakaf Aik, Asal Usul Datu, Lipat Sanggul Penempatan Residen British, Milik Siapakah Saka Itu, Kehebatan Laksamana Laut, Mak Su Nab Ular, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif sebagai pencarian maklumat iaitu kepustakaan, teks. Kajian ini juga telah mengaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai penguat dalam kajian. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa lirik lagu yang dibuat telah menimbulkan beberapa nilai murni yang dapat memberi pengajaran kepada masyarakat yang akan datang.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Nilai-Nilai Murni, Teori Pengkaedahan Melayu, Teks *Seuntaian Naratif Lisan Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Transcription Of Folk Songs *In The Text Of Sequence Of String Oral Narratives In The Pengkalan Datu River Basin, Kelantan: An Analysis Of Pure Values Based On Malay Methodology Theory*

ABSTRACT

According to Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), oral narrative is one of the patterns development in the literary world done by the earlier Malays. This study also uses the book Oral Narrative in Pengkalan Datu, Kelantan as information in transcribe folklore into the form of folk song lyrics and the noble values found in the book. This study was implemented because the researcher saw the gap based on previous studies there were no researcher doing this study. The objectives of this study is to identify, analyze and formulate the noble values contained in the lyrics of folk in the text of Sequence of String Oral Narrative In The River Pengkalan Datu, Kelantan. Limitations of the study are folk tales selected through the book Seuntaian Naratif Lisan at River Pengkalan Datu, Kelantan, namely Kota Jembal, Chinese Silk Cloth, Pengkalan Datu Beach Fame, Origin of Kampung Babong, Pengkalan Parit Speed, The Miracle of the White Monkey, The Story of a Group Squirrels, Origin The Proposal of Wakaf Aik, The Origin of Datu, Folding the Bunch of British Resident Placement, Who Owns It, the Greatness of the Sea Admiral, Mak Su Nab Snack, Tok Guru Haji Awang Scholar Created. The results of the study finding also uses qualitative methods as information retrieval, namely the library, and text. This study has also applied the Theory of Malay Methodology as a strongest in the study. This study also uses qualitative methods in obtaining information. The results of the study prove that the lyrics of the songs made have given rise to some noble value that can provide lessons to the society to come.

Keywords: Folklore, Virtues, Malay Methodology Theory, *Text Of Sequence Of String Oral Narratives In The Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjelaskan bahawa naratif lisan tergolong dalam khazanah Melayu yang cukup bernilai kepada masyarakat pendukung. Naratif lisan juga sebagai alat kepada masyarakat pendukung bagi mengetahui soal kebudayaan, sejarah, pengalaman hidup, adat resam. Selain itu, naratif lisan adalah salah satu bentuk perkembangan dalam dunia sastera yang dibuat oleh orang Melayu terdahulu. Naratif lisan juga sebagai budaya masyarakat Melayu terdahulu dalam mengamalkan adat resam, pantang larang serta jati diri. Sejak zaman nenek moyang kita lagi ia banyak berkata tentang prinsip kehidupan adalah satu titik permulaan dalam mencapai sesuatu kejayaan. Kerana kaedah penceritaan disampaikan melalui mulut ia lebih mudah untuk difahami daripada kita membaca.

Aripin Said (1996) menjelaskan Naratif lisan juga merupakan agenda masyarakat dewasa. Walaupun perkara tersebut berlaku, penyebaran cerita rakyat dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca atau mendengar. Sebagai bukti yang jelas tentang menariknya Naratif lisan ianya disampaikan melalui sindiran atau jenaka. Ini menyebabkan pelbagai unsur kelucuan yang timbul membuatkan kanak-kanak yang melihatnya akan minat. Seterusnya pada bahagian pengenalan wajar dikaitkan dengan fokus kajian untuk mengtranskripsikan naratif lisan ke dalam bentuk lirik lagu rakyat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Secara jelasnya, Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah di transkripsikan ke dalam bentuk nyanyian lirik lagu rakyat yang

dicipta oleh pengkaji itu sendiri. Perkara ini telah menjadi isu penting kerana kajian ini belum pernah dikaji oleh para sarjana. Dalam hal ini, pengkaji juga menegaskan kaedah penyampaian cerita rakyat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Adalah sesuatu perkara yang unik dan baru didengar. Oleh itu, kajian ini amat baik untuk dijalankan oleh pengkaji di atas beberapa faktor positif yang dapat digambarkan melalui lirik lagu yang dicipta sendiri. Jelaslah bahawa, kajian memberi impak yang baik kepada para masyarakat pada zaman sekarang.




UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada sorotan kajian lepas menerusi pengkajian naratif lisan dalam kalangan sarjana di Malaysia terbukti belum ada kajian yang memfokuskan kepada transkripsi lirik lagu rakyat. Pengkajian cerita rakyat yang memfokuskan kepada nilai-nilai murni telah diperjuangkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob bermula daripada tahun 2013-2021 dalam artikel iaitu seperti *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu* Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Oleh itu, berdasarkan kajian Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun sebelum ini telah membuktikan bahawa kajian beliau hanya berfokuskan kepada elemen nilai murni dalam cerita rakyat. Namun demikian, kajian ini untuk menerokai kajian nilai murni ke arah yang lebih memberi nilai tambah dalam pengkajian sastera yang mana kajian ini untuk mentranksripsikan cerita rakyat ke dalam bentuk lirik lagu. Golongan muda pada masa sekarang kurang membaca buku atau tidak mengambil tahu tentang kelebihan tradisional terdahulu seperti lagu rakyat. Ini menyebabkan pemahaman golongan muda terhadap nilai murni lagu rakyat pada era kemodenan lebih rendah Kerana bagi mereka perkara lagu rakyat adalah sebuah lagu yang tidak mempunyai hiburan malah ianya adalah sesuatu perkara yang tidak menarik. Oleh itu, dalam kajian *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* yang saya buat ini adalah untuk menyedarkan golongan muda bahawa lagu rakyat adalah lagu yang klasik atau menarik dan sedap didengar, kerana lirik tersebut di ambil melalui teks yang saya kajian iaitu teks *Seuntaian Narati Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

Muhd Taib Osman pada tahun (1977) telah menjelaskan kajian terhadap pendokumentasian cerita lisan kurang mendapat perhatian oleh generasi kini yang telah hanyut dengan kemodenan teknologi. Ini kerana media sosial pada masa sekarang sangat berpengaruh menyebabkan golongan mudah terikut-ikut dengan aksi atau tingkah laku yang negatif. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan

muda merupakan aset terpenting untuk kemajuan negara jika ia tidak digunakan maka perkembangan negara tidak berlaku. Sehubungan itu, kemajuan teknologi pada masa kini telah menjasakan nilai-nilai murni masyarakat Melayu. Oleh itu melalui kajian yang saya jalankan ini telah membuktikan keunikan yang ada terhadap laku rakyat yang dicipta mempunyai nilai-nilai murni yang memberikan unsur pengajaran tentang kehidupan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan persoalan kajian seperti yang telah dibincangkan dan untuk menjadi kajian ini lebih sempurna, beberapa soalan kajian diketengahkan dengan meneliti aspek berikut:

1.3.1 Apakah nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu rakyat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah nilai murni dalam lagu rakyat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.3 Sejauh manakah terdapat nilai murni dalam lagu rakyat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.4 Objektif Kajian

Setiap kejayaan atau impian yang hendak dicapai haruslah memerlukan pengorbanan. Maka melalui kajian ini terdapat objektif kajian yang sesuai telah dikemukakan bagi mencapai mencapai hasrat dan impian yang sempurna. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggariskan objektif yang bertepatan dengan kajian ini seperti berikut.

1.4.1 Mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.4.2 Menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.4.3 Merumuskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* yang telah ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Pemilihan ini dibuat kerana buku ini terdapat naratif lisan yang menjelaskan beberapa perkara di kampung Pengkalan Datu. Buku ini juga telah diterbitkan oleh UMK pada tahun (2021) yang mempunyai 120 halaman bercetak.

Selain itu, pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa jenis cerita rakyat yang dipilih sebagai transkripsi cerita rakyat ke dalam bentuk lagu iaitu *Kota Jembal, Kain Sutera Cina, Kemasyhuran pantai Pengkalan Datu, Asal Usul Kampung Babong, Kepesatan Pengkalan Parit, Keajaiban Si Kera Putih, Kisah Sekumpulan Tupai, Asal Usul Wakaf Aik, Asal Usul Datu, Lipat Sanggul Penempatan Residen British, Milik Siapakah Saka Itu, Kehebatan Laksamana Laut, Mak Su Nab Ular, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*.

Di samping itu, tujuan cerita rakyat itu dipilih kerana ia mempunyai kekayaan nilai murni yang digambarkan dalam kehidupan dalam kehidupan dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai alat pengaplikasian dengan nilai-nilai murni dalam lirik lagu yang dibuat. Kerana Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan dan ini amat membantu pengkaji untuk lebih mantap kajiannya kerana mempunyai unsur pengajaran dalam agama Islam.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang pertama adalah meningkatkan kesedaran setiap masyarakat betapa pentingnya nilai murni dalam lagu rakyat. Dengan adanya kajian ini, kita dapat menyampaikan atau mendedahkan betapa pentingnya lagu rakyat untuk kita. Hal ini kerana, golongan masyarakat pada zaman sekarang kurang tahu tentang lagu rakyat atau cerita rakyat kerana mereka lebih terdedah dengan dunia kemodenan menyebabkan mereka kurang tahu apakah keistimewaan yang ada pada lagu rakyat.

Selain itu, kepentingan kajian yang kedua ialah lirik lagu rakyat yang dibuat melalui buku yang dikaji adalah sebagai rujukan dalam pendidikan. Dengan adanya kajian ini secara lebih terperinci dan didedahkan dalam bentuk lirik lagu maka ianya lebih mudah untuk kita faham akan sesuatu perkara. Hal ini kerana, generasi pada masa sekarang kurang minat untuk membaca buku tebal tambahan pula buku yang berkaitan dengan sejarah atau kisah naratif lisan zaman dahulu. Bagi mereka ianya merupakan sebuah cerita yang membosankan jika ianya dibaca. Bahasa yang digunakan pada masa dahulu ada yang berbeza pada masa sekarang. Oleh itu dengan adanya penyampaian cerita rakyat dalam bentuk lirik lagu ianya dan lebih mudah untuk kita mengetahui sesuatu sejarah dahulu tanpa perlu membaca buku-buku.

Seterusnya, kepentingan kajian yang ketiga ialah dapat menunjukkan keaslian lirik lagu rakyat yang dicipta melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Dengan adanya kerja penyelidikan yang sedemikian, maka ia dapat menunjukkan keaslian lirik lagu rakyat yang dibuat melalui buku teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* akan lebih menarik dan indah untuk dengar. Ini kerana, keaslian lirik lagu yang dicipta adalah sesuatu perkara yang penting kita perlu tahu serta setiap patah perkataan yang di

nyanyikan perlu mempunyai maksud tersendiri. Supaya setiap penyampaian akan sampai dengan baik kepada khalayak yang mendengarnya. Oleh itu, kita sebagai pencipta lirik lagu perlu tahu dan mahir dalam mengatur setiap patah perkataan, atau bahasa supaya ianya lebih menarik dan sedap didengar ketika masa ianya dimainkan atau dinyanyikan.



1.7 Definisi Operasional

Tujuan definisi operasional adalah untuk mengemukakan beberapa kata kunci penting untuk ditonjolkan dalam kajian ini. Seperti transkripsi, lagu rakyat, naratif lisan, nilai murni serta Teori Pengkaedahan Melayu.

1.7.1 Transkripsi

Definisi operasional adalah kajian yang menghuraikan maksud secara lebih jelas tentang transkripsi. Transkripsi merupakan sesuatu kaedah penurunan bunyi muzik daripada tulisan yang mencatatkan sesuatu perkara. Ia dikaitkan lambang bunyi serta penulisan daripada huruf-huruf biasa. Selain itu, Semua lambang boleh digunakan sebagai rakaman yang bertulis. Setelah semua bunyi-bunyian dirakam baru ianya dianalisis. Justeru itu, (Harimurti kridalaksana, 2001) beliau menyatakan transkripsi juga adalah tulisan yang berbentuk tanda graf iaitu kejadian proses catatan pertukaran. Seterusnya, transkripsi ini adalah sangat penting dalam membuat sesuatu cacatan dan juga salinan dari sesebuah perbincangan kepada bentuk tulisan. Menurut Abdul Hamid Mohmood dan Nurfarah Lo Abdullah (2007) mereka menjelaskan transkripsi adalah sesuatu perkara yang berkaitan dengan lambang-lambang muzik yang diubah dengan pertuturan dalam bentuk bahasa yang sesuai. Seterusnya, transkripsi ini adalah sangat penting dalam membuat sesuatu cacatan dan juga salinan dari sesebuah perbincangan kepada bentuk tulisan. Selepas itu, melalui *Kamus Dewan* (2012) transkripsi bermaksud pertukaran bahan tulisan seperti teks ke dalam setiap jenis penyampaian yang hendak dilakukan. Secara rumusannya, berdasarkan pandangan para sarjana di atas transkripsi boleh dikatakan sebagai satu pertukaran tulisan ke dalam bentuk lambang yang mempunyai maksud. Oleh itu, kajian ini menggunakan transkripsi naratif lisan ke dalam bentuk lirik lagu dan dapat mengeluarkan beberapa keunikan nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu tersebut.

1.7.2 Lagu Rakyat

Selain itu, dalam kajian ini juga menyatakan maksud lagu rakyat. Menurut Rahmah Bujang(1999) beliau menjelaskan lagu rakyat adalah sebuah nyanyian yang dilakukan oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, lagu rakyat selalunya kita lihat orang guna pakai semasa hendak hiburkan diri, aktiviti perkahwinan, dan semasa bekerja. Tujuan ia dilakukan adalah untuk memberi suasana yang tidak meriah kepada meriah. Menurut Aripin Said (2004), lagu rakyat adalah sebuah nyanyian rakyat yang dilakukan untuk hiburkan diri. Masyarakat Melayu terdahulu membuat nyanyian rakyat sebagai alat untuk hiburkan diri sendiri jika berada dalam keadaan bermasalah. Seterusnya, melalui *Kamus Dewan* (2016) lagu adalah satu nada yang berseni di lakukan sejak dahulu kala lagi Secara rumusannya,melalui pandangan para sarjana di atas terbukti bahawa lagu adalah sebuah nyanyian yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu sebagai alat hiburan atau pengajaran maka sewajarnya lagu rakyat ini dimainkan supaya ia tetap kekal kepada generasi yang akan datang.

1.7.3 Naratif Lisan

Seterusnya, Sastera juga sebagai alat hiburan atau bahasa pertuturan yang dilakukan dalam masyarakat tradisional dahulu Ismail Hussein (1965). Selain itu, naratif lisan adalah merupakan sastera rakyat yang berkembang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Naratif lisan juga merupakan budaya masyarakat Melayu sejak zaman dahulu kala lagi, ia juga sebagai alat pendidikan kepada masyarakat dahulu hingga kini (Mohd Taib Osman, 1976). Menurut Hashim Awang (1985) naratif lisan adalah sebuah sastera rakyat yang wujud dalam kalangan masyarakat sejak dahulu kala lagi. Secara rumusannya, melalui pandangan para sarjana jelas bahawa naratif lisan adalah sastera lisan yang disampaikan secara turun temurun yang mengandungi pelbagai nilai murni di dalamnya. Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan tunjuk agar serta pengajaran kepada masyarakat Melayu. Naratif lisan adalah satu-satu khazanah peninggalan yang cukup bernilai daripada masyarakat terdahulu.

ia juga berperanan sebagai alat apresiasi. Selain itu, naratif lisan sebagai elemen kepada masyarakat pendukung soal kebudayaan, sejarah, pengalaman hidup, adat istiadat Mohd Firdaus Che Yaacob (2018).

1.7.4 Nilai Murni

Menurut Wan Abdul Kadir, (2000) beliau menjelaskan nilai-nilai murni sebagai medium kepada pembaca melalui kaedah penyampaian cerita rakyat. Namun begitu, menurut Norazimah Zakaria (2015), nilai murni adalah perkara penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat melalui kesusasteraan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai adat seseorang akan membentuk jati diri yang unggul pada seseorang bangsa. Maka adat adalah sebuah erti kata tata cara hidup seseorang bangsa. Oleh itu seorang masyarakat itu perlu mempunyai unsur intelek, tanggungjawab, pertuturan kata yang baik serta kesenian bahasa. Seterusnya, dengan adanya elemen ini iaanya akan menarik minat pembaca terhadap nilai murni bahasa yang diwujudkan oleh masyarakat dan ini boleh membentuk kehidupan harmoni dan sejahtera. Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) menurut beliau nilai baik hati adalah seorang manusia yang memiliki tingkah laku atau perasaan. Secara jelaslah, pandangan tokoh di atas membuktikan bahawa nilai murni adalah satu nilai yang bagus untuk diamalkan dalam diri serta boleh dijadikan sebagai alat pelajaran serta pengajaran kepada para masyarakat.

1.7.5 Teori Pengkaedahan Melayu

Seterusnya Teori Pengkaedahan Melayu telah diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun (1980). Teori tersebut digunakan oleh Hashim Awang bagi tujuan mengkritik teori barat yang dikatakan teori yang berat sebelah dan ini menyebabkan teori barat tidak sesuai untuk digunakan dalam sesebuah karya sastera Melayu yang memiliki jati diri bangsa Melayu dan agama Islam. Walaupun begitu, pemikiran yang dibuat oleh Mana Sikana pada tahun (1991) pula, teori merupakan penghasilan nilai sastera

serta budi pekerti orang Melayu. Di dalam Teori Pengkaedahan Melayu juga ianya terbahagi kepada dua cabang iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaedahan alamiah terdiri daripada pendekatan firasat, pendekatan kegunaan dan pendekatan moral manakala pengkaedahan keagamaan pula terbahagi kepada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan serta pendekatan seni Hashim Awang (2002). Seterusnya, pandangan tokoh di atas secara rumusannya Teori Pengkaedahan Melayu banyak membantu kajian ini agar lebih mantap dari segi analisis kajian, kerana Teori Pengkaedahan Melayu banyak berasaskan keagamaan dan pengajaran kepada semua.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.8 Organisasi Kajian

Organisasi kajian merupakan perbincangan secara umum tentang keseluruhan bab dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan beberapa bahagian dalam setiap bab untuk menggambarkan kelangsungan kajian ini agar tersusun dengan teratur.

Selepas itu, dalam organisasi kajian ianya menyatakan tentang bab 1 iaitu pengenalan dalam kajian ini di maksud definisi Naratif lisan berserta beberapa huraian. Selepas itu saya juga telah memasukkan persoalan kajian iaitu berdasarkan sorotan kajian lepas menerusi pengkajian naratif lisan dalam sarjana muda di Malaysia dan juga membuktikan murni terhadap lirik lagu rakyat yang dicipta melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* belum ada mana-mana pengkaji jalankan lagi.

Seterusnya, bab 2 pula adalah sorotan kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan tajuk kajian ini. Pengkaji menggunakan data-data sekunder daripada kajian lepas. Kajian lepas ini selain daripada memberi data sekunder untuk menyokong keunikian lirik lagu rakyat yang dibuat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan mengeluarkan nilai-nilai murni yang ada dalam cerita rakyat tersebut. Kajian ini, ianya juga menunjukkan apakah dimensi-dimensi yang belum dikaji.

Selain itu, bab 3 adalah mengandungi metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini. Setiap langkah atau prosedur yang diambil melalui kajian ini akan dihuraikan dalam bab ini seperti reka bentuk kajian, pengumpulan data, pendekatan kaji yang telah diterapkan ke dalam analisis kajian.

Di samping itu, bab 4 adalah menghuraikan tentang dapatan kajian dan analisis data yang diperolehi dalam kajian ini secara kualitatif. Kesemua data yang telah dianalisis akan dihuraikan dalam bab ini berserta dengan teks buku yang dikaji. Antara nilai murni yang dipilih adalah Baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kerajinan, kebebasan, kejujuran, kerjasama, kesyukuran, rasional serta semangat masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018).

Akhir sekali, bab 5 akan menyentuh tentang rumusan keseluruhan tentang kajian yang telah dijalankan. Rumusan serta cadangan untuk kajian penyelidikan pada masa akan datang juga akan disarankan oleh penyelidik dalam bab ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.9 Penutup

Secara keseluruhannya, cerita rakyat di Kelantan masih lagi mendapat sambutan hangat untuk dijadikan sebagai maklumat kajian bersifat akademik secara lebih luas dan terbuka. Oleh itu, pengkaji telah memilih beberapa cerita yang terkandung dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang sangat kaya dengan nilai murni serta untuk dijadikan transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Kerana pengkajian ini, belum ada mana-mana pengkaji jalankan lagi. Jelaslah bahawa, kajian yang dibuat oleh pengkaji mempunyai keunikan yang tersendiri, dan memudahkan masyarakat untuk tahu dan belajar tentang cerita rakyat yang ada di negeri Kelantan.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan secara ringkas tentang beberapa penyelidikan yang telah dilakukan beberapa pengkaji terdahulu yang memfokuskan kajian terhadap pengkajian Naratif Lisan di Malaysia dan Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera.

2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia

Muhammad Azrul Deraman (2015) telah menjelaskan kajian beliau terhadap *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam*. Kajian ini juga telah dijalankan oleh Zakaria hitam ke atas 10 cerita bermula tahun 1972-1981 di Negeri Pahang. Selain itu, Tujuan kajian adalah untuk mengetahui secara lebih terperinci tentang kehidupan yang dilalui Pak Zakaria sehingga beliau digelar tokoh. Walaupun begitu, objektif Kajian ini adalah untuk mengetahui nilai-nilai kemanusiaan hasil koleksi Pak Zakaria. Seterusnya Teori humunisme iaitu sesuatu percakapan yang ingin menyampaikan sesuatu perkara yang baik. Dalam koleksi beliau banyak menghuraikan proses memanusiakan dengan kaedah pendidikan yang lebih mudah difahami dan diikuti. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan rujukkan perpustakaan. Akhir sekali dari segi hasil dapatan kajian, menjelaskan sikap rajin adalah sebuah sikap yang baik dan boleh dijadikan sebagai pengajaran.

Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) membincangkan *Awang Batil dan Pura Taman* iaitu Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli.

Selain itu, pengkaji menjelaskan penceritaan lisan atau penglipur lara Melayu di Nusantara sering kali diperkatakan oleh pelbagai pihak. Di sampaing itu, Masalah kajian pula, Terdapat dua tokoh membincangkan tentang pelipur lara iaitu Awang Batil dan Pura Taman. Kedua-dua orang ini berasal daripada kaum yang berbeza. Selepas itu, pengkaji menyatakan Objektif kajian mendokumentasikan proses kemunculan seseorang pencerita dan juga menganalisis secara mendalam peranan yang dimainkan oleh mereka dalam konteks persekitaran yang didiami. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan. Akhir sekali, hasil dapatan kajian untuk melihat fungsi penceritaan atau penglipur lara yang dimaksudkan itu.

Siti Zuhaidah Zakeria (2015) menerusi kajian beliau terhadap *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar* merumuskan tentang cara penyampaian terhadap cerita rakyat Melayu yang menjadi pilihan untuk kanak-kanak yang dipaparkan dalam majalah Dewan Pelajar. Permalahan kajian ini berlaku apabila masalah mutu dalam penghasilan buku kanak-kanak dan remaja dan kelemahan dalam penulisan sastera kanak-kanak. Selain itu, objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan DBP. Kajian ini terbatas terhadap 21 cerita rakyat yang dipilih iaitu *Baju Baru Raja, Isteri Si Penjual Garam, Peperangan²⁴ Kucing dan Tikus, Raja Muda dan Puteri Burung Kuau, Arnab Yang Bijak, Pengembalaan Putera Raja, Kisah Chapi dan Si Bongsu, Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam, Putera Belanak dan Puteri Bongsu, Tajamnya Akal Sang Ketam, Hashim Yang Cerdik, Asal Burung Tekukur, Penenun Rambut, Kisah Semut dan Kerengga, Kucing dan Ilmu Memanjat, Si Anak-anak Dengan Hampa Padi, Dadu dan Didi MembunuhGergasi, Tiga Pilihan, Kisah Seuncang Padi, Balasan Orang Kaya Tamak, dan Guri Emas dan Isteri Cerdik*. Akhir sekali, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak bagi mengukuhkan

perbincangan. secara rumusan, gaya penyampaian ini mampumenambahbaik bidang penulisan kearah yang lebih tinggi terutama dalam bidang akademik.

Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan (2015) menjelaskan kajian mereka terhadap *Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini*. Selain itu, permasalahan kajian adalah melalui sosial remaja yang semakin berleluasa. Seterusnya pengkaji membincangkan dapatan kajian berkaitan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. Oleh itu, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai carian maklumat. Seterusnya, pengkaji membataskan kajian terhadap Data-data yang dikutip melalui soal selidik yang melibatkan pelajar sekolah menengah harian terpilih di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian membuktikan nilai murni yang diketahui oleh para pelajar di peringkat sederhana sahaja.

Ahmad Sahlan Abdul Halim & Rosmawati Mohamad Rasit (2015), melalui kajian mereka iaitu *Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Selain itu, masalah Kajian penerapan nilai murni melalui kesenian dengan melaksanakan aktiviti dakwah yang melibatkan pelajar sekolah. Di samping itu, pengkaji menjelaskan Objektif Kajian adalah untuk mengenalpasti hubungan pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian sekali gus penerapan nilai murni di sekolah dalam kalangan pelajar. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai sokongan menghasilkan kajian berkenaan nilai murni melalui kesenian dalam aktiviti dakwah. Akhir sekali, hasil kajian mendapati aktiviti dakwah yang dilaksanakan melalui kesenian dalam kalangan pelajar sekolah secara tidak langsung telah menyumbang kepada unsur nilai.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) telah menjelaskan tentang *Cerita Rakyat Melayu Iaitu Suatu Analisis Pencaran Jadi Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Permasalahan kajian adalah masih terdapat sekumpulan yang terlibat dengan aspek-aspek nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, tujuan kajian menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam teks seuntaian himpunan 366 cerita rakyat Malaysia. Batasan kajian adalah *teks seuntaian himpunan 366 cerita rakyat Malaysia* Oleh Aripin Said dan Othmat Puteh yang kaya dengan nilai-nilai murni. Akhir sekali, hasil kajian mendapat terdapat pelbagai unsur nilai murni yang disampaikan oleh pengkaji sehingga cerita ini di angkat oleh masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza abd Rahim (2015) menyuarakan kajian mereka teradap *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Selain itu, Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni berdasarkan cerita rakyat terhadap pembentukan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Pengkaji membataskan kajian melihat nilai moral dalam cerita rakyat serta kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dalam mendapat maklumat daripada buku *366 cerita rakyat di Malaysia*. Akhir sekali, Hasil kajian mendapatkan buku tersebut banyak membantu menjelaskan kemurnian nilai murni kepada para masyarakat.

Shaiful Bahri Md Radzi (2015) telah menjelaskan tentang *Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka*. Hal ini disebabkan, Motif anak derhaka dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat kontemporari. Walau bagaimana sekalipun, kes penderaan ibu bapa sekarang juga semakin

banyak ianya dapat dilihat melalui media masa atau berita-berita. Kerana zaman sekarang kecanggihan teknologi dapat menyebarkan segala maklumat yang baik ataupun yang tidak baik. Selain itu, Objektif kajian dapat lihat bagi mengenal pasti dan menganalisis motif anak derhaka moden. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan. Hasil kajian yang di perolehi akan dapat membantu pengkaji untuk menjelaskan secara lebih terperinci tentang sikap seseorang manusia dalam kehidupan seharian meraka.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Gdadhaffi Hanafiah (2015), mengkaji *Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia*. Selain itu, pengkaji telah merujuk kepada nilai kemasyarakatan Melayu di Malaysia. Seterusnya, Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan sistem nilai Melayu kini akibat perkembangan teknologi media baharu. pendekatan kualitatif sebagai alat pencarian maklumat dan mengaplikasikan Teori Modernisasi bagi menerangkan berkaitan kehidupan masyarakat yang di penuhi teknologi. Akhir sekali, Hasil kajian menjelaskan bahawa nilai Melayu pada masa sekarang lebih rendah berbanding dengan kemajuan orang barat Perbandingan yang dilakukan oleh pengkaji dengan melihat nilai Melayu dan sistem Barat menunjukkan perbezaan ketara apabila masyarakat Melayu sendiri mempunyai jati diri yang menjadi kepentingan dalam sistem nilai masyarakat Melayu kini.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob, (2016) menerusi kajian mereka terhadap *Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid*. Selain itu, tujuan kajian untuk menjelaskan Dikir Barat adalah peninggalan budaya yang terkenal di negeri Kelantan. Seterusnya, Objektif kajian mengenal pasti dan menganalisis amanat serta impak yang terkandung dalam lirik.

Pengkaji menggunakan Aplikasi prinsip Teori Konseptual Kata Kunci serta kaedah kualitatif sebagai carian maklumat. Akhir sekali, dapatan kajian membuktikan setiap rangkap lirik Dikir Barat Halim Yazid mempunyai maksud yang tersendiri.

Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini (2016) kajian terhadap *Pembangunan dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomologi Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia* membincangkan kajian etnomologi yang berkaitan dengan kehidupan sosial yang bersifat abstraktif dari lagenda Mahsuri, Langkawi. Selain itu, Objektif kajian ialah menjelaskan kaedah kajian tentang etnomonologi, menghuraikan konsep diaspora citra bangsa (*local genius*) dalam konteks pengkajian, menghuraikan latar Lagenda Mahsuri, Langkawi dan menghuraikan aspek pembangunan dan cabaran diaspora citra bangsa (*local genius*) daripada Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia. Kajian terbatas kepada Lagenda Mahsuri yang menggunakan kaedah kajian etnomologi. Hasil kajian meliputi aspek-aspek pembangunan dan cabaran diaspora citra (*local genius*) Lagenda Mahsuri.

Ahmat Adam (2016), telah menjelaskan kajian terhadap buku *Sulalatus Salatin yang berkaitan dengan Mitos dan Sejarah Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*. Hikayat Hang Tuah ada dua buat karya klasik agung orang Melayu. Karya ini juga ditulis pada abad ke 16-17 masihi. Hal ini kerana pada asalnya karya ini ditulis secara lisan mengikut buku rujukan sejarah dan kebudayaan bahasa Melayu. Objektif kajian ini juga membincangkan tentang teks Melayu yang belum pernah dikritik oleh mana-mana ahli sejarahwan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan teks. Selain itu, hasil dapatan kajian ini menyatakan adalah sejarah melayu merupakan sumber yang boleh dipercayai.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) dalam kajiannya mereka terhadap *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* membincangkan amalan turun temurun yang terhakis ekoran kepesatan negara. Seterusnya, objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur budaya dalam cerita rakyat kanak-kanak. Pengkaji membataskan kepada beberapa buah cerita rakyat terpilih bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif iaitu rujukan teks dan kepustakaan sebagai perbincangan. Kesimpulanya, unsur budaya yang sarat dengan pengajaran dapat mengembangkan pemikiran serta membentuk jati diri kanak-kanak.

Clarice Gallus & Low Kok On (2016) menerusi kajian terhadap *Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema*. Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat etnik Dusun Liwan, Sabah dengan beberapa tema-tema yang terkandung dalam tangon. Tema yang diperoleh berdasarkan tangon di kalangan masyarakat etnik Dusun Liwan yang terletak di Mukim Kirokot, Tambunan, Sabah. Kajian ini sebuah kajian analisis bertemakan interpretasi serta perbandingan cerita rakyat Barat, cerita rakyat Melayu, dan cerita rakyat tempatan yang lain. Maka, setelah mengenal pasti dan menganalisis maklumat yang diperoleh menonjolkan keunikan dan keistimewaan turun temurun tradisi lisan yang dimiliki oleh etnik Dusun Liwan di Mukim Kirokot, Tambunan, Sabah. Maklumat di perolehi melalui kajian lapangan kesimpulannya, keunikan dan keistimewaan cerita rakyat yang ada Dusun Liwan, Sabah telah wujud sejak dahulu kala lagi dan kini.

Siti Faridah & Bazrul Bahaman (2017) kajian mereka terhadap *Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni*. Kajian ini adalah mengenai nilai murni

Islamiah yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti peranan *Sulalatus Salatin* dan menganalisis kisah-kisah terpilih di mana Batasan kajian tertumpu kepada beberapa kisah sahaja. Kaedah kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan prinsip ketujuh iaitu Prinsip Khalayak dalam Teori Takmilah. Dapatkan kajian menjelaskan sebuah kajian yang bersifat didaktik dan membimbing. Di mana kajian sebegini sewajarnya dikembangkan kerana ia merupakan medium dalam penyampaian nilai-nilai murni dan pembentukan sahsiah namun mestilah melalui cara penulisan yang berbeza kerana ia bertujuan untuk menarik generasi kini dalam menyampaikan mesej berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*.

Fifi Rinyuk (2017) menjelaskan tentang kajiannya terhadap *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian* menjelaskan tentang kajian sastera di sarawak iaitu nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat kaum Bidayuh. Permasalahan kajian adalah kurangnya kajian tentang cerita rakyat Bidayuh yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu menyebabkan cerita rakyat bidayuh mula dipandang biasa dan jarang diamalkan oleh masyarakat di sana. Tujuan kajian adalah mengetengahkan cerita rakyat kaum bidayuh dan menjelaskan nilai-nilai serta menjalankan nilai moral rakyat bidayuh. Batasan kajian adalah masyarakat bidayuh merupakan terdiri daripada etnik bukar atau sadong. Maklumat di perolehi melalui kepustakaan dan teks. Hasil kajian menjelaskan tentang sebuah sistem pendidikan dan inilah yang diterap ini mampu melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia serta dapat mengembangkan lagi sastera rakyat Bidayuh yang dikata lupuk di tinggal zaman.

Florina Jumil, Norjetta Julita Taisin (2017) telah memfokuskan kajian terhadap *Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun*. Objektif kajian ini berkaitan dengan mengenal pasti nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat di kadazandusun. Teori pendekatan moral M. Atar Semi (1993) dijadikan sebagai landasan utama manakala teori formalistik adalah penyokong analisis. Selain itu, pengkajian telah dijalankan menggunakan kaedah perpustakaan. Hasil kajian yang di perolehi banyak nilai pendidikan dalam cerita rakyat mampu membentuk karakter seseorang pembaca.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) telah menjelaskan berkaitan *Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Menerusi cerita rakyat Melayu ialah sebuah cerita yang berasal daripada masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau. Selain itu, Objektif kajian adalah mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Dalam kajian ini juga telah dinyatakan kaedah kualitatif yang melihatkan perpustakaan dan teks. Dapatkan kajian yang di perolehi adalah bukti bahawa elemen nilai murni kejujuran ternyata jelas terkandung dalam cerita rakyat Melayu terpilih. Oleh itu kajian ini amat sesuai untuk dikaji kerana ianya sangat menarik untuk kita ketahui ape yang menarik terhadap cerita rakyat yang dibaca.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah memfokuskan kajian terhadap *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan iaitu Satu Pengaplikasian Sastera Warisan*. Masyarakat orang asli temiar merupakan komunikasi orang yang telah wujud di negara kita. Ini disebabkan

orang asli temiar sangat banyak menjelaskan cerita rakyat kerana bagi mereka, ia merupakan sebuah kebanggaan bagi masyarakat mereka. Dan ini menjadi permasalahan kerana kemodenan negara yang semakin maju menyebabkan cerita rakyat semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Selain itu, objektif kajian menganalisis nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang asli temiar Gua Musang, Kelantan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan bagi mendapat maklumat yang betul. Dalam kajian ini terdapat teori yang sesuai digunakan iaitu teori sastera warisan yang dikemukakan oleh (A. Wahab Ali, 2005) sebagai gagasan untuk memperkuuhkan daptan kajian. Dapatan kajian yang di perolehi adalah nilai budaya adalah sebagai sebuah lambang kekuatan masyarakat dahulu, oleh itu ia perlu dijaga dengan baik.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) telah menjelaskan kajian tentang *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Iaitu Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. Selain itu, Objektif kajian yang berkaitan iaitu mengenal pasti nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu, menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dan memasukkan Teori Pengkaedahan Melayu ke dalam analisis bagi memantapkan lagi kajian tersebut. Pengkaji ini menggunakan kaedah sorotan pembaca serta perpustakaan. Akhir sekali, Hasil kajian yang diperoleh telah membuktikan cerita rakyat Melayu mempunyai keunikan tersendiri kerana kemurnian nilai-nilai yang boleh memberi pengajaran serta mendidikan.

Feaz Huzaini Ramleh & Humin Jusilin (2018) dalam kajian mereka terhadap *Unsur Spiritual Dalam Karya Catan Pelukis Sabah Sabrina Majuakim* membincangkan

unsur spiritual yang terkandung dalam karya untuk menyampaikan sesuatu mesej yang berunsur dakwah. Selain itu, objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen komunikasi dalam sesebuah karya catan. pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu rujukan kepustakaan dan teks sebagai perbincangan. Pengkaji mengaplikasikan Teori Ikonografi Panofsky dalam penyelidikan bagi memantapkan lagi hasil analisis. Hasil kajian adalah untuk mengetahui unsur agama.

Siti Norasikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Frah Wanie Wan Fakhruddin & Zaliza Mohd Nasir (2019) mereka membincangkan kajian *Pemaknaan Naratif Lisan Pengalaman Dalam Cerpen Melayu* dari segi pemaknaan naratif pengalaman cerita yang berunsurkan genre naratif yang disampaikan melalui lisan dan penulisan yang telah menimbulkan pelbagai hiburan dalam cerpen Melayu yang di kenali sebagai naratif prosa. Permasalahan kajian adalah ke kurang kajian terhadap Lingusitik Fungsional Sistemik dalam kajian bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah menganalisis pemaknaan naratif pengalaman menggunakan pendekatan Analisa Transitiviti dari Lingusitik Fungsional Sistemik sebagai dapatan kajian. Batasan kajian ini dipetik melalui cerpen Melayu iaitu bertajuk *Anita Cacatan Di Meja Makan Dan Meneruskan Perjalanan*. Kajian ini juga menggunakan teori iaitu teori Transitiviti dan Metafungsi Ideasional sebagai alat analisis kajian. Analisis kajian telah menemukan maksud cerpen dalam bentuk aktif yang dilakukan dengan menggunakan proses aktif lakuan serta proses lakuan itu perlu mempunyai entiti hidup atau entiti bukan hidup.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai' Sujud (2019) melalui kajian mereka terhadap *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan*

Dalam Kalangan Kanak-Kanak membincangkan tentang watak pemimpin dalam cerita binatang. Terdapat kelompongan daripada kajian-kajian pengkaji terdahulu. Selain itu, objektif kajian untuk mengenal pasti elemen adab dan kesannya sekiranya diterapkan kepada masyarakat berdasarkan cerita binatang. pengkaji membataskan kepada “*Kisah Sang Kancil dan Memerang*”. pengkaji memilih kaedah kualitatif sebagai menerapkan Pendekatan Adab yang digagaskan pada tahun 2001 oleh Syed Naquib Al-Attas iaitu landasan kerangka analisis bagi memantapkan kajian. Keseluruhan Hasil penyelidikan mendapati watak binatang yang berkelakuan seperti watak manusia yang memberikan pengajaran serta tunjuk ajar kepada masyarakat.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) kajian mereka terhadap *Dari Cetak ke Digital: Pembinaan Semula Cerita Rakyat di Malaysia*. Objektif kajian adalah untuk mengkaji sama ada cerita rakyat di Malaysia selari dengan perkembangan teknologi di Malaysia. Batasan Kajian untuk mengetahui jumlah kesusasteraan rakyat Melayu yang diterbitkan melalui media digital. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil daripada kajian ini ialah ekosistem cerita rakyat di Malaysia sangat lambat berkembang dan usaha-usaha segera diperlukan untuk memastikan sastera rakyat, sebagai khazanah negara, dapat dipelihara dan dinaikkan tarafnya.

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020) melalui kajian mereka iaitu *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan*. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk melihat sejauhmanakah adaptasi Cerita Si Luncai dapat dihasilkan dalam bentuk seni visual. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan di samping mengaplikasikan Teori Adaptasi yang

diperkenalkan oleh Desmond & Hawkes (2006). Melalui hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa bahan kesusasteraan rakyat Melayu boleh diterjemahkan ke dalam bentuk visual kerana ia lebih menarik dan berpotensi untuk diguna pakai dalam subjek seni visual sebagai tema misalnya.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) dalam kajian mereka terhadap *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”*. Tujuan kajian adalah *Analisis Semantik Inkuisitif* membincangkan peristiwa aneh yang diterapkan dalam karya sastera untuk dipakai sebagai panduan kepada khalayak. Selain itu, batasan Kajian ini dapat dilihat terhadap cerita rakyat “Hikayat nakhoda Muda” dalam buku hikayat yang berjudul “*Antologi Enam Hikayat*”. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif yang dikemukakan oleh Jalaluddin (2014) dan dibantu menggunakan pendekatan Rangka Ruju Silang yang dikemukakan oleh Kempson (1986). Sebagai rumusan, berpandukan pendekatan Sematik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang telah merungkai penyebab periswi aneh.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) terhadap *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* telah membincangkan nilai-nilai Islam yang terkandung cerita-cerita rakyat yang menggambarkan corak kehidupan latar belakang masyarakat Melayu terdahulu yang kebanyakannya beragama Islam. Permasalahan kajian terdapat kelompongan para sarjana terdahulu dalam aspek nilai-nilai Islam yang belum mempunyai kajian secara menyeluruh. Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dalam pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini terbatas kepada sembilan jenis cerita rakyat yang dipilih dalam buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah

Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan Teori Takmilah sebagai analisis perbincangan. Akhir sekali, hasil kajian telah menemukan banyak nilai-nilai Islam yang banyak diterapkan dalam cerita-cerita rakyat Melayu iaitu nilai merendah diri, nilai tawakal, nilai bersyukur dan nilai persahabatan untuk membuktikan masyarakat terdahulu mempunyai akhlak yang baik sebagai landasan pembentukan masyarakat.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisya Annuar (2020) menerusi kajian mereka terhadap *Perspektif “Melayu Malas Dan “Melayu Bodoh” Oleh Barat Serta kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* membincangkan realiti sikap masyarakat Melayu yang diperhatikan oleh penjajah British semasa zaman penjajahan. Selain itu, masalah kajian adalah terdapat kelompongan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis kebenaran perspektif penjajah British berdasarkan cerita jenaka Melayu yang terpilih. Kajian ini terbatas kepada cerita jenaka *Pak Belalang, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Di samping itu, pengkaji membincangkan pendekatan kualitatif iaitu berpandukan kepustakaan serta teks. Akhir sekali, hasil kajian ialah terdapat penyanggahan perspektif penjajah British terhadap masyarakat Melayu.

Nur Shahirah Othman (2020) pengkajian *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Di samping itu, Cerita rakyat muncul sejak zaman dahulu kala lagi. Ianya sentiasa kaya dengan nilai murni dalam setiap cerita rakyat. Selain itu, Objektif kajian membincangkan dan menganalisis akal budi orang Melayu melalui cerita rakyat yang dipilih di sertai Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kajian mendapatkan maklumat di perolehi menggunakan kaedah kualitatif, *himpunan buku 366* dan perpustakaan.

Akhir sekali, Hasil dapatan kajian adalah sudah terbukti mempunyai nilai akal budi yang murni melalui cerita rakyat yang dipilih.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian tentang *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan Iaitu Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Naratif lisan sebagai pendidikan awal di peringkat kanak-kanak. Ia memberikan pengajaran tentang adat resam, kebudayaan dan pantang larang masyarakat Melayu serta memiliki akal budi. Seterusnya, objektif kajian mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu. Teori Kajian digunakan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu kerana ianya satu pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Kaedah Kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan perpustakaan dan lapangan bagi mendapat maklumat. Hasil dapatan kajian, membuktikan kandungan elemen akal budi dalam naratif lisan adalah rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) terhadap *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu Iaitu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak*. Selain itu, Cerita Melayu sangat berkait rapat dengan nilai-nilai islam kerana ianya bertepatan dengan ajaran islam. Seterusnya, objektif kajian mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Maklumat kajian ini di perolehi melalui *koleksi 366 cerita rakyat Malaysia*. Di samping itu, dalam kajian telah dimasukkan teori yang sesuai iaitu takmilah supaya kajian yang dijalankan akan lebih mantap dari segi analisis kajian yang dibuat. Dapatan kajian yang di perolehi dapat menyumbang dan membantu dalam bidang pendidikan kepada masyarakat Melayu.

Noor Zatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdullah (2021) menerusi kajian terhadap *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia*. Cerita rakyat berkembang dari generasi ke generasi dan telah disampaikan secara lisan sehingga cerita rakyat dikenali sebagai sastera rakyat Naratif Nusantara. Selain itu, cerita rakyat dianggap media hiburan zaman dahulu dan penuh dengan nilai-nilai pengajaran. Seterusnya, objektif kajian mengenal pasti dan membincangkan ritual cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang. Di samping itu, teori Fungsionalisme diguna pakai di dalam analisis perbincangan. Kaedah kajian kaedah kualitatif iaitu kaedah kajian lapangan yang dibuat secara temu bual. Hasil dapatan kajian adalah ritual cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang mempunyai hubungan rapat dengan kebudayaan masyarakat Melayu

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) kajian mereka terhadap *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Naratif lisan turut kaya dengan citra masyarakat dalam kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Pengkaji menjalankan kajian untuk membuktikan naratif lisan bukan sekadar cerita biasa dan tidak mempunyai apa-apa makna. Tujuan kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan. Kajian terbatas kepada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pendekatan kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Secara rumusannya, kajian ini sangat berguna kepada para pelajar untuk dijadikan sebagai panduan dalam pembelajaran di masa akan datang.

Mohd Nazri Abdul Rahman , Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) kajian mereka terhadap *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak*. Selain itu, objekif kajian adalah untuk

mengetahui Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. Kaedah kajian adalah kaedah temu ramah serta perbincangan berkumpulan sebelum menjalankan kajian ini. Seterusnya batasan kajian adalah disebabkan pihak guru yang hebat dalam penyampaian cerita rakyat kepada khalayak. Hasil kajian membuktikan pedagogi responsif budaya dapat membantu pihak guru menunjukkan kreatif beliau dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran kepada kanak-kanak. Jelaslah bahawa pedagogi responsif budaya dapat menyumbang pembentukan nilai, jati diri, serta tingkah laku seseorang kanak-kanak.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah kajian mereka terhadap *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian corak budaya dan tatacara dalam struktur sosial. Kepelbagaian budaya menyebabkan tercetusnya pertukaran idea dan sudut pandangan baharu. Setiap teguran, sindiran dan pengajaran akan disampaikan melalui pantun, cerita-cerita seperti berunsurkan jenaka, legenda, mitos dan sebagainya. Cerita lisan Melayu mengandungi nilai estetikanya yang tersendiri sebagai panduan dan tunjuk ajar. Oleh itu, sudah semestinya tokok tambah dalam cerita rakyat akan berlaku kerana bergantung kepada situasi dan lapisan golongan pada waktu tersebut. Selain itu, objektif kajian mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita-cerita lisan Melayu. Pengaplikasian Teori Budaya adalah sebagai deduktif dalam kajian ini. Kajian ini juga membataskan 12 data cerita lisan Melayu yang dipilih secara rawak berdasarkan Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia sahaja. Secara keseluruhan pengkajian ini bukan sahaja mendidik malah ia menarik tetapi juga memiliki pemikiran kreatif yang boleh dijadikan medium pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) dalam kajiannya *Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik* membincangkan tentang peristiwa konflik yang berlaku kepada Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Terdapat kelomongan daripada kajian lepas mendorong kajian ini dilakukan. Objektif kajian ialah menganalisis lirik lagu "Puteri Santubong" dalam buku Koleksi Lagu-Lagu Koir Kebangsaan Malaysia. Kajian ini terbatas kepada buku himpunan lagu rakyat iaitu Koleksi Lagu-Lagu Koir Kebangsaan Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2009 oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Selain itu, mengaplikasikan teori yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson iaitu Teori Relevans (TR) bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian merumuskan bahawa peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dan teladan dalam kehidupan.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad kamal Basyah Sallehuddin (2021) melalui kajian mereka terhadap *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater* membincangkan tentang pelaksanaan inovasi dalamkarya untuk melestarikan tradisi lisan. Seterusnya, objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen sinografi semasa pementasan iaitu *Readers Theaters*. pengkaji membataskan cerita rakyat Sarawak iaitu "Kisah Ular Sawa Dan Lelaki Yang Sesat" dan "Kisah Burung Keranda" untuk diinovasikan dalam persembahan teater. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian memperlihatkan pementasan sesuatu perkara yang membantu memperluaskan pencapaian penonton terhadap naskhah cerita rakyat.

2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera

Zaitun Hassan (2015) merumuskan kajian beliau terhadap *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Masyarakat Melayu*. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis penggunaan elemen semula jadi dalam sebuah novel yang dikarang oleh Osman Ayob. Kajian ini juga menganalisis bagi menjawab persoalan yang dikaitkan dengan gambaran alam semula jadi yang digambarkan di dalam novel serta bagaimana cara menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan sebuah ciptaan yang dibuat oleh Hashim Awang. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan. Oleh itu, kajian ini dirumuskan bahawa pengkajian yang dijalankan menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) kajian yang dibuat ke atas *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Cerita rakyat adalah satu peninggalan nenek moyang kita yang perlu kita ambil tahu. Hal ini kerana, cerita rakyat juga banyak disampaikan melalui lisan atau mulut ke mulut kerana ia sebuah perutusan yang istimewa bagi orang Melayu. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu. Hal ini disebabkan nilai baik hati sangat baik untuk dijadikan sebagai bahan untuk mendidik anak-anak. Oleh itu kita perlu tahu cerita rakyat yang memberi unsur yang positif untuk anak-anak akan memberi pengetahuan yang sangat luas kepada anak-anak untuk dijadikan contoh atau panduan hidup. Akhir sekali menerusi kajian ini, telah di masuk teori pengkaedahan Melayu sebagai pengukuhan terhadap analisi.

Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) yang dibincangkan adalah berkaitan dengan tajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Tujuan kajian mengenalpasti dan merumuskan hubungan antara alam dan kehidupan masyarakat Melayu, merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif dan diterapkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Ini tujuan untuk melihat cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian ini juga dianalisis bagi membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan kajian mengenai hubungan antara alam dan kehidupan masyarakat Melayu pada masa itu.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) membincangkan tentang Penerapan *Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan membuktikan cerita rakyat Melayu sebagai satu aset yang perlu dipelihara selain daripada dijadikan sebagai tempat rujukan bagi mendalami ilmu kebudayaan, sejarah, pengalaman, adat istiadat serta cerita-cerita yang berkaitan dengannya. Seterusnya, objektif kajian ini untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan menerusi cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu serta menerapkan kaedah sorotan bacaan. Jelaslah bahawa, setelah dianalisis kajian mendapati cerita rakyat adalah sebuah cerita yang kaya dengan nilai-nilai murni maka ia amat berguna untuk dijadikan sebagai bahan pendidikan kepada masyarakat.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Apandi (2017) mereka menjelaskan kajian

tentang *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* membincangkan nilai-nilai moral dalam cerita rakyat. Permasalahan kajian ini adalah kesan cerita rakyat Melayu dalam kehidupan masyarakat Melayu dalam kelompok dewasa dan juga kanak-kanak kerana terdapat canggahan pendapat antara mereka. Tujuan kajian ialah mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Batasan kajian ini tertumpu kepada cerita-cerita rakyat Melayu dalam teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia yang telah dikemukakan oleh Othman Putih dan Aripin Said iaitu *Padi Berbuah Emas, Seuncang Padidan Penjual Api YangKuyuk dan Awang Yang Lurus* dengan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Hasil daripada kajian ini telah menemukan nilai kejujuran melalui ciri amanah, bercakap benar dan ikhlas.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) telah membincangkan kajian mereka terhadap *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Yang Terpilih A. Azizi Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* yang telah mempengaruhi aspek ketatasusilaan, pekerti dan bijaksana orang Melayu yang telah diwarisi sejak dahulu kala lagi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek budaya dan jati diri dalam aspek agama. Batasan kajian terdiri daripada pengaplikasian Teori Pengkaedadah Melayu melalui pendekatan moral, pendekatan gunaan, pendekatan firasat, pendekatan dakwah serta pendekatan kemasyarakatan. Analisis kajian adalah untuk menjelaskan lagi jati diri yang ditunjukkan memberi peringatan, nasihat dan iktibar yang boleh memberi manfaat serta membawa kesepakatan dalam kehidupan bermasyarakat.

Pg Haji Yakub Pg Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) mereka menjelaskan kajian tentang *Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah* membincangkan tentang sajak yang bertemakan ketuhanan yang memaparkan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O bertemakan ketuhanan. Batasan kajian dikaitkan dengan sajak *Meski Rumah Mu Di Akhirat, Istighfar Rejab, Ini Zat Bukan Bayangku, Episod-Episod Tsunami, Takdir Itu Begini, Di Malam Kudus Ramadhan* dan *Tongkat Putih* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah. Akhir sekali, dapatan kajian mendapati bahawa sajak-sajak yang dikaji ini mampu meningkatkan ketakwaan seseorang hamba kepada Allah dan akan membawa karah yang lebihbaik.

Che Abdullah Che Ya (2018) menerusi kajiannya terhadap *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti kehidupan masyarakat Melayu dan menganalisis karya *Bedar Sukma Bisu* sebagai manisfesti kehidupan masyarakat Melayu. Batasan kajian ini terbatas kepada novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faizal Tehrani dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan teks. Dapatkan kajian menemukan alam sebagai sumber kehidupan masyarakat Melayu, sastera Melayu sebagai pembentukan akhlak, firasat dalam kehidupan masyarakat Melayu, karya sastera sebagai media dakwah, sastera sebagai cerminan kehidupan masyarakat serta sastera dan keindahan yang menunjukkan gambaran kehidupan masyarakat Melayu mengenai keimanan, akhlak, kepercayaan dan nilai-nilai murni.

Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) menyimpulkan tentang pemikiran masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Kajian beliau juga bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan cerminan pemikiran masyarakat Melayu yang terpilih dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. kajian ini juga, menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan menjadikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pengukuran terhadap pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah. Secara rumusannya, dapatkan kajian yang diperolehi membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya kaya dengan ciri-ciri pemikiran masyarakat Melayu yang positif serta wajar diamalkan oleh golongan masyarakat bagi membentuk keperibadian moral yang positif.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) menerusi kajian mereka terhadap *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* merumuskan aspek dakwah yang memaparkan isu konflik serta pengolahan kekeluargaan dengan tema agama. Pengkaji untuk mengkaji kekuatan dan keberkesanan dakwah yang mencorakkan kehidupan manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kebatilan dalam *novel Suriati* Karya Azizi Haji Abdullah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan teks. Batasan kajian adalah dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah terhadap *novel Suriati*. Dapatan kajian adalah untuk membuktikan dakwah ini mampu memberi pengajaran kepada orang Melayu terutama kepada umat Islam.

Wan Khairul Faiz (2019) adalah mengenalkan *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Oleh itu, di dalam kajian ini terdapat penceritaan yang

diambil melalui cerpen Moluska dan Burung karya Syed Mohd Zakir dan kajian ini juga mengemukakan dua objektif kajian mengenalpasti serta merumuskan kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat melalui cerpen yang telah dipilih bagi menunjukkan kehidupan yang dilingkungi dengan kemungkaran iaitu adanya keganasan dan salah faham liberal. Selain itu, kajian ini juga menganalisis tentang nilai-nilai Islam yang melalui cerpen yang dipilih. Kajian ini juga menerapkan pendekatan keagamaan melalui Teori Pengkaedahan Melayu dalam konteks pendekatan kemasyarakatan. Kajian ini juga banyak terjurus kepada perspektif islam mengenai masalah sosial yang menjadi cerminan masyarakat pada ketika itu. Oleh itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa masyarakat lebih memahami serta mengenalpasti terhadap masalah yang telah berlaku dan menjadi satu isu hangat pada ketika itu.

Wan Nur Zafirah (2019) adalah mengenai *Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dikaitkan dengan nilai moral melalui cerpen yang dipilih iaitu *Cerpen Saat Terakhir* dan *Cerpen Dari Tanah ke Tanah*. Selain itu, kajian ini juga menganalisis unsur dan nilai moral melalui teks sebagai sebuah panduan pada para masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pengaplikasian Pendekatan Moral. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan hasil dapatan kajian yang membuktikan *Cerpen Saat Terakhir* dan *Cerpen Dari Tanah ke Tanah* yang mempunyai nilai moral. Jelaslah bahawa nilai moral merupakan satu nilai yang baik untuk diterapkan dalam diri masyarakat supaya hidup disanjung tinggi.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah menjelaskan tentang *Faktor dan Kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Kajian yang dibuat murtad dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini banyak memberi kesan yang membimbangkan terhadap masyarakat. Murtad merujuk kepada perkara meninggalkan “keluar” daripada agama islam. Pengkajian ini menjelaskan tentang konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah dalam novel Tuhan Manusia karya Faisal (2007). Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Walaupun begitu, kajian ini menggunakan Teori Takmilah sebagai penyokong kepada prinsip-prinsip islam bagi menguatkan analisis kajian. Jelaslah bahawa kajian ini banyak memberi tunjuk ajar kepada khalayak tentang agama islam.

Nur Syazwani Beherohisam & Zubir Idris (2020) kajian mereka mengenai *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. Kajian ini juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai penguat terhadap kajian yang dibuat dalam Syair Suka Duka. Objektif kajian untuk meneliti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam nafkah syair. Namun begitu, dapatan kajian memperlihatkan bagaimana naskhah syair ini dapat berperanan sebagai wadah untuk meningkatkan kehambaan, keimanan, ketakwaan dan ketaatan seseorang hamba kepada penciptanya. Jelaslah bahawa, Nilai-nilai dakwah yang terkandung di dalam Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah ini secara langsung menyampaikan hasrat pengarang untuk menyebarkan dakwah dan memberi fahaman tentang Islam kepada khalayak pembaca serta sekaligus menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam.

Ab. Rahim & Nurul Safiah (2020) kajian mereka mengenai *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim: *Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Sajak adalah sebuah puisi moden yang berbentuk rangkap, bebas serta tidak terikat. Oleh itu, kajian membuktikan bahawa sajak suara wirawan negara bangsa sememangnya kaya dengan nilai kepahlawanan yang boleh memberi pengajaran kepada masyarakat. Pengkaji juga menyatakan objektif kajian tentang mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan serta membincangkan tentang nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak-sajak terpilih dalam antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim. Kajian ini juga menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan nilai-nilai kepahlawan yang ada menerusi sajak yang dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Penelitian dalam beberapa aspek merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang mana kedua-dua pengkaedahan tersebut mempunyai tiga pecahan prinsip. Jelaslah bahawa nilai kepahlawanan memberi pengajaran kepada masyarakat yang membaca.

Menurut Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menerusi kajian yang dibuat oleh mereka adalah *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Naratif lisan digambarkan sebagai pendidikan awal pada peringkat kanak-kanak yang memberi pengajaran tentang adat resam, kebudayaan dan pantang-larang masyarakat Melayu serta memiliki akal budi sebagai gambaran pemikiran yang waras diperlihatkan melalui tingkah laku oleh seseorang individu. Walaupun begitu, kajian ini dijalankan bagi menunjukkan matlamat sebenar iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan.

Kajian ini juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai maklumat yang kuat dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Pengkaji juga menjalankan proses temu bual dengan responden bagi mendapatkan cerita rakyat di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Jelaslah bahawa, hasil dapatan kajian telah mengwujudkan elemen akal budi dalam naratif lisan iaitu rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas, ia menjadi satu sikap keperibadian masyarakat yang telah diamalkan sejak dahulu sehingga kini.

Hadijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) menerusi kajian yang dibuat oleh mereka adalah *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Cerpen Melamar Rindu Oleh Usman Ayob Melayu Melalui Dakwah Islamiah*. Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti serta menganalisis unsur dakwah menerusi cerpen melamar rindu. Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah yang digunakan oleh pengkaji bagi tujuan menyesuaikan dengan kajian yang di dalamkan. Jelaslah bahawa melalui ketiga-tiga cerpen tersebut terdapat pendekatan dakwah yang diceritakan amatlah sesuai digunakan sebagai penguat kepada kajian ini.

Nur Safiah (2020) menjelaskan kajian beliau terhadap *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntaian Rindu Rirdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti, membincangkan serta merumuskan nilai-nilai keislaman yang ada melalui cerpen-cerpen yang terpilih berdasarkan teks *Seuntaian Rindu Rirdaus Karya Ana Balqis*. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan hasil dapatan kajian dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan

Melayu. Jelaslah bahawa menerusi kajian ini, terdapat beberapa nilai islam yang ada di dalam cerpen *Dialog Dua Perempuan, Mencari Syawal, Telur, Rindu Firdaus dan Rindu Kampung*. Ia juga boleh memberi didikan agama supaya ketakwaan kepada Allah S.W.T lebih meningkat.

Menurut Norzatul Iqma Mohd Noor (2020), pengkajian yang dibuat oleh beliau adalah kajian *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dibuat untuk mengetahui kajian tentang drama-drama popular terpilih di Malaysia yang mengfokuskan kepada unsur seni. Unsur seni adalah merupakan sebuah unsur yang mempunyai keindahan yang tersirat dan buka dikatakan sebagai hiburan semata-mata. Matlamat kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti nilai-nilai kemelayuan melalui drama-drama Melayu yang terpilih serta mengkaji jalinan di antara nilai kemelayuan berdasarkan nilai-nilai Melayu yang dipilih dengan pengaplikasian Teori Pengkedahan Melayu. Oleh itu, Teori pengkaedahan Melayu yang digunakan dalam drama yang dipilih iaitu *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih* sebagai sumber utama bahan kajian untuk dikaji oleh pengkaji. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan hasil dapatan kajian melalui kaedah perpustakaan. Jelaslah bahawa, terdapat beberapa nilai kemelayuan iaitu nilai tabah, nilai kepimpinan, nilai memelihara adat serta budaya, kesemua perkara tersebut diambil melalui drama-drama yang terpilih.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021) melalui kaji mereka terhadap *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah* membincangkan tentang cerita-cerita rakyat Tangon yang melambangkan falsafah, sosiobudaya, gambaran nilai kepahlawanan bagi masyarakat tersebut.

permasalahan kajian adalah terdapat kelompongan kajian dari tokoh-tokoh terdahulu. Tujuan kajian mengenal pasti dan menganalisis aspek kepahlawanan yang terkandung dalam *tangon*. Seterusnya, Penyelidikan ini memilih pendekatan kualitatif dari segi tembual dan lapangan. Kajian ini terbatas terhadap cerita rakyat (*tangon*) suku Kimaragang iaitu *Si Ganuk*, *Ih Sambarak Om Tasu* serta *Si Dampayak Pakou*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi rujukan kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Rumusan kajian mendapatkan elemen kepahlawanan sangat penting dalam membantu masyarakat yang hidup dalam keadaan kucar-kacir untuk memartabatkan maruah diri dan orang sekeliling.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

2.4 Penutup

Secara kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang dijalankan oleh para-para sarjana terdahulu mendapati naratif lisan masih lagi mendapat tempat di hati para masyarakat. Hal ini bertujuan kepada para sarjana berbuat demikian adalah untuk memberi pengekalan terhadap naratif lisan yang ada supaya dapat dicurahkan kepada generasi yang akan datang. Pelbagai sorotan kajian lepas ditemui telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai jenis nilai-nilai murni dan Teori Pengkaedahan Melayu dalam naratif lisan semakin mendapat perhatian daripada pengkaji yang ada di Malaysia. Oleh itu, para sarjana pada masa kini ingin menaik taraf sastera lisan ke arah yang lebih mudah untuk difahami. Sorotan kajian lepas juga boleh membantu para pengkaji baru untuk mendapat maklumat sedikit sebanyak terhadap kajian yang beliau jalankan, dan ia juga boleh membantu lagi kajian kearah yang lebih mantap dan maklumat yang berkualiti.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah perkara asas dalam penyelidikan ini. Ini kerana, keseluruhan bab ini menyimpulkan proses penyelidikan yang dibuat. Oleh itu, kesemua maklumat dan perancangan dibuat bagi memastikan objektif kajian dapat mencapai dengan matlamat yang telah ditetapkan. Seterusnya, antara perkara penting yang dijelaskan dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori, kerangka konseptual, dapatan kajian serta penutup bagi memantapkan kajian ini. Antara objektif kajian yang dibuat ialah.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berlandaskan kepada reka bentuk kajian bersifat kualitatif iaitu kajian kepustakaan, teks dan internet. Hal ini kerana, kajian memerlukan huraian yang lebih jelas dan mantap bagi mencapai objektif yang dibuat oleh pengkaji.

3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Bagi mencapai tujuan objektif kajian ini, kaedah perpustakaan telah digunakan untuk mencari pelbagai sumber maklumat yang terdiri daripada buku-buku, jurnal sastera, glosari istilah, tesis para sarjana serta sumber internet. Bahan-bahan ini telah dirujuk di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

3.2.2 Rujukan teks

Melalui buku teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) melalui keluaran Universiti Malaysia Kelantan Press (UMK Press). Pengkaji telah menunjukkan

keseluruhan naratif lisan yang di perolehi melalui *Kampung Pantai Senak, Kampung Kedai Lalat dan Kampung Babong*. Setiap cerita yang dinyatakan dalam buku tersebut mempunyai nilai-nilai murni yang telah membentuk moral positif dalam kalangan seluruh masyarakat Malaysia. Cerita tersebut dapat dibuat hasil daripada kajian lapangan terhadap tempat kajian yang sistemetik.

3.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu telah diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Oleh itu, teori kesusasteraan Melayu di buat kerana ianya tiada pada teori-teori dari barat. Selain itu, teori barat juga adalah teori yang dikatakan berat sebelah maka ianya tidak sesuai untuk dijadikan penyambungan dalam sesebuah analisis kajian yang dibuat kerana karya-karya Melayu berteraskan bahasa Melayu serta pegangan agama islam perkara ini dikatakan oleh Hashim Awang (1989). Walau bagaimana sekalipun, Hashim Awang telah mengemukakan dua Pengkaedah Melayu yang sesuai dengan kajian yang dijalankan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan keagamaan.

3.3.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (2002), Pengkaedahan Alamiah merupakan corak hidup yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Antara ciri yang ada dalam pengkaedahan alamiah yang disampaikan oleh Hashim Awang (1989).


Pengkaedahan Alamiah

- | |
|--|
| 1. Sebuah kehidupan di dunia adalah sebahagian daripada alam semesta. |
| 2. Setiap benda yang hidup di alam tidak kira dari segi agama islam atau kepercayaan adalah merupakan sebuah ciptaan Allah yang terindah, baik dan sempurna. |
| 3. Alam atau maklumat yang dicipta oleh Allah mempunyai kebijaksanaan, nilai serta tujuan. |

Jadual 1: ciri-ciri Pengkaedahan Alamiah

Selepas itu, Pengkaedahan Alamiah telah terbahagi tiga bentuk pendekatan iaitu:

Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat



Carta 1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

a) Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan adalah untuk melihat karya sastera sebagai salah satu objek alam, Selain itu ianya juga berkait rapat dengan kebajikan serta kegunaan sastera dari aspek bentuk dan isi. Menurut Hashim Awang (1999) beliau telah mengemukakan ciri-ciri pendekatan gunaan iaitu:

| Pendekatan Gunaan |
|--|
| i. Sastera adalah sebuah ciptaan alam yang perlu dipercayai kerana ianya berlaku mengikut kehendak Allah S.W.T. |
| ii. Tujuan sastera dicipta adalah untuk menyampaikan matlamat, fungsi serta sebab di sudut ekstrinsik dan intrinsiknya, |
| iii. Sastera juga adalah sebuah gambaran yang baik bermoral serta mempunyai unsur pembelajaran kepada masyarakat dari sudut rohani serta jasmani |

Jadual 2: Ciri-ciri Pendekatan Gunaan

b) Pendekatan Moral

Menurut Hashim Awang (2002) Pendekatan moral seharusnya diteroka dan ditemui di sebalik bentuk, isi serta proses penglahiran seperti motif adanya pemilihan bentuk baru dan konvensional, pengisian manusia dan peristiwa serta maklumat diri dan persekitarannya iaitu pengalaman dan sikap menjiwai adalah salah satu matlamat dirinya. Hal ini kerana, kesemua elemen yang dinyatakan adalah untuk menghasilkan sebuah karya sastera dalam bentuk ciptaan seni yang berkualiti.

Antara ciri-ciri yang dinyatakan oleh Hashim Awang (2002) ialah

| Pendekatan Moral |
|---|
| i. Sesuatu kisah telah berlaku dalam diri seseorang pengarang |
| ii. Sesuatu tindakan atau perangai yang dilakukan dalam pelbagai bentuk |
| iii. Sebagai satu alat kekuatan diri serta panduan kepada pembaca. |

Jadual 3: Ciri-ciri Pendekatan Moral

c) Pendekatan Firasat


Pendekatan Firasat berlandaskan kepada tanggapan bahawa sastera adalah satu kejadian alam semesta yang memberi dan memperkayakan pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup itu lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan daya misteri. Antara ciri-ciri pendekatan firasat yang dikata oleh Hashim Awang (2002):

| Pendekatan Firasat |
|---|
| i. Pendekatan firasat bertunjangkan kepada tanggapan bahawa sastera adalah satu kejadian alam yang merakam dan kesimpulan tentang pengalaman hidup. |
| ii. Orang Melayu dianggap idola kerana setiap tindakan atau kelakuan dalam kehidupan merupakan pengalaman mereka |
| iii. Menganggap mimpi yang terjadi bukan di bawah sedar tetapi adalah sesaatu yang dianggap benar mengikut kehendak Allah. |

Jadual 4: Ciri-ciri Pendekatan Firasat

3.3.2 Pengkaedahan keagamaan

Menurut Hashim Awang (1993) beliau berkata pengkaedahan keagamaan adalah satu pendekatan yang bersandarkan keimanan. Ini dikatakan sedemikian kerana Al-quran dan hadis merupakan sebuah panduan utama yang dipegang sebagai rujukan. Oleh itu, pengkaedahan keagamaan terbahagi kepada tiga cabang penting iaitu pendekatan seni, pendekatan kemasyarakatan serta pendekatan seni.



Carta 2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

a) Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997) beliau berpendapat pendekatan seni adalah untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Dengan adanya pendekatan ini penilaian dapat dibuat ke atas unsur keindahan dalam karya sastera. Selain itu, pendekatan seni juga dapat menggambarkan keindahan yang ada dalam diri diterjemahkan ke dalam karya sastera yang berlandaskan akidah serta fahaman agama yang betul. Antara ciri pendekatan seni yang dikata oleh Hashim Awang (1997) ialah:

| |
|-----------------|
| Pendekatan Seni |
|-----------------|

- i. Pendekatan seni merujuk kepada penggunaan nilai-nilai keindahan dalam islam bukanlah untuk diberi penghormatan yang tinggi terhadap penggunaan imaginasi terbatas atau lebih mementingkan keseronokan indera.
- ii. Hendaklah diolah dengan cara yang betul dan tidak menimbulkan kepura-puraan dan tidak realistik.
- iii. Keindahan itu berteraskan tauhid kerana meliputi unsur pembinaan iaitu berbentuk harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak serta gaya bahasa yang digunakan.

Jadual 5: Ciri-ciri Pendekatan Seni

b) Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (2002), Pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berkaitan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama islam. Antara ciri-ciri pendekatan kemasyarakatan yang dinyatakan oleh Hashim Awang (2002) adalah.

| |
|---------------------------|
| Pendekatan Kemasyarakatan |
|---------------------------|

- i. Sastera sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata islam.
- ii. Konsep Amar Makrif nahi mungkar bukanlah merujuk kepada konteks ibadat yang khusus atau Fadhu ain malah ianya meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di muka bumi
- iii. Menganggap sastera sebagai wadah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan, rasuah dan segala permasalahan yang dianggap punca kepada kepincangan masyarakat dan keruntuhan keimanan umat islam.

Jadual 6: Ciri-ciri Pendekatan Kemasyarakatan

c) Pendekatan dakwah


Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan dakwah sebagai satu hasil sastera menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran serta sifat-sifat terpuji Allah SWT dalam hasil kesusasteraan islam. Ciri-ciri pendekatan dakwah yang dikatakan oleh Hashim Awang (2002).

Pendekatan Dakwah

- | |
|---|
| 1. Sastera dilihat sebuah alat penyampai sesuatu maklumat ketakwaan seorang manusia kepada Allah. |
| 2. Dakwah juga dikata sebuah penyampaian sesuatu perkara yang berkualiti dalam islam. |
| 3. Sastera juga boleh dikatakan sebagai alat dakwah masyarakat Melayu terdahulu keran ia di sebarkan melalui mulut. |

Jadual 7: Ciri-ciri Pendekatan Dakwah

3.4 Kerangka Konseptual



Rajah 1 Kerangka Konseptual

3.5 Penutup

Secara keseluruhan pengkaji Telah menunjukkan pelbagai kaedah kajian yang digunakan sangat memenuhi tujuan kajian ini. Oleh hal sedemikian, Kerana setiap objektif kajian yang tepat akan memenuhi syarat sesbuah kajian itu untuk menjadi mantap dan sempurna. Selain itu, penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu adalah sesuatu perkara yang wajar dan bermanfaat. Hal ini dikata demikian kerana pembentuk yang nyata akan menyumbangkan kepada sifat-sifat keperibadian Melayu dan daya kreativiti orang Melayu yang melihat sumber-sumber agama iaitu pegangan akidah itu akan menjadi tunjang dalam kehidupan demi kesejahteraan dan kebahagian dalam mengatur sesbuah kehidupan. Seterusnya, dapatan kajian juga boleh di perolehi dan dianalisis selepas kaedah atau metodologi ini dipilih. Seterusnya data-data yang dikumpul dan dikaji dalam kajian ini akan menghasilkan sebuah kajian yang baik dan boleh dijadikan contoh kepada pengkajian seterusnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan hasil dapatan data kajian yang diperolehi berdasarkan analisis data kajian naratif lisan lirik lagu rakyat yang diambil melalui cerita rakyat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* banyak menimbulkan nilai murni. Kajian ini juga mengaitkan lirik lagu dengan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai penyokong kepada tiga belas nilai murni iaitu Baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kerajinan, kebebasan, kejujuran, kerjasama, kesyukuran, rasional serta semangat masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Nilai-nilai murni ini akan dianalisis berdasarkan beberapa konsep penting yang telah digariskan dalam setiap nilai-nilai murni di bawah ini.

4.2 Nilai Baik Hati

Seterusnya, nilai baik hati ialah manusia yang mengambil berat terhadap perasaan dan keadaan orang lain, bersimpati terhadap kesusahan dan penderitaan orang lain, bermurah hati untuk menghulurkan bantuan terhadap mereka dan dapat memenuhi kebajikan demi mendapat faedah bersama (Tajul Arifin Nordin, 1992; norita ariffin, 2006; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai baik hati boleh dinilai dalam diri seseorang manusia iaitu dengan memberi manfaat dan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan pertolongan . Di samping itu, kajian ini telah menyatakan beberapa nilai baik hati yang dilakukan oleh masyarakat di Pengkalan Datu Kelantan melalui lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji. Oleh hal yang

demikian, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai baik hati iaitu belas kasihan, pemurah dan bertimbang rasa.

4.2.1 Nilai baik hati melalui sikap belas kasihan

Dalam pada itu, pengkaji telah mengtranskripsi naratif lisan iaitu *Kain Sutera Cina* ke dalam bentuk lirik lagu yang dibuat ini dengan mengisahkan tentang dua orang sahabat yang mempunyai nilai murni yang sangat baik. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018 berpendapat nilai murni baik hati melalui sikap belas kasihan iaitu satu perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang manusia sewaktu melihat kesusahan menimpa orang lain dan bersedia untuk memberi bantuan. Seterusnya, ‘belas’ bermaksud hiba, turut sedih dan kasih (*Kamus Dewan*, 2016) sementara itu ‘kasihan’ bermaksud berasa sedih apabila melihat atau mendengar penderitaan seseorang. Jelaslah bahawa melalui pandangan para sarjana di atas, sikap belas kasihan ialah sebuah sifat yang wujud dalam diri seseorang individu untuk melakukan kebaikan tanpa meminta sebarang bantuan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kain Sutera Cina*.

Lagu *Kain Sutera Cina*

Pada tahun 1940
Adanya sebuah kisah
Kisah ini yang paling agung
Di kampung Pengkalan Datu

Wujudnya dua orang sahabat
Hussin dan Hassan namanya
Hidup aman makmur
Tiba masanya malang
Menimpa mereka
Yang diserang oleh musuh
Menerima luka parah

Pada suatu hari di waktu subuh pagi
Mereka masuk ke hutan
Untuk mencari ubat
Ubat kaki tidak dijumpai

Lalu mereka berehat seketika Dan terus bermimpi
Ada seorang puteri
Yang telah memberi kain, Kain Sutera Cina
Puteri lalu berpesan guna kain dengan baik
(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Dalam pada itu, merujuk kepada lirik lagu *Kain Sutera Cina* yang dinyatakan pada rangkap ketiga telah membuktikan bahawa belas kasihan telah menjadi sebuah kisah yang sangat mengerikan menimpa keluarga Hassan. Salah satu keluarga Hassan menerima satu luka yang parah di kaki dan luka tersebut tiada ubatnya. Di sini kita dapat lihat nilai murni yang wujud daripada Hussin yang sanggup menemani Hassan untuk masuk ke hutan bagi mencari ubat untuk menyembuhkan luka yang dialami oleh keluarganya. Justifikasinya, melalui nilai murni baik hati yang ditonjolkan oleh Hussin sangat murni untuk dijadikan contoh kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana nilai baik hati perlu dipupuk sejak kecil lagi. Sebagai contoh, Hussin sanggup korbankan masa serta nyawanya untuk menemani Hassan ke hutan.

Selain itu, menerusi pendapat pengkaji, petikan naratis lisan *Lipat Sanggul Penempatan Residen British* pengkaji telah mengtranskripsi cerita tersebut ke dalam bentuk lirik lagu. Seseorang manusia yang bijak melakukan sesuatu perkara sudah pasti dapat melancarkan sesuatu urusan dengan jelas dan baik. Namun begitu, pengkaji telah memasukkan nilai murni iaitu nilai baik hati. Nilai baik hati ialah sikap belas kasihan iaitu satu perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang manusia sewaktu melihat kesusahan menimpa orang lain dan bersedia untuk memberi bantuan. Seterusnya, ‘belas’ bermaksud hiba, turut sedih dan kasih (*Kamus Dewan*, 2016) manakala ‘kasihan’ bermaksud berasa sedih apabila melihat atau mendengar penderitaan daripada seseorang. Oleh sebab itu, melalui pandangan para sarjana di atas menegaskan kepada kita sebagai manusia seharusnya menanam sikap belas kasihan supaya sesuatu perkara yang kita lakukan adalah sesuatu kehendak hati

bukan sesuatu paksaan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Lipat Sanggul Penempatan Residen British*.

Lagu Lipat Sanggul Penempatan Residen British

Zaman dulu perang dunia, Kedua di tanah Melayu telah berlaku
Wujudlah sebuahlah kampung, Namanya kampung Lipat Sanggul
Asal di negeri Kelantan, oleh cik siti
Wan kembang, banyak kemajuan dibina

Howard Foster orang British yang
Baik lagi bijaksana, Pandai bertutur bahasa Melayu
Tidak malu untuk bergaul dengan orang kampung

Pada suatu hari minggu, Pak Dollah
Tiba dirumah, di rumah Cik Milah, telah pengsan dipatuk ular
Lalu beliau menolong selamat, Cik Milah daripada bisa ular
Cik Milah rasa syukur masih selamat lagi
Dan mengucap terima kasih kepada Pak Dollah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selanjutnya, kita dapat lihat dalam rangkap dua baris satu hingga tiga merujuk lirik lagu di atas bahawa nilai murni yang dinyatakan membuktikan seorang manusia yang baik hati. Hal ini wujud akibat daripada sifatnya yang suka bergaul atau menolong orang kampung. Beliau juga seorang yang bijak dalam sesuatu pertuturan bahasa Melayu kerana menggunakan bahasa Melayu ketika bergaul dengan masyarakat Melayu walaupun beliau merupakan orang British.

Sementara itu, melalui petikan naratis lisan *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* telah ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Hal ini boleh dikaitkan dengan nilai murni baik hati kerana ianya sesuai dengan jalan cerita ini. Nilai baik hati merupakan sikap belas kasihan iaitu satu perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang manusia sewaktu melihat kesusahan menimpa orang lain dan bersedia untuk memberi bantuan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, ‘belas’ bermaksud hiba, turut sedih dan kasih (*Kamus Dewan*, 2016) manakala ‘kasihan’ bermaksud berasa sedih apabila melihat atau mendengar penderitaan seseorang. Oleh itu,

melalui pandangan para sarjana di atas, seorang manusia yang mempunyai sikap belas kasihan dalam diri akan melakukan sesuatu perkara dengan penuh rasa belas kasihan kerana dalam Islam orang yang baik selalunya dimuliakan Allah. Sebagai contoh, kita dapat lihat melalui lirik lagu yang bertajuk rakyat *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*.

Lagu rakyat *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*

Dulu, sebuah kampung
Kampung bangol, kampung yang paling awal
Ada seorang ulama namanya
Tok Guru Haji Awang

Tok Guru Haji Awang
Merupakan orang kuat agama
Beliau ketua kampung mulia akhlak
Dalam agama islam

Tok Guru Haji Awang
Berdoa kepada Allah
Agar kampung itu
Aman damai sejahtera sentosa

Tok Guru Haji Awang
Orang kampung rasa bersyukur
Kedatangannya memberi cahaya kehidupan

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Di samping itu, lirik lagu di atas membuktikan sikap belas kasihan dalam rangkap dua baris satu hingga empat yang menceritakan tentang seorang hamba Allah yang mempunyai sikap yang baik serta mulia di sisi Islam. Hal ini demikian kerana nilai baik hati dapat dilihat dalam diri tok guru Haji Awang yang sangat mulia akhlaknya di sisi agama Islam. Walaupun pelbagai perkara yang berlaku ke atas dirinya, beliau tetap bersifat baik hati dan meneruskan dakwah kepada Allah SWT.

Seterusnya, petikan cerita rakyat *Milik Siapakah Saka Itu?* telah di transkripsi oleh pengkaji ke dalam bentuk lirik lagu. Nilai baik hati adalah sikap belas kasihan iaitu satu perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang manusia sewaktu melihat

kesusahan menimpa orang lain dan bersedia untuk memberi bantuan (Mohd Ali Hashimi, 1992; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Dalam pada itu, ‘belas’ bermaksud hiba, turut sedih dan kasih (*Kamus Dewan*, 2016). Namun, ‘kasihan’ bermaksud berasa sedih apabila melihat atau mendengar penderitaan seseorang. Melalui pandangan para sarjana di atas, sebagai seorang manusia sewajarnya menerapkan sikap belas kasihan dalam diri kerana ianya merupakan sikap murni yang perlu wujud dalam diri seseorang individu. Misalnya, kita dapat lihat melalui lirik lagu yang bertajuk *Millik Siapakah Saka Itu?*

Lagu *Millik Siapakah Saka Itu?*

Kampung Pengkalan Datu
Ada sepasang suami isteri
Nama Salman Salmah, sifat mulia

Salman dan Salmah orangnya
Sabar dia tidak cara tetap buat baik juga
Orang kampung berjumpa berbincang hal saka

Saka ini miliki siapa
Tetapi Tidak tahu juga. Mereka bekerjasama
Cari Pemilik saka itu siapa
Tetapi malangnya tidak tahu juga

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Dalam pada itu, sikap belas kasihan dalam rangkap dua baris satu hingga tiga berdasarkan lirik lagu di atas mengaitkan tentang seorang manusia yang memiliki kesabaran menahan pelbagai rintangan ke atas dirinya. Namun begitu, pengkaji telah mengaitkan dengan nilai murni baik hati yang dilakukan oleh Salman dan Salmah. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat baik hati seseorang manusia bukan mudah untuk dipupuk malah ianya perlu wujud dan selalu disematkan dalam diri. Misalnya, hal ini dapat dilihat melalui sikap Salman dan Salmah yang baik hati walaupun berhadapan dengan pelbagai bualan daripada orang kampung. Walaupun begitu, beliau tetap melayan orang kampung dengan baik tanpa melakukan sesuatu yang menimbulkan perasaan keterpaksaan semata-mata untuk mendapat nama di kampung.

Selanjutnya, petikan naratin lisan *Asal Usul Wakaf Aik* telah ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu oleh pengkaji. Melalui petikan di atas, nilai baik hati merupakan sikap belas kasihan iaitu satu perasaan sedih yang wujud dalam diri seseorang manusia sewaktu melihat kesusahan menimpa orang lain dan bersedia untuk memberi bantuan. Dalam hal ini, ‘belas’ bermaksud hiba, turut sedih dan kasih (*Kamus Dewan*, 2016) dan ‘kasihan’ bermaksud berasa sedih apabila melihat atau mendengar penderitaan seseorang (Aboebakar Atjeh, 1998; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Berdasarkan penerangan daripada pandangan para sarjana di atas menjelaskan bahawa sikap belas kasihan akan wujud dalam diri seseorang sekiranya diamalkan dalam kehidupan harian mereka. Bagi membuktikan perkara ini, contoh kita dapat lihat adalah melalui kandungan lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Wakaf Aik*.

Lagu *Asal Usul wakaf aik*

Asal usulnya Wakaf Aik ini
Digelar sebagai Pak Cu Abu
Dia tokoh hak disanjung
Tinggi oleh masyarakat yang diperintah

sikap teleransi dibawa dalam diri
Kemuliaan jadi peribadi
Supaya hidup sentiasa diberkati

Beliau seorang berahi bergaul
Dengan masyarakat Melayu hak duk kampung
Pak Cu Abu orang baik hati
Dia tidak suka bergaduh

Pada suatu hari ada suatu majlis
Yang dipanggil sukan rakyat, Banyak permainan seperti
Wau bulan, Mok Yong, main Teri Dan sebagainya
Ini tujuan nak erat hubungan
Supaya hidup aman sejahtera

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang telah dinyatakan dalam lirik lagu di atas, sikap belas kasihan yang dirujuk pada rangkap tiga baris satu hingga tiga telah menceritakan mengenai sikap baik hati yang ditonjolkan oleh Pak Cu Abu. Dalam hal ini, beliau merupakan seorang

yang baik hati serta suka bergaul dengan orang-orang kampung. Jelaslah bahawa seorang manusia yang mempunyai sikap baik hati akan sentiasa dimulai Allah serta dihormati oleh masyarakat.

4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Umum mengetahui bahawa petikan naratis lisan *Keajaiban Si Kera Putih* telah di transkripsi oleh pengkaji ke dalam bentuk lirik lagu. Ini membuktikan bahawa terdapat nilai murni baik hati yang ditonjolkan oleh tokoh dalam lagu yang dilaksanakan oleh pengkaji. Bukti yang jelas dan terkini berkaitan dengan perkara ini menunjukkan bahawa nilai baik hati melalui sikap pemurah manusia dapat dilihat melalui perwatakan atau perilaku tidak kedekut serta bakhil, iaitu seorang yang suka memberi sedekah kepada sesiapa di sekelilingnya dan perbuatan ini tidak mengharapkan balasan atau perbuatan yang dilakukan (Ismail Hamid 1988: Hashim Musa 2008: Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018). Intihannya, melalui pandangan para sarjana di atas sikap pemurah adalah sikap yang wujud dalam diri manusia yang sering bersedekah kepada orang yang memerlukan. Contoh yang ketara yang paling dekat dengan kita adalah melalui lirik lagu yang bertajuk *Keajaiban Si Kera Putih*.

Lagu *Keajaiban Si Kera Putih*

pada suatu hari
Ada orang tua
Nama Haji Abdul Rahman
Beliau orang alim juga beragama
Berasal di negeri Kelantan

Beliau seorang berani
Dan juga rajin
Untuk masuk hutan
Beliau mempunyai misi
Melihat kera putih yang ajaib

Haji Long Abdul Rahman berdoa
Memintak bantuan daripada Allah
Agar si kera putih tidak

Menganggunya untuk berdakwah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, lirik lagu di atas menjelaskan tentang sikap pemurah yang terkandung dalam rangkap satu baris tiga hingga empat. Bukan itu sahaja, lirik lagu di atas juga menjelaskan tentang keunikan si kera putih iaitu seorang tokoh yang alim serta baik hati dalam agama Islam. Jelaslah bahawa sikap pemurah merupakan sikap yang sangat mulia perlu diterapkan dalam diri seseorang. Oleh itu, kita sebagai manusia hendaklah menerapkan dalam diri supaya kita sentiasa mulia di sisi Allah SWT.

4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Rentetan daripada itu, petikan naratis lisan *kota jembal* telah di transkripsikan oleh pengkaji dalam bentuk lirik lagu. Menurut Mustafa Daud 1995; Hashim Musa 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) beliau menjelaskan tentang seorang raja merantau bersama tentera dan keluarganya untuk mencari tempat untuk dijadikan kota pemerintahan. Ini membuktikan bahawa nilai baik hati terkandung dalam diri mereka kerana mempunyai sikap taat setia. Namun begitu, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa ialah seseorang manusia yang memiliki perasaan bersimpati terhadap kesusahan dan penderitaan orang lain serta berlaku adil dalam keputusan. Hal ini berlaku disebabkan untuk menjaga kebajikan serta mengelakkan berlaku konflik dengan orang lain. Dengan itu, melalui pandangan para sarjana di atas sikap bertimbang rasa adalah sesuatu perkara yang dilakukan secara terbuka dan sentiasa terima setiap apa perkara yang ditetapkan oleh majikan. Misalnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *kota jembal*

Lagu *Kota Jembal*

Lagu saya ini, Sebagai buat suka-suka
ada sebuah kampung, Namanya kedai Lalat
Orang gelar dia Kota Jembal, Sebab tempat dia banyak kisah
Kisah-kisah dia memang sohor, Yang berkaitan dengan raja bersiong

Hai raja besar, raja Sakti, Puteri Mani
mereka singgah untuk beradu
Di sebuah sebatang pokok
Pokok itu orang panggil pokok jambu
Dikenali sebagai pokok jembal

Pokok jembal sebagai lambang
Pembuka sebuah kota
Untuk rakyat yang hidup bahagia
Aman makmur dengan perintah raja

Para rakyat patut taat setia
Pada raja yang buka kota
Supaya hidup bermasyarakat
Aman sejahtera sentosa

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Di samping itu, lirik lagu di atas mengandungi sikap pemurah iaitu dalam rangkap tiga baris tiga dan empat yang dibuat melalui naratif lisan yang ada di *Sungai Pengkalan Datu Kelantan* telah memberi beberapa keunikan yang menyumbang ke arah perpaduan masyarakat yang hidup dibawa pemerintahan seorang raja. Jelaslah bahawa sikap bertimbang rasa merupakan sikap yang sangat mulia dalam agama Islam justeru kita sebagai umat Islam perlu menerapkan dalam diri supaya hidup akan sentiasa diberkati Allah.

Walaupun begitu, nilai baik hati dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan dakwah dan pendekatan masyarakat melalui kisah-kisah yang digambarkan dalam lirik lagu tersebut telah mencerminkan keperibadian yang dilakukan oleh seseorang anggota masyarakat. Dalam pada itu, pendekatan dakwah yang berfungsi sebagai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang daripadanya dapat menimbulkan rasa hormat terhadap kesucian agama Islam, baik daripada orang Islam atau bukan orang Islam (Hashim Awang, 2002). Seterusnya, pendekatan masyarakat menurut beliau sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Ini menggambarkan bahawa nilai baik hati

merupakan sesuatu sifat yang sangat mulia dalam golongan masyarakat beragama Islam. Oleh itu, gambaran ini banyak dinyatakan dalam naratif lisan yang terdapat di Pengkalan Datu, melalui lirik lagu yang dicipta oleh pengkaji malah teori tersebut sangat sesuai untuk dikaitkan bagi memenuhi kajian ini agar lebih mantap dan sempurna.

4.3 Nilai Hemah Tinggi

Nilai seterusnya ialah nilai hemah tinggi merujuk kepada manusia yang memiliki sikap atau perilaku budi pekerti, tingkah laku mulia dan lembah lembut yang wujud dalam diri seseorang individu dalam menjalinkan hubungan baik dengan orang di sekeliling (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Dalam konteks ini , nilai hemah tinggi menjelaskan tentang sikap manusia atau tingkah laku manusia menjurus ke arah kebaikan bahkan banyak dikaitkan dengan sifat yang wujud dalam diri seseorang secara semula jadi seperti mulia, sopan, lemah lembut serta menjaga maruah diri. Oleh hal yang demikian, kajian lirik lagu rakyat banyak memupuk nilai hemah tinggi kerana masyarakat di kampung tersebut kebanyakannya bersifat mulia dari segi percakapan, bertolak ansur dan sebagainya. Dengan itu, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai hemah tinggi iaitu kesopanan dan ramah mesra.

4.3.1 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Kesopanan

Seperti yang dinyatakan di atas, melalui petikan naratis lisan *Asal Usul Wakaf Aik* pengkaji telah mentranskripsi dalam bentuk lirik lagu. Bukan itu sahaja, pengkaji juga memasukkan nilai hemah tinggi melalui sikap kesopanan yang memberi maksud manusia memiliki sikap atau perilaku budi pekerti, tingkah laku mulia dan lemah lembut yang wujud dalam diri seseorang individu dalam menjalinkan hubungan baik

dengan orang di sekelilingnya (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘kesopanan’ juga membawa maksud perihal sopan yang berkaitan adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku yang baik, dan peradaban (*Kamus Dewan*, 2016). Jelaslah bahawa melalui pandangan para sarjana di atas sikap sopan merupakan sebuah sikap yang merangkumi tindakan seseorang manusia semasa bercakap atau kelakuan yang dilakukan olehnya. Dengan itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Wakaf Aik*.

Lagu *Asal Usul wakaf aik*

Asal usulnya Wakaf Aik ini
Digelar sebagai Pak Cu Abu
Dia tokoh hak disanjung
Tinggi oleh masyarakat yang diperintah

sikap toleransi dibawa dalam diri
Kemuliaan jadi peribadi
Supaya hidup sentiasa diberkati

Beliau seorang berahi bergaul
Dengan masyarakat Melayu hak duk kampung
Pak Cu Abu orang baik hati
Dia tidak suka bergaduh

Pada suatu hari ada suatu majlis
Yang dipanggil sukan rakyat, Banyak permainan seperti
Wau bulan, Mok Yong, main Teri Dan sebagainya
Ini tujuan nak erat hubungan
Supaya hidup aman sejahtera

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selain itu, lirik lagu di atas terkandung sikap kesopanan dalam rangkap dua baris satu hingga tiga yang menjelaskan tentang seorang manusia yang mempunyai keperibadian mulia. Oleh itu, kita sebagai manusia harus mempunyai sikap sopan dalam melakukan sesuatu supaya hidup sentiasa disanjung tinggi serta diberkati.

4.3.2 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra

Sementara itu, dengan merujuk petikan naratis lisan rumah api penyelamat saudagar pengkaji telah mentranskripsi cerita tersebut dalam bentuk lirik lagu. Ini membuktikan

bahawa, pengkaji telah menyatakan nilai murni yang berkaitan dengan dirinya iaitu nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra. Sebagaimana yang kita sedia maklum, nilai hemah tinggi melalui ramah mesra ialah manusia yang memiliki sikap atau perilaku budi pekerti, tingkah laku mulia dan lembah lembut yang wujud dalam diri seseorang individu dalam menjalankan hubungan baik dengan orang di sekelilingnya (Hashim Musa, 2008; Nik Suhaila Nik Salleh, 2010; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘ramah’ membawa maksud elok dan menarik budi bahasa, suka bercampur dengan mesra, serta suka bercakap-cakap (*Kamus Dewan 2016*). Dengan itu, berdasarkan pandangan para sarjana di atas sikap ramah mesra merupakan sebuah sikap yang mudah berkomunikasi tidak kira di mana ia berada dan siapa orang itu. Oleh itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk rumah api penyelamat saudagar.

Lagu *Rumah Api Penyelamat Saudagar*

Dulu, dulu, seorang saudagar
Kaya raya, hantar limpah ruah
Orangnya baik tidaklah sompong
Tutur kata sopan membuat orang sayang

Suatu hari, beliau merantau mengelilingi
Lautan luas mencari rezeki
Barang jualan bekalan makanan
Jadi bahan dagangan

Tiba-tiba laut bergelora
Mereka takut, tidak tenang
Air laut mula mengganas
Kapal terapung membuat tidak stabil

Kapal tiba di satu tempat
Rumah api tempat yang selamat
Mereka pergi untuk berehat
Hilang takut serta penat

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Kita dapat menyaksikan melalui lirik lagu di atas terdapat sikap ramah mesra dalam rangkap satu baris satu hingga empat yang menceritakan kehidupan seorang masyarakat yang hidup kaya raya, berbudi pekerti dan tidak sompong. Jelaslah

bahawa sikap peramah merupakan sesuatu perkara yang telah diajar oleh masyarakat terdahulu. Maka, sebagai manusia kita haruslah menghidupkan amalan ramah mesra supaya dimuliakan Allah.

Selain itu, petikan naratis lisan *Mak Su Nab Bomor Ular* telah di transkripsi oleh pengkaji dalam bentuk lirik lagu. Dalam hal ini, pengkaji telah menyatakan bahawa nilai hemah tinggi sikap ramah mesra ialah manusia yang dapat mewujudkan suasana bermasyarakat secara ikatan perhubungan mesra, iaitu akrab, boleh berkomunikasi dengan baik, berkelakuan baik dan kelakuan dan tutur kata (Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘ramah’ membawa maksud elok dan menarik budi bahasa, suka bercampur dengan mesra, serta suka bercakap-cakap (*Kamus Dewan 2016*). Oleh hal yang demikian, sikap ramah merujuk pandangan para sarjana di atas merupakan sebuah sikap suka menegur dan tidak sompong dalam sebuah kehidupan bermasyarakat. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Mak Su Nab Bomor Ular*.

Lagu *Mak Su Nab Bomor Ular*

Pada suatu dulu, ada seorang wanita
Nama Mak Su Nab
Seorang yang luar biasa

Mak Su Nab seorang baik
Sahabat baik dengan Amira
Sebagai bomor dikampungnya
Mengubati penyakit, orang kampung

Pada suatu hari, adalah seorang kampung
Yang berubat dengan Mak Su Nab
Lelaki itu dipatuk ular, anak kepada mak senah
Batu geliga ular, bergerak sendiri
Mengeligi kaki yang lebam, anak mak senah

Selepas tiga hari, anak Senah
Mula pulih, dari sakitnya itu

Mak Senah rasa bersyukur
Atas kesembuhan anaknya. Ooooo
(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang telah dinyatakan dalam lirik lagu di atas sikap ramah mesra dalam rangkap 3 baris 3 menjelaskan bahawa Mok Su Nab Bomor ular merupakan seorang wanita yang bersahabat baik serta bertanggungjawab dalam mengubati penyakit yang dihadapi oleh orang kampungnya. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mempunyai sikap sedemikian akan disukai ramai. Namun, sikap itu juga akan mencerminkan keperibadian seseorang itu menjurus ke arah kebaikan atau keburukan. Maka, sebagai manusia kita perlulah mengamalkan sikap ramah mesra dan ikhlas dalam melakukan sesuatu supaya hidup kita sentiasa diberkati.

Di samping itu, seperti yang telah dinyatakan dalam petikan cerita *Milik Siapakah Saka Itu* bahawa pengkaji telah mengtransripsi naratif lisan ke dalam bentuk lirik lagu. Namun , pengkaji menyatakan nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra ialah manusia yang dapat mewujudkan suasana bermasyarakat secara ikatan perhubungan mesra, iaitu akrab, boleh berkomunikasi dengan baik, berkelakuan baik dan kelakuan dan tutur kata (Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘ramah’ membawa maksud elok dan menarik budi bahasa, suka bercampur dengan mesra, serta suka bercakap-cakap (*Kamus Dewan* 2016). Ini menggambarkan bahawa menurut pandangan para sarjana di atas sikap ramah mesra merupakan sebuah sikap yang dikategorikan sebagai percakapan secara terbuka iaitu berani bertegur walaupun kita baru mengenali orang tersebut. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Milik Siapakah Saka Itu?*.

Lagu *Milik Siapakah Saka Itu*

Kampung Pengkalan Datu
Ada sepasang suami isteri
Nama Salman Salmah, sifat mulia

Salman dan Salmah orangnya
Sabar dia tidak cara tetap buat baik juga

Saka ini miliki siapa
Tetapi Tidak tahu juga Mereka bekerjasama
Cari Pemilik saka itu siapa
Tetapi malangnya tidak tahu juga

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, melalui lirik lagu di atas sikap ramah mesra dalam rangkap satu baris dua hingga tiga membuktikan bahawa naratif lisan telah menjelaskan tentang manusia yang hidup berpasang digelar Salman dan Salmah tetapi mempunyai sifat yang mulia dalam diri mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai manusia yang beragama Islam sepatutnya mengamalkan keperibadian yang mulia agar kita dihormati serta disanjung tinggi oleh orang sekeliling kita.

Sehubungan itu, melalui cerita-cerita yang dijadikan dalam bentuk lirik lagu telah mengeluarkan nilai hemah tinggi yang boleh dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan moral adalah sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Ini dapat dilihat melalui salah satu cerita seorang bomor ular wanita iaitu Mak Su Nab yang ubati kaki anak Mak Senah yang telah dipatuk ular dengan ilmu ajaibnya melalui geliga ular. Jelaslah bahawa Mak Su Nab menggunakan ilmu yang dimiliki dengan baik contohnya beliau menggunakan ilmu tersebut bagi membantu orang yang dalam kesusahan.

4.4 Nilai Hormat-menghormati

Di samping itu, nilai hormat-menghormati ialah seseorang manusia yang memiliki sikap berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut, memuliakan

orang-orang yang lebih tua dan berpangkat, memberi layan yang baik kepada para tetamu, menghormati hak, keperluan asasi dan maruah manusia, menghormati kepercayaan budaya, adat resam dan keturunan yang berbeza, mematuhi undang-undang negara, memuliakan dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan kurang upaya (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Namun begitu, Amir A. Rahman, (1991) Islam mewajibkan umatnya agar hormat menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, sikap hormat menghormati akan memperkuuhkan ikatan tali persaudaraan dalam kalangan umat Islam yang mengamalkannya. Secara rumusannya, sebagai manusia yang hendaklah mempunyai sikap hormat terhadap orang lain supaya diri kita juga mendapat penghormatan daripada orang lain dan diri kita juga akan menjadi lebih tenang, aman serta diberkati Allah S.W.T. Oleh sebab itu, berdasarkan nilai hormat-menghormati pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai hormat-menghormati iaitu menghormati orang tua, menghormati raja dan negara.

4.4.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua

Dalam pada itu, petikan naratis lisan *Asal Usul Kampung Babong* telah ditranskripsi oleh pengkaji ke dalam bentuk lirik lagu yang menimbulkan nilai murni yang memberi keharmonian terhadap lirik lagu yang diciptakan oleh pengkaji. Namun, nilai murni tersebut adalah nilai hormat-menghormati pada orang tua. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018, nilai hormat-menghormati ialah manusia yang memiliki sikap berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut, memuliakan orang-orang yang lebih tua dan berpangkat, memberi layanan yang baik kepada tetamu, menghormati hak, keperluan asasi dan maruah manusia, menghormati budaya, adat resam dan keturunan yang berbeza-beza, mematuhi undang-undang negara, memuliakan dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan kurang upaya. Selain itu, ‘orang tua’ bermaksud gelaran mak dan ayah atau golongan yang lebih

berusia (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh hal yang demikian, sikap menghormati orang tua adalah sikap yang mulia kerana setiap percakapan yang dikeluarkan harus beradab dan kita juga perlu bertingkah laku sopan ketika berada di hadapannya. Dengan itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong*.

Lagu *Asal Usul Kampung Babong*

Pada suatu dahulu
Ada sebuah kampung
Yang digelar kampung Babong
Akibat beliau sohor

Beliau diberi nama, Datuk Babong
Beliau seorang penentang
Dan juga berani
Sebarang masalah aloh dia pikul
Sendiri tanpa mintak bantuan
Dengan orang kampung

He, he, la, la
Beliau juga seorang
Penyabar dan juga baik hati
Menolong orang kampung
Yang susah yang senang
Semua hormat padanya

Tok babong yang mulia
Lagi bijaksana
Beliau seorang pemurah
Dan juga suka bergaung
Tidak kira tua muda
Semua orang dia bercampur

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, sikap menghormati orang tua dalam rangkap empat baris empat hingga enam nilai melalui lirik lagu di atas dapat dilihat pada datuk Babong yang suka bergaul dengan orang kampung tidak kira muda atau tua. Hal ini wujud akibat daripada sikap beliau yang sentiasa memberi penghormatan, walaupun beliau merupakan orang terhormat di kampung tersebut. Jelaslah bahawa sikap menghormati orang tua ialah sikap yang sangat mulia malah kita perlu terapkan dalam diri supaya hidup sentiasa dihormati antara satu sama lain.

4.4.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Raja Dan Negara

Seterusnya, melalui petikan naratis lisan *kota jembal* pengkaji telah mengtranskripsi cerita tersebut ke dalam bentuk lirik lagu yang terkandung nilai murni yang sangat diperlukan dalam pemerintahan beraja. Namun, nilai murni ini tertumpu kepada nilai murni hormat-menghormati raja dan negara. ‘raja’ bermaksud orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara, kepala negara atau dikenali sebagai sultan (Kamus Dewan, 2016). Selepas itu, kata ‘Negara’ membawa maksud sesuatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sesebuah kerajaan, serta kawasan yang di bawah kekuasaan kerajaan tertentu (Kamus Dewan, 2016). Oleh itu, dalam lirik lagu ini jelas bahawa sikap menghormati raja dan negara merupakan individu yang mempunyai kuasa dalam sistem pemerintahan sesebuah negara yang mana setiap tutur kata dianggap pemerintahan oleh rakyat jelata dan negara dalam kawasan yang diduduki oleh masyarakat dan mempunyai sesuatu sistem yang menjadikan penempatan tersebut stabil (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh hal yang demikian, pandangan daripada para sarjana di atas menjelaskan tentang sikap menghormati raja dan negara ialah sebuah sikap yang kita perlu pupuk kerana raja merupakan ayah dalam sesebuah pemerintahan negara. Justeru itu, segala yang diperintahkan harus dipatuhi dan taat kepadanya. Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *kota Jembal*.

Lagu *Kota Jembal*

Lagu saya ini, Sebagai buat suka-suka
ada sebuah kampung, Namanya kedai Lalat
Orang gelar dia Kota Jembal, Sebab tempat dia banyak kisah.
Kisah-kisah dia memang sohor, Yang berkaitan dengan raja brsiong

Hai raja besar, raja Sakti, Puteri Mani
mereka singgah untuk beradu
Di sebuah sebatang pokok
Pokok itu orang panggil pokok jambu
Dikenali sebagai pokok Jembal

Pokok Jembal sebagai lambang
Pembuka sebuah kota
Untuk rakyat yang hidup bahagia
Aman makmur dengan perintah raja

Para rakyat patut taat setia
Pada raja yang buka kota
Supaya hidup bermasyarakat
Aman sejahtera sentosa

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, lirik lagu di atas terdapat sikap menghormati raja dan negara dalam rangkap empat baris satu hingga empat telah menjelaskan tentang kisah hidup seorang raja bersama-sama para rakyat jelata-nya dalam membina sebuah negara baharu. Lain daripada itu, ianya juga ingin memberi keamanan kepada rakyat yang tinggal di kota tersebut. Oleh itu, kita sebagai masyarakat haruslah hormat akan pemerintah supaya hidup sentiasa aman dan harmoni.

Sehubungan itu, nilai hormat-menghormati merupakan nilai yang dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Hal ini timbul apakala pendekatan berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Melalui kajian ini, naratif lisan iaitu mempunyai keperibadian yang baik kerana sikap hormat beliau tidak mengira golongan walaupun beliau seorang ternama. Namun, semua golongan tua atau muda mendapat penghormatan daripadanya kerana beliau merasakan hidup di dunia merupakan sebuah pinjaman dan ianya harus bekerjasama dan saling hormat antara satu sama lain.

4.5 Nilai Kasih Sayang

Seterusnya, nilai kasih sayang ialah kewujudan sesuatu perasaan mencintai sesama manusia dan perasaan ini dapat wujudkan sebuah ikatan dalam sesebuah perhubungan yang akrab (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Pada waktu yang sama, kata ‘sayang’ adalah bermaksud mengasihi dan menyintai (Kamus Dewan, 2016).

Namun begitu, menurut Hashim Musa, 2008 beliau berpendapat kasih sayang merupakan satu ikatan yang melibatkan perasaan yang suci dalam diri seseorang. Seterusnya, kasih sayang memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan sesebuah keluarga dan orang sekeliling (Aboebakar Atjeh, 1988). Hal ini dapat dirumuskan bahawa kita sebagai manusia haruslah memupuk sikap kasih sayang dalam diri, supaya diri kita disayangi serta tenang tanpa berlaku sebarang pergaduhan malah lebih bahagia dan harmoni. Berdasarkan nilai kasih sayang, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kasih sayang iaitu manusia cintakan negara, manusia sayangkan nyawa.

4.5.1 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Cintakan Negara

Sebagaimana yang kita ketahui merujuk petikan naratis lisan *Kota Jembal* pengkaji mengtraskripsi ke dalam bentuk lirik lagu yang bertajuk Kota Jembal. Dalam hal ini, pengkaji telah mengaitkan nilai murni kasih sayang melalui sikap manusia cinta akan negara sebagai kekuatan dalam kajian ini agar lebih mantap untuk dijadikan sebagai panduan. Menurut Muhammad Al-Ghazali, 1987 dan Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) mereka berpendapat nilai kasih sayang adalah kewujudan sesuatu perasaan menyintai sesama manusia dan perasaan ini dapat wujudkan sebuah ikatan dalam sesebuah perhubungan yang akrab. Selain itu, kata ‘sayang’ adalah bermaksud mengasihi dan mencintai. Namun begitu, kata ‘negara’ pula membawa maksud sesuatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan, kawasan yang di bawah kekuasaan kerajaan tertentu (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh itu, merujuk pandangan para sarjana di atas sikap manusia cintakan negara merupakan seorang masyarakat yang sanggup berjuang apa sahaja demi kesejahteraan negara tercinta. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *kota jembal*.

Lagu Kota Jembal

Lagu saya ini, Sebagai buat suka-suka
ada sebuah kampung, Namanya kedai Lalat
Orang gelar dia Kota Jembal, Sebab tempat dia banyak kisah
Kisah-kisah dia memang sohor, Yang berkaitan dengan raja bersiong

Hai raja besar, raja Sakti, Puteri Mani
mereka singgah untuk beradu
Di sebuah sebatang pokok
Pokok itu orang panggil pokok jambu
Dikenali sebagai pokok jembal

Pokok jembal sebagai lambang
Pembuka sebuah kota
Untuk rakyat yang hidup bahagia
Aman makmur dengan perintah raja

Para rakyat patut taat setia
Pada raja yang buka kota
Supaya hidup bermasyarakat
Aman sejahtera sentosa

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, lirik lagu di atas menggambarkan sikap manusia cintakan negara dalam rangkap empat baris satu hingga empat menceritakan tentang kisah raja yang mendapat kasih sayang daripada rakyat jelata akibat daripada sikap tanggung jawabnya menjaga kota yang dibina dengan baik. Hal ini kita dapat lihat melalui rakyat Kota Jembal yang taat setia dengan raja yang telah membawa keamanan dalam kota yang bina. Jelaslah bahawa sebagai manusia sikap kasih sayang harus dipupuk dalam diri supaya kehidupan kita sentiasa diberkati Allah serta tenang sentiasa.

4.5.2 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Nyawa

Selain itu, petikan di atas ialah naratis lisan *kain sutera cina* yang pengkaji transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Umum mengetahui bahawa pengkaji menilai sikap kasih sayang manusia sayangkan nyawa. Walaupun begitu, menurut (Hashim Musa, 2008; Jabatan Kemajuan Islam, 2011; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) mereka merumuskan tentang nilai kasih sayang ialah kewujudan sesuatu perasaan

mencintai sesama manusia dan perasaan ini dapat mewujudkan sebuah ikatan dalam sesebuah perhubungan yang akrab. Seterusnya, kata ‘nyawa’ bermaksud roh yang menghidupkan manusia, jiwa serta semangat (*Kamus Dewan*, 2016). Namun begitu, pandangan para sarjana di atas menjelaskan sikap manusia sayangkan nyawa merupakan sebuah sikap yang selalunya wujud dalam sebuah ikatan persahabatan yang sungguh akrab dan sanggup melakukan apa sahaja. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *kain sutera cina*.

Lagu *Kain Sutera Cina*

Pada tahun 1940
Adanya sebuah kisah
Kisah ini yang paling agung
Di kampung pengkalan datu
Wujudnya dua orang sahabat

Hussin dan Hassan namanya
Hidup aman marmur
Tiba masanya malang
Menimpa mereka
Yang diserang oleh musuh
Menerima luka parah

Pada suatu hari di waktu subuh pagi
Mereka masuk ke hutan
Untuk mencari ubat
Ubat kaki tidak dijumpai
Lalu mereka berehat seketika Dan terus bermimpi

Ada seorang puteri
Yang telah memberi kain, Kain Sutera Cina
Puteri lalu berpesan guna kain dengan baik

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang dinyatakan dalam lirik lagu di atas, sikap manusia sayangkan nyawa dalam rangkap tiga baris dua hingga empat ini mengisahkan seorang sahabat sangat menyayangi sahabatnya sehingga beliau sanggup menemani sahabatnya untuk masuk ke hutan bagi mencari ubat untuk kaki adiknya yang luka. Hal ini jelas terbukti bahawa Hussin dan Hassan mempunyai kasih sayang di antara mereka kerana daripada mereka kecil hingga meningkat dewasa beliau masih akrab malah sanggup melakukan apa sahaja demi seorang sahabat.

Rentetan daripada itu, nilai kasih sayang boleh disesuaikan dengan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Dalam hal ini, pendekatan berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang di perolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, kita boleh lihat dalam konteks kasih sayang yang telah dibuktikan oleh seorang sahabat yang sanggup berjuang sama-sama dengan sahabatnya demi mencari ubat untuk mengubati kaki salah seorang keluarganya. Jelaslah bahawa sikap kasih sayang sangat sesuai untuk dikaitkan dengan pendekatan moral agar kajian yang dijalankan ini lebih bermutu tinggi dalam bidang akademik.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.6 Nilai Keadilan

Di samping itu, nilai keadilan bermaksud manusia yang berkelakuan dalam pertuturan dan tindakan yang saksama, tidak berat sebelah dalam mencapai suatu keputusan, tidak curang, tidak memilih bulu dan tidak menyeleweng (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Secara logiknya, adil dan saksama merupakan sesuatu perkara yang serius dalam segala tindakan manusia. Namun begitu, Islam mengajar umatnya untuk berlaku adil supaya tidak berlaku sebarang penindasan. Menurut Hashim Musa, (2008) beliau berpendapat kita perlu mengambil kira juga pendapat serta keputusan orang lain sebelum memutuskan sesuatu keputusan. Jelaslah, kita sebagai manusia perlu membuat satu majlis perbincangan terlebih dahulu agar penindasan tidak berlaku kepada orang yang tidak melakukan kesalahan. Lantaran itu, kita juga perlu ingat setiap kesalahan perlu dinyatakan bukti sebelum menjatuhkan sebarang hukuman kepada seseorang manusia. Berdasarkan nilai keadilan, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai keadilan iaitu adil dan saksama.

4.6.1 Nilai Murni Melalui Sikap Adil Dan Saksama

Dalam pada itu, melalui petikan naratis lisan *Asal Usul Datu* telah di transkripsi oleh pengkaji ke dalam bentuk lirik lagu yang telah mengaitkan seorang pemimpin yang mempunyai sikap berwawasan ke arah agama islam. Dalam konteks ini, pengkaji menyatakan tentang nilai murni keadilan melalui sikap adil dan saksama. Oleh hal yang demikian, keadilan ialah manusia yang berkelakuan dalam pertuturan dan tindakan yang saksama, tidak berat sebelah dalam mencapai sesuatu keputusan, tidak curang, tidak memilih bulu dan tidak menyeleweng (Mohd Ali Hashimi, 1992; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘Adil’ membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempat yang betul dan benar (*Kamus Dewan*, 2016). Ini membuktikan bahawa kata ‘saksama’ pula membawa maksud

cermat, berhati-hati, hemat-hemat, teliti, tidak berat sebelah, tidak menaruh prasangka dan adil (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh itu, merujuk pandangan para sarjana di atas sikap adil dan saksama merupakan sebuah sikap yang merangkumi tindakan yang dikenakan ke atas pesalah dan dilakukan secara adil dan saksama. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Datu*.

Lagu *Asal Usul Datu*

Pada zaman datu, kerajaan Thailand
Dikuasai oleh, raja Alauddin

Raja Alauddin memeluk agama islam
Kerajaan Thailand menerima ufti
Ufti diambil tiga bulan sekali
Sebagai tanda pelindungan mereka

Pada suatu hari, semasa datu
Mengutip ufti di Terengganu
Tiba-tiba kerajaan Thailand
Diserang oleh pihak musuh
Lalu datu, terima luka parah
Akibat diserang oleh pihak musuh

Selepas datu pulih dia
Teruskan hidup, dengan cari
Hasil hutan, bagi memenuhi
Keperluang hidupnya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang telah dinyatakan melalui lirik lagu di atas sikap adil dan saksama dalam rangkap dua baris satu hingga empat ini dikaitkan dengan keadilan seseorang pemerintah yang menjalankan sesuatu dengan benar , keputusan dibuat secara bijaksana dan perlu berpaksikan kepada kebenaran supaya seseorang pemimpin tersebut dihormati serta disanjung tinggi oleh masyarakat. Jelaslah bahawa setiap tindakan yang di buat harus benar mengikut undang-undang yang ditetapkan.

Rentetan daripada itu, nilai keadilan boleh dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral sebagai penyokong. Hal Ini dikatakan demikian

kerana pendekatan berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang di perolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Dalam hal ini, nilai keadilan merupakan sesuatu tindakan yang perlu dimiliki oleh seorang raja, kerana seorang yang bijaksana harus mempunyai pertuturan yang baik serta keadilan yang dibuat melalui bukti-bukti yang kukuh. Ini membuktikan bahawa sebarang keputusan yang dibuat tidak menimbulkan berat sebelah atau menganiayai golongan masyarakat. Jelas bahawa nilai keadilan sangat sesuai disertai dengan pendekatan moral bagi memberi kemantapan dalam sesuatu kajian.

4.7 Nilai Keberanian

Selanjutnya, nilai keberanian memberi maksud manusia yang memiliki kesanggupan bertindak dalam mengharungi setiap dugaan serta cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Namun begitu, dari sudut pandangan islam sikap berani amat dituntut dalam kalangan umat islam untuk membentuk ketahanan fizikal (Aboebakar Atjeh, 1998). Oleh itu, kita sebagai manusia wajar untuk mempunyai sikap berani dalam sesuatu perkara yang betul, agar kita tidak dipandang lemah oleh masyarakat lain, dan diri kita sentiasa dihormati serta disanjung tinggi. Berdasarkan nilai keberanian, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai keberanian iaitu bertanggungjawab, mempertahankan diri.

4.7.1 Nilai Berani Melalui Sikap Bertanggungjawab

Kita dapat melihat berdasarkan kepada petikan naratis lisan *Hebat Laksamana Laut* bahawa pengkaji telah mentranskripsi cerita tersebut ke dalam bentuk lirik lagu. Lantaran itu, laksamana bermaksud gelaran yang tertinggi dalam angkatan tentera laut (*Kamus Bahasa Melayu*). Bukan itu sahaja, pengkaji juga mengaitkan kisah tersebut dengan nilai murni keberanian. Seterusnya, nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab adalah manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Ini menggambarkan bahawa, kata ‘bertanggungjawab’ bermaksud mempunyai tanggungjawab terhadap sesuatu, memikul tanggungjawab, kebajikan dan menanggung sesuatu (*Kamus Dewan*, 2016). Sebagaimana yang kita sedia maklum melalui pandangan para sarjana di atas menekankan sikap tanggungjawab ialah sebuah amanah yang di pertanggungjawabkan kepada seseorang untuk menjalankan tugas tersebut. Misalnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Hebat Laksamana Laut*.

Lagu *Hebat Laksamana Laut*

Laksamana dipanggil darjah
Che Deraman digelar nama
Kelantan siam sangat rapat
Sebab negara dia dekat

Laksamana, laksamana, Che Deraman
Dilantik laksamana oleh raja kelantan
Sikap berani dia, saiz badan dia besar
Gagah lagi perkasa
Che Deraman, seorang sangat
Hebat bertanggung jawab menjaga seorang raja
Berlayar di lautan lalu depan lanun
Tetapi lanun tidak nampak mereka

Che Deraman memiliki kuasa
Boleh mengubati penyakit
Orang kampung dia selalu hormat padanya.

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selepas itu, lirik lagu di atas sikap tanggungjawab dalam rangkap tiga baris satu hingga dua menjelaskan tentang sikap berani seorang laksamana dalam menjaga keamanan sesebuah negara pada masa itu. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang berani tidak risau berhadapan dengan perkara yang berlaku di hadapan, malah ianya akan berjuang bermati-matian demi menjaga sesuatu yang dipertanggungjawabkan olehnya.

Selain itu, berdasarkan kepada petikan naratis lisan yang berjudul *Kota Jembal* pengkaji telah mengtranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Hal ini menjelaskan tentang nilai murni tanggungjawab dalam melakukan segala amanah yang telah di amanah oleh Allah kepada kita. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) nilai keberanian melalui sikap tanggungjawab ialah nilai positif yang biasa dilakukan dalam hidup masyarakat dan nilai ini kebiasaannya dilakukan secara bersama-sama dalam mengadili sesuatu perkara. Seterusnya, tanggungjawab bermaksud kewajipan yang dipikul oleh seseorang dan segala wajib yang ditanggung (Kamus Dewan, 2016). Namun begitu, melalui pandangan para sarjana di atas Seorang raja amat berat tanggungjawabnya jika beliau tidak ada sifat nilai murni dalam tanggungjawab maka segala pemerintahan dalam sesebuah kerajaan akan menjadi kucar kacir. Hal ini boleh menyebabkan sesebuah kerajaan itu tidak aman dan masyarakat juga akan melakukan pelbagai jenayah kerana tiada undang-undang di dalam kerajaan tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa lirik lagu yang dibuat dapat memberi gambaran tentang nilai murni dalam naratif lisan mula terbentuk daripada seorang raja yang mempunyai nilai tanggungjawab terhadap kota yang dibina. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *kota Jembal*.

Lagu *Kota Jembal*

Lagu saya ini, Sebagai buat suka-suka
ada sebuah kampung, Namanya kedai Lalat
Orang gelar dia Kota Jembal, Sebab tempat dia banyak kisah

Kisah-kisah dia memang sohor, Yang berkaitan dengan raja bersiong

Hai raja besar, raja Sakti, Puteri Mani
mereka singgah untuk beradu
Di sebuah sebatang pokok
Pokok itu orang panggil pokok jambu
Dikenali sebagai pokok jembal

Pokok jembal sebagai lambang
Pembuka sebuah kota
Untuk rakyat yang hidup bahagia
Aman makmur dengan perintah raja

Para rakyat patut taat setia
Pada raja yang buka kota
Supaya hidup bermasyarakat
Aman sejahtera sentosa

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, merujuk lirik lagu di atas sikap tanggungjawab melalui rangkap dua baris empat dan lima telah menunjukkan pelbagai gelaran yang dikemukakan oleh masyarakat di kampung tersebut selepas terbinanya sebuah kota yang didirikan oleh raja besar. Namun begitu, pokok yang dijadikan tempat untuk berehat telah bertukar kepada pembukaan Kota Jembal akibat mendapat gelaran pokok jembal tersebut. Oleh hal yang demikian, tujuan raja membuka kota tersebut agar beliau dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang raja.

Sementara itu, petikan naratis lisan *Asal Usul Datu* telah diambil oleh pengkaji dan kemudian di transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Hal ini demikian kerana nilai murni keberanian sangat sesuai dimasukkan dalam kajian ini oleh pengkaji berdasarkan lirik lagu yang dibuat. Oleh hal yang demikian, nilai keberanian ialah manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘bertanggungjawab’ bermaksud mempunyai tanggungjawab terhadap sesuatu, memikul tanggungjawab, berkewajiban, dan menangung sesuatu (*Kamus Dewan*,

2016). Oleh sebab itu, pandangan para sarjana di atas sikap tanggungjawab adalah sikap yang melakukan sesuatu demi mewujudkan keamanan dalam sesebuah negara. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Datu*.

Lagu *Asal Usul Datu*

Pada zaman datu, kerajaan Thailand
Dikuasai oleh, raja Alauddin

Raja Alauddin memeluk agama islam
Kerajaan Thailand menerima ufti
Ufti diambil tiga bulan sekali
Sebagai tanda pelindungan mereka

Pada suatu hari, semasa datu
Mengutip ufti di Terengganu
Tiba-tiba kerajaan Thailand
Diserang oleh pihak musuh
Lalu datu, terima luka parah
Akibat diserang oleh pihak musuh

Selepas datu pulih dia
Teruskan hidup, dengan cari
Hasil hutan, bagi memenuhi
Keperluang hidupnya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Di samping itu, lirik lagu di atas menunjukkan sikap tanggungjawab dalam rangkap satu baris satu hingga enam telah menceritakan tentang seorang manusia yang sanggup mati menjalankan tanggungjawab yang diperintah ke atasnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, orang memiliki sifat sedemikian akan melakukan perkara tersebut tidak kira apa-apa perkara yang berlaku ke atasnya, janji perkara yang dilakukan ke arah yang benar tidak bercanggah. Jelaslah bahawa sikap berani dalam diri seseorang manusia itu akan menjadikan beliau disanjung tinggi serta mendapat penghormatan.

Kita dapat menyaksikan berdasarkan petikan cerita naratis lisan *Kain Sutera Cina* yang telah dipilih oleh pengkaji untuk di transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu

membuktikan nilai murni yang ada pada Hassan adalah nilai tanggungjawab. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) nilai tanggungjawab ialah nilai positif yang biasa dilakukan dalam hidup masyarakat dan nilai ini kebiasaannya dilakukan secara bersama-sama dalam mengendalikan sesuatu perkara. Bukan itu sahaja, tanggungjawab bermaksud kewajipan yang dipikul oleh seseorang dan segala wajib yang ditanggung (Kamus Dewan, 2016). Namun begitu, melalui pandangan para sarjana di atas nilai tanggungjawab ialah satu nilai murni yang menjadikan seseorang itu berdisiplin dalam melakukan sesuatu perkara. Jelaslah ia juga akan melakukan segala amanah yang dipikul oleh beliau dengan hati yang ikhlas tanpa rasa ada paksaan daripada sesejapa. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kain Sutera Cina*.

Lagu *Kain Sutera Cina*

Pada tahun 1940
Adanya sebuah kisah
Kisah ini yang paling agung
Di kampung pengkalan datu

Wujudnya dua orang sahabat
Hussin dan Hassan namanya
Hidup aman marmur
Tiba masanya malang
Menimpa mereka
Yang diserang oleh musuh
Menerima luka parah

Pada suatu hari di waktu subuh pagi
Mereka masuk ke hutan
Untuk mencari ubat
Ubat kaki tidak dijumpai
Lalu mereka berehat seketika Dan terus bermimpi

Ada seorang puteri
Yang telah memberi kain, Kain Sutera Cina
Puteri lalu berpesan guna kain dengan baik

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selain itu, lirik lagu di atas terdapat sikap tanggungjawab dalam rangkap empat baris dua dan tiga yang dapat dilihat melalui sikap Hassan yang bertanggungjawab terhadap keluarga, kerana beliau sanggup masuk ke hutan untuk mencari ubat-ubat.

Selepas itu, semasa Hassan masuk hutan beliau telah bermimpi berjumpa seorang puteri yang telah memberi satu kain kepadanya. Dalam hal ini, kain itu dipanggil kain sutera Cina yang ajaib dapat menyembuhkan pelbagai luka yang telah terkena kepada keluarga Hassan.

4.7.2 Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempertahankan Diri

Kita dapat menyaksikan melalui petikan lirik lagu yang telah di transkripsi melalui narasis lisan *Kepesatan Pengkalan Parit* telah menjelaskan seseorang yang tegas dan berani dalam melakukan sesuatu perkara jika perkara tersebut benar di matanya. Hal ini dapat dikaitkan dengan nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri. Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri adalah kata ‘mempertahan’ membawa maksud mengikhtiaran supaya tidak berubah, mengusahakan supaya kekal, tidak mahu melepaskan dan memegang teguh (*Kamus Dewan*, 2016). Selepas itu, kata ‘diri’ membawa maksud diri merujuk susuk tubuh manusia yang mampu bergerak dan berfikir secara jelas atas keupayaan individu tersebut (*Kamus Dewan*, 2016) manakala menurut (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) nilai keberanian iaitu manusia yang memiliki kesanggupan bertindak dalam mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko. Namun begitu, berdasarkan pandangan para sarjana di atas sikap mempertahankan diri ialah sebuah sikap yang mempertahankan hak berkaitan diri sendiri ke arah kebenaran. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kepesatan Pengkalan Parit*.

Lagu *Kepesatan Pengkalan Parit*

Pada masa dulu ada sebuah kisah
Sungai Dabong tempat pendagangan antarabangsa
Jualan rotam, budu, air garam
Dan sebagainya jadi bahan dagang
Sungai dabong dikenali Pengkalan Parit

Ooo,la,la
Ramai penduduk
Pendagangan menjadi aktiviti
Utama masyarakat sungai Dabong
Mereka saling bekerjasama
Dalam mencari rezeki perdangangan

Huhuhuhu,la,la,la
Pada suatu hari , Ada seorang tokoh
Nama orang panggil Pak Bulat, Dia orang sohor
Dia orang panas barang
Berahi cari gaduh dengan pedangang Cina

Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selain itu, lirik lagu yang dirujuk di atas terkandung sikap mempertahankan diri dalam rangkap tiga baris tiga hingga lima Ini dapat dilihat melalui Pak Bulat yang sangat berani untuk bergaduh dengan orang Cina demi mendapatkan sesuatu yang diinginkan dan perkara tersebut benar di matanya. Jelaslah bahawa sikap sedemikian sangat baik untuk kita jadikan sebagai contoh dalam kehidupan seharian kita.

Di samping itu, petikan naratis lisan *Keajaiban Si Kera Putih* pengkaji telah transkripsi cerita tersebut ke dalam bentuk Lirik lagu bagi menambah keunikan yang ada dalam kajian ini. Tambahan pula, beliau merupakan seorang yang berani dalam melakukan pelbagai perkara. Bukan itu sahaja, pengkaji telah memasukkan nilai keberanian melalui sikap mempertahankan pendirian merujuk lirik lagu ini. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) beliau menegaskan nilai keberanian adalah manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko. Seterusnya kata ‘pendirian’ membawa maksud pegangan untuk menimbang atau menilai sesuatu perihal mendirikan sesuatu, pembinaan atau dasar (*Kamus Dewan*, 2016). Jelaslah bahawa pandangan para sarjana di atas menghuraikan tentang sikap mempertahankan diri adalah sebuah sikap untuk

mendapatkan sesuatu perkara yang kita kehendaki. Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Keajaiban Si Kera Putih*.

Lagu *Keajaiban Si Kera Putih*

pada suatu hari
Ada orang tua
Nama Haji Abdul Rahman
Beliau orang alim juga beragama
Berasal di negeri Kelantan

Beliau seorang berani
Dan juga rajin
Untuk masuk hutan
Beliau mempunyai misi
Melihat kera putih yang ajaib

Haji Long Abdul Rahman berdoa
Memintak bantuan daripada Allah
Agar si kera putih tidak
Menganggunka untuk berdakwah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, merujuk lirik lagu di atas sikap mempertahankan diri dalam rangkap dua baris satu ini dapat digambarkan sikap berani yang ada dalam diri tokoh Haji Abdul Rahman yang berani melakukan apa sahaja untuk mendapat sesuatu yang dikehendaki. Jelaslah bahawa sikap berani yang ditujukan melalui lirik lagu di atas lebih mudah untuk masyarakat memahami sesuatu jalan cerita yang hendak disampaikan.

Sehubungan itu, nilai keberanian merupakan tunjang kepada teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang di perolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Dalam hal ini, sikap berani adalah sifat yang dituntut dalam agama Islam, kerana kita perlu berani kerana benar dalam segala hal, supaya diri kita tidak mudah ditindas oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, sebagai manusia kita haruslah

berani menentang sesuatu sesuatu perkara yang boleh menjatuhkan maruah atau semangat kita untuk meneruskan kehidupan.

4.8 Nilai Kerajinan

Namun demikian, nilai kerajinan ialah manusia yang memiliki sikap suka berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh untuk memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) manakala dari sudut pandangan Islam setiap individu layak untuk memiliki sifat rajin dalam diri mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam sendiri menyeru umatnya untuk berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh dalam memenuhi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan. Namun begitu, setiap individu yang rajin akan membolehkan mereka mencapai kejayaan serta kebahagiaan di dunia dan akhirat (Aboebakar Atjeh, 1988). Dengan itu, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kerajinan iaitu daya usaha, kegigihan atau ketekunan.

4.8.1 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Daya Usaha

Seperti yang telah dinyatakan dalam petikan naratis lisan *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu* pengkaji telah memilih cerita tersebut lalu di transkripsi ke dalam bentuk Lirik lagu. Hal ini kerana, nilai murni yang ditonjolkan dalam lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji telah membuktikan keunikan yang ada dapat memberi nilai mutu kebaikan dalam kajian ini. Namun demikian, nilai murni dalam lirik lagu nasib kapal dangang adalah kerajinan. Menurut (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018)) Hal ini menjelaskan bahawa nilai murni kerajinan melalui sikap daya usaha merupakan sesuatu perkara yang kita lakukan dengan usaha yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan

daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara. Hal ini dapat digambarkan, melalui seorang nelayan yang telah pergi ke laut untuk menangkap ikan kerana itulah salah satu punca rezeki dalam kehidupannya pada masa itu. Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas melalui pandangan para sarjana sikap daya usaha ialah sebuah sikap yang wujud di dalam diri seseorang yang sentiasa berusaha dalam mendapatkan sesuatu perkara yang dia inginkan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu*.

Lagu *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu*

Ada sebuah kisah
Pantai Pengkalan Datu Kelantan
Sebagailah pusat
Perdangan awal negeri kelantan

Pantai tersebut dikenali sebagai
Pantai War Lala, dikuasai oleh
Puteri Saadong yang cantik rupawan
Hari demi hari pusat perdangang ini
Menjadi tumpuan orang luar
Untuk berdangang pantai pengkalan datu

Pada suatu hari
Seorang nelayan pulang dari laut
Menjual ikan yang diperolehi oleh dirinya
Puteri saadong melihat
Lalu berfikir, untuk membuat satu jualan
Diatas kapal yang dekat dengan pengkalanya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Namun demikian, melalui lirik lagu di atas sikap daya usaha dalam rangkap tiga baris dua dan tiga menjelaskan Kisah *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu* ada merupakan salah satu tempat punca rezeki yang sangat luas pada masa itu. Hal ini membuktikan bahawa sikap rajin dalam diri akan membawa hasil yang lumayan pada suatu ketika nanti.

Seterusnya, petikan naratis lisan *Rumah Api Penyelamat Saudagar* yang dipilih oleh pengkaji untuk transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu rakyat. Hal ini menjelaskan

bahawa seseorang manusia yang rajin berusaha dalam mencari rezeki. Namun begitu, pengkaji mengaitkan nilai murni kerajinan yang ada dalam diri seseorang yang kuat berusaha. Menurut (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) nilai murni kerajinan melalui daya usaha adalah manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan. Bukan itu sahaja, melalui pandangan para sarjana di atas sikap daya usaha adalah sebuah sikap seseorang yang rajin bekerja dalam mendapatkan sesuatu pekerjaan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Rumah Api Penyelamat Saudagar*.

Lagu Rumah Api Penyelamat Saudagar

Dulu, dulu, seorang saudagar
Kaya raya, hantar limpah ruah
Orangnya baik tidaklah sompong
Tutur kata sopan membuat orang sayang

Suatu hari, beliau merantau mengeligi
Lautan luas mencari rezeki
Barang jualan bekalan makanan
Jadi bahan dangangan

Tiba-tiba laut bergelora
Mereka takut, tidak tenang
Air laut mula manganas
Kapal terapung membuat tidak stabil

Kapal tiba di satu tempat
Rumah api tempat yang selamat
Mereka pergi untuk berehat
Hilang takut serta penat

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, sikap daya usaha dalam rangkap dua baris satu hingga dua seorang manusia yang rajin berusaha melalui lirik lagu di atas akan mendapat sesuatu yang diinginkan walaupun perkara tersebut tidak disangka, kerana Allah akan memberi rezeki yang murah kepada orang yang ringan tulang dalam melakukan sesuatu dengan ikhlas.

Selain itu, petikan naratis lisan *Keajaiban Si Kera Putih* pengkaji telah mengtranskripsi dalam bentuk lirik lagu rakyat bagi menunjukkan keunikan yang ada dalam cerita tersebut. Hal ini menunjukkan keunikan sikap manusia yang rajin dalam melakukan perkara yang diinginkan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam lirik lagu si kera putih pengkaji telah memasukkan nilai murni kerajinan bagi memantapkan kajian ini. Menurut (Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008;(Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018 manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesbuah kehidupan. Selain itu, nilai murni kerajinan adalah perbuatan dan bersungguh-sungguh, iaitu perbuatan bersungguh-sungguh dan teliti dalam melakukan sesuatu perkara sehingga memperolehi sesuatu yang memberi manfaat (*Kamus Dewan*, 2016). Melalui pandangan para sarjana di atas sikap daya usaha dapat di gambarkan melalui seorang tokoh yang rajin masuk hutan demi mencapai misi yang dikehendaki. Dengan itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Keajaiban Si Kera Putih*.

Lagu *Keajaiban Si Kera Putih*

pada suatu hari
Ada orang tua
Nama Haji Abdul Rahman
Beliau orang alim juga beragama
Berasal dinegeri Kelantan

Beliau seorang berani
Dan juga rajin
Untuk masuk hutan
Beliau mempunyai misi
Melihat kera putih yang ajaib

Haji Long Abdul Rahman berdoa
Memintak bantuan daripada Allah
Agar si kera putih tidak
Menganggunka untuk berdakwah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Di samping itu, merujuk lirik lagu di atas sikap daya usaha dalam rangkap dua baris dua hingga empat membuktikan bahawa nilai kerajinan yang dilakukan oleh masyarakat dalam membantu orang lain yang berada dalam kesusahan. Hal ini membuktikan sifat sedemikian sangat dipuji oleh Allah SWT maka kita sewajarnya mengamalkan sikap tersebut dalam diri agar hidup sentiasa dijunjung tinggi.

4.8.2 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Kegigihan Atau Ketekunan

Seterusnya, melalui petikan naratis lisan di atas yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong* pengkaji telah memilih cerita tersebut untuk di transkripsi ke dalam bentuk lirik lagu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, terdapat nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan yang ditunjukkan oleh tokoh melalui gambaran lagu yang dibuat pengkaji. Hal ini demikian kerana nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan adalah merupakan sikap perilaku yang rajin, gigih, bersungguh-sungguh, giat, tekun dan aktif dalam melakukan sesuatu perkara demi memperolehi hasil yang positif (Azura Abdullah, 2000). Seterusnya, sikap kegigihan dan ketekunan ialah manusia yang memiliki kekuatan hati, tegar hati dan patuh pada pendirian sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam sebuah kehidupan (Kamus Dewan, 2016). Kesannya, melalui pandangan para sarjana di atas sikap kegigihan atau ketekunan adalah seseorang yang rajin berusaha akan mendapat sesuatu perkara yang dikehendaki dan akan menerima balasan yang baik pada suatu hari nanti. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong*.

Lagu *Asal Usul Kampung Babong*

Pada suatu dahulu
Ada sebuah kampung
Yang digelar kampung Babong
Akibat beliau sohor

Beliau diberi nama, Datuk Babong
Beliau seorang penentang

Dan juga berani
Sebarang masalah aloh dia pikul
Sendiri tanpa mintak bantuan
Dengan orang kampung.

He, he, la, la
Beliau juga seorang
Penyabar dan juga baik hati
Menolong orang kampung
Yang susah yang senang
Semua hormat padanya

Tok babong yang mulia
Lagi bijaksana
Beliau seorang pemurah
Dan juga suka bergaung
Tidak kira tua muda
Semua orang dia bercampur

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Sementara itu, merujuk kepada lirik lagu di atas sikap kegigihan dan ketekunan dalam rangkap tiga baris empat hingga enam menjelaskan Datuk Babong sangat rajin dalam membantu orang kampung yang berada dalam kesusahan dan beliau juga membantu dengan ikhlas tanpa meminta sebarang balasan daripada mereka. Oleh hal yang demikian, sikap beliau ini boleh dijadikan sebagai contoh dalam kehidupan masyarakat. Misalnya, kata ‘rajin’ bermaksud sebagai perbuatan dengan usaha bersungguh-sungguh, iaitu perbuatan bersungguh-sungguh dan teliti dalam melakukan sesuatu perkara sehingga memperolehi sesuatu yang bermanfaat (*Kamus Dewan*, 2016).

Seterusnya, petikan naratis lisan *Kisah Sekumpulan Tupai* di atas menjadi pilihan kepada pengkaji untuk mentranskripsikan dalam bentuk lirik lagu rakyat. Oleh itu, menerusi lagu ini pengkaji juga telah memasukkan beberapa nilai murni yang dimiliki oleh beliau sehingga beliau mendapat sanjungan yang tinggi oleh masyarakat di kampung yang diduduki. Antara nilai murni yang diterap dalam diri tokoh tersebut adalah kerajinan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) nilai murni kerajinan adalah manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan

bersungguh-sungguh memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan. Selain itu, Nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan adalah merupakan sikap perilaku yang rajin, gigih, bersungguh-sungguh, giat, tekun dan aktif dalam melakukan sesuatu perkara demi memperolehi hasil yang positif (Azura Abdullah, 2000). Lain daripada itu, sikap kegigihan dan ketekunan ialah manusia yang memiliki kekuatan hati, tegar hati dan patuh pada pendirian sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam sebuah kehidupan (*Kamus Dewan*, 2016). Namun begitu, pandangan para sarjana di atas sikap kegigihan atau ketekunan merupakan sebuah sikap seseorang yang melakukan sesuatu secara bersungguh sehingga beliau capai perkara yang dikehendaki. Jelaslah, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kisah Sekumpulan Tupai*.

Lagu *Kisah Sekumpulan Tupai*

Pada sekitar 300 tahun yang lalu
Ada sebuah kampung namanya kampung gajah
Dipimpin oleh Haji Long Abdul Rahman
Beliau merupakan seorang raja petani

Pada masa dulu Haji Abdul Rahman
Merupakan orang rajin, orang bijak, baik hati
sikap beliau masyarakat sanjung tinggi
Agar hidup sentiasa diberkati

Pada suatu ketika Haji Long Abdul Rahman
Beliau masuk kampung
Untuk tengok pokok kelapa itu rosak
Punca dimakan oleh sekumpulan tupai

Pada suatu hari Haji Long Abdul Rahman
Tengok sekumpulan tupai
Duk makan buah kelapa
Lalu beliau berdoa meminta bantuan
Daripada Allah SWT
Agar buah kelapa tidak ditebus tupai lagi

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, lirik lagu di atas sikap kegigihan dan ketekunan dalam rangkap dua baris dua hingga empat Kisah sekumpulan tupai yang diceritakan tentang kehebatan

seorang tokoh yang digelar Haji Long Abdul Rahman. Beliau merupakan seorang yang bijak serta rajin membantu dalam sesuatu perkara. Oleh itu, jelaslah bahawa kita boleh mengambil sikap yang ada pada tokoh tersebut untuk ditanamkan dalam diri supaya hidup sentiasa mendapat rahmat Allah.

Dalam pada itu, petikan naratis lisan *Mak Su Nab Bomor Ular* telah dipilih oleh pengkaji untuk ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu rakyat bagi membuktikan keunikan nilai-nilai murni. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang wanita bomor kampung yang sangat bertanggungjawab dalam membantu orang kampung yang berada dalam kesusahan. Oleh itu, pengkaji kaitkan nilai kerajinan yang ada dalam diri wanita bomor itu. Ini menggambarkan bahawa nilai kerajinan merujuk kepada manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan adalah merupakan sikap perilaku yang rajin, gigih, bersungguh-sungguh, giat, tekun dan aktif dalam melakukan sesuatu perkara demi memperolehi hasil yang positif (Azura Abdullah, 2000). Seterusnya, sikap kegigihan dan ketekunan ialah manusia yang memiliki kekuatan hati, tegar hati dan patuh pada pendirian sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam sebuah kehidupan (Kamus Dewan, 2016). Misalnya, melalui pandangan para sarjana di atas sikap kegigihan atau ketekunan adalah seseorang yang suka membantu serta melakukan sesuatu kerja dengan ikhlas. Dengan itu, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Mak Su Nab Bomor Ular*.

Lagu *Mak Su Nab Bomor Ular*

Pada suatu dulu, ada seorang wanita
Nama Mak Su Nab
Seorang yang luar biasa

Mak Su Nab seorang baik
Sahabat baik dengan Amira
Sebagai bomor di kampungnya
Mengubati penyakit, orang kampung

Pada suatu hari, adalah seorang kampung
Yang berubat dengan Mak Su Nab
Lelaki itu dipatuk ular, anak kepada mak senah
Batu geliga ular, bergerak sendiri
Mengelilingi kaki yang lebam, anak mak senah

Selepas tiga hari, anak senah
Mula pulih, dari sakitnya itu
Mak senah rasa bersyukur
Atas kesembuhan anaknya. Ooooo

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Kita dapat menyaksikan melalui lirik lagu di atas sikap kegigihan dan ketekunan dalam rangkap tiga baris satu hingga lima Mak Su Nab sangat rajin dalam membantu orang kampung tanpa mengira mereka itu siapa malah beliau akan berusaha untuk menyembuhkan anak lelaki Senah yang telah di patut ular sehingga lebam. Jelaslah membuktikan sikap seseorang rajin dalam membantu akan mendapat penghormatan daripada masyarakat dan hidup juga akan sentiasa mendapat keberkatan Allah.

Selepas itu, petikan naratis lisan *Asal Usul Datu* diangkat oleh pengkaji untuk ditranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu rakyat. Dalam hal ini, pengkaji memasukkan nilai murni kerajinan melalui sikap kegigihan dan ketekunan adalah manusia yang memiliki sikap berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh memperolehi matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sesebuah kehidupan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini dapat merumuskan tentang naratif lisan berkaitan sifat Datu yang sangat rajin mencari rezeki dalam memenuhi keperluan hidup. Namun begitu, melalui pandangan para sarjana di atas sikap kegigihan atau ketekunan merupakan sebuah sikap yang rajin berusaha untuk mendapat keperluan hidup sehariannya. Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Datu*.

Lagu Asal Usul Datu

Pada zaman datu, kerajaan Thailand
Dikuasai oleh, raja Alauddin.

Raja Alauddin memeluk agama islam
Kerajaan Thailand menerima ufti
Ufti diambil tiga bulan sekali
Sebagai tanda pelindungan mereka

Pada suatu hari, semasa datu
Mengutip ufti di Terengganu
Tiba-tiba kerajaan Thailand
Diserang oleh pihak musuh
Lalu datu, terima luka parah
Akibat diserang oleh pihak musuh

Selepas datu pulih dia
Teruskan hidup, dengan cari
Hasil hutan, bagi memenuhi
Keperluan hidupnya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Sebagaimana yang kita dapat lihat dalam lirik lagu di atas sikap kegigihan dan ketekunan dalam rangkap empat baris satu hingga empat ianya merumuskan tentang naratif lisan berkaitan sifat Datu yang sangat rajin mencari rezeki dalam memenuhi keperluan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang manusia yang rajin akan mendapat sesuatu yang diinginkan hasil daripada setiap usaha dan melambangkan sebuah kejayaan pada masa hadapan. Oleh itu, kita wajarlah bersabar dan terus berusaha dengan ikhlas melakukan sesuatu dengan izin Allah.

Sehubungan itu, nilai kerajinan merupakan satu nilai yang oleh disamakan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Ini membuktikan bahawa pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Hal ini dapat dijelaskan melalui sikap rajin berusaha dalam mendapatkan sesuatu perkara yang diinginkan kerana orang yang rajin berusaha

selalunya akan selalu mendapat pujian daripada masyarakat. Walaupun demikian, sifat rajin tidak boleh mempunyai niat yang tidak betul seperti kita menolong orang dengan niat untuk mendapatkan balasan maka kita tidak dapat ganjaran pahala daripada Allah. Rumusannya, bahawa kita sebagai manusia haruslah menanam sifat rajin dalam diri supaya hidup sentiasa disayangi dan diberkati Allah.

4.9 Nilai Kebebasan

Seterusnya, nilai kebebasan memberi maksud sesuatu yang merangkumi tentang peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara, minda dan hati budi yang tidak terbebani oleh penjajahan oleh pihak asing melalui fizikal, mental, emosional dan intelektual (Mohd Ali Hashimi, 1992; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, kebebasan daripada sudut Islam adalah merangkumi minda dan hati budi yang tidak terbebani, dan ianya juga tidak menindas seseorang dari sudut fizikal dan mental (Hashim Musa, 2008). Misalnya, sebagai manusia kita layak hidup bebas dan tidak di kongkong oleh sesiapa. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam sesebuah negara seseorang manusia mempunyai hak untuk bersuara tentang sesuatu perkara yang dijalankan oleh sesebuah negara bercanggah dengan undang-undang yang telah ditetapkan. Oleh itu, berdasarkan nilai kebebasan, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kebebasan iaitu kebebasan bersuara.

4.9.1 Nilai Kebebasan Melalui Sikap Kebebasan Bersuara

Seperti yang telah dinyatakan di atas, petikan naratis lisan *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* di atas pengkaji telah mengtranskripsi ke dalam bentuk lirik lagu bagi memantapkan lagi kajian. Oleh hal yang demikian, terdapat nilai murni kebebasan yang dikaitkan dalam lagu Lipat Sanggul yang mengisahkan orang British

yang tinggal di kampung tersebut tetapi beliau bebas untuk melakukan apa sahaja. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) nilai kebebasan melalui sikap kebebasan bersuara ialah sesuatu yang merangkumi tentang peraturan dan undang-undang yang ditentukan oleh agama, masyarakat dan negara, minda dan hati budi yang tidak terbeban oleh penjajahan oleh pihak asing melalui fizikal, mental, emosional dan intelektual. Seterusnya, maksud kebebasan bersuara adalah manusia yang berhak menyuarakan pendapat untuk memperoleh sesuatu hajat selagi ianya tidak mendatangkan keburukan terhadap dirinya (Amir A. Rahman, 1991). Dalam hal ini, pandangan para sarjana di atas sikap kebebasan bersuara merupakan sebuah hak yang telah diberikan kepada seseorang manusia bagi mendapatkan hak yang beliau kehendaki. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*.

Lagu *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*

Zaman dulu perang dunia, Kedua di tanah Melayu telah berlaku
Wujudlah sebuahlah kampung, Namanya kampung Lipat Sanggul
Asal di negeri Kelantan, oleh cik siti
Wan kembang, banyak kemajuan dibina

Howard Foster orang British yang
Baik lagi bijaksana, Pandai bertutur bahasa Melayu
Tidak malu untuk bergaul dengan orang kampung

Pada suatu hari minggu, Pak Dollah
Tiba di rumah, di rumah Cik Milah, telah pengsan dipatuk ular
Lalu beliau menolong selamat, Cik Milah daripada bisa ular
Cik Milah rasa syukur masih selamat lagi
Dan mengucap terima kasih kepada Pak Dollah.

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Sebagaimana yang kita ketahui dalam lirik lagu di atas sikap kebebasan bersuara dalam rangkap dua baris satu hingga tiga Ini dapat dilihat Howard Foster orang British yang merupakan orang yang bijaksana kerana beliau dapat bercakap bahasa Melayu malah beliau juga tidak malu untuk bergaul dengan orang kampung tersebut. Jelaslah, sebagai manusia kita hendaklah mengetahui bahawa kita diciptakan oleh Allah serta diberikan hak kebebasan untuk melakukan sesuatu berada di dunia.

Rentetan daripada itu, nilai kebebasan boleh dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan masyarakat menurut beliau sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Contoh kita lihat ialah manusia yang hidup di alam Allah kesemuanya layak bersuara jika perkara tersebut bercanggah di mata mereka. Namun demikian, sebagai manusia kita tidak boleh sesekali menilai seseorang itu dari segi luaran, kerana ada segelintir manusia luarannya nampak ganas tetapi beliau merupakan orang yang selalu membantu orang lain. Maka, sebagai manusia kita haruslah memberi peluang untuk seseorang itu bergerak dengan bebas tanpa berasa terikat atau kongkongan daripada mana-mana pihak.

4.10 Nilai Kejujuran

Seterusnya, nilai kejujuran memberi maksud manusia yang memiliki sifat keikhlasan, amanah, bercakap benar dan setia dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mempunyai niat yang tidak baik serta tidak mengharapkan balasan daripada orang lain (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Bukan itu sahaja, dari sudut pandangan Islam pula setiap insan wajib jujur dalam segala perbuatan dan perkataan yang mereka lakukan sepanjang waktu. Lain daripada itu, seseorang yang sentiasa bersifat jujur dalam perbuatan dan pertuturan akan mudah dipercayai oleh orang di sekelilingnya. Tambahan pula, orang yang bersifat jujur akan sentiasa kelihatan cerdik lagi bijaksana dalam segala perkara yang mereka lakukan. Oleh itu jelaslah bahawa pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kejujuran iaitu ikhlas.

4.10.1 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Ikhlas

Seperti yang telah dinyatakan dalam petikan naratis lisan *Kisah Sekumpulan Tupai* di atas menjadi pilihan hati pengkaji untuk transkripsi ke dalam bentuk Lirik lagu bagi membuktikan keunikan yang ada. Disebabkan hal itu, cerita kisah sekumpulan tupai telah menjelaskan tentang nilai kejujuran melalui sikap ikhlas. Ini membuktikan bahawa nilai kejujuran melalui sikap ikhlas ialah seseorang yang memiliki hati yang bersih dan tidak melakukan perkara yang mungkar serta menjaga hak dirinya dan orang di sekelilingnya (Iman Al-Ghazali, 1994; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, maksud sikap ikhlas adalah seseorang yang memiliki hati yang bersih dan tidak melakukan perkara yang mungkar serta menjaga hak dirinya dan orang di sekeliling-Nya. Selanjutnya, sikap ikhlas ialah manusia yang memiliki hati, tidak sompong atau berpura-pura dalam melakukan sesuatu pekerjaan (*Kamus Dewan*, 2016). Biar kita lihat melalui pandangan para sarjana di atas sikap ikhlas adalah salah satu sikap seseorang yang melakukan sesuatu dengan kehendak hati tanpa meminta sebarang balasan. Dengan ini, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kisah Sekumpulan Tupai*.

Lagu *Kisah Sekumpulan Tupai*

Pada sekitar 300 tahun yang lalu
Ada sebuah kampung namanya kampung gajah
Dipimpin oleh Haji Long Abdul Rahman
Beliau merupakan seorang raja petani

Pada masa dulu Haji Abdul Rahman
Merupakan orang rajin, orang bijak, baik hati
sikap beliau masyarakat sanjung tinggi
Agar hidup sentiasa diberkati

Pada suatu ketika Haji Long Abdul Rahman
Beliau masuk kampung
Untuk tengok pokok kelapa itu rosak
Punca dimakan oleh sekumpulan tupai

Pada suatu hari Haji Long Abdul Rahman
Tengok sekumpulan tupai
Duk makan buah kelapa
Lalu beliau berdoa meminta bantuan

Daripada Allah SWT

Agar buah kelapa tidak ditebusk tupai lagi

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, merujuk lirik lagu di atas sikap ikhlas dalam rangkap empat baris tiga hingga enam jelasnya kita dapat lihat melalui sikap Haji Long Abdul Rahman yang telah berdoa dan meminta bantuan daripada Allah SWT supaya tupai yang telah merosakkan buah kelapa tersebut tidak menganggunya lagi (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Oleh itu, kita sebagai manusia yang beragama Islam haruslah sentiasa meminta sesuatu daripada Allah supaya setiap apa yang kita minta akan dimakbul Allah. Selain itu, nilai kejujuran boleh dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Dalam hal ini, pendekatan dakwah yang berfungsi sebagai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang daripadanya dapat menimbulkan rasa hormat terhadap kesucian agama Islam, baik daripada orang Islam atau bukan orang Islam (Hashim Awang, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana kita sebagai manusia hendaklah bersifat jujur dalam melakukan sesuatu perkara supaya setiap perkara tersebut sentiasa direhái Allah. Oleh itu, kita hendaklah jujur dalam apa-apa perkara agar diri kita sentiasa dipercayai oleh orang lain dan boleh menjadi contoh kepada orang lain.

UNIVERSITI SYAH ALAM

4.11 Nilai Kerjasama

Selain itu, nilai kerjasama bermaksud tindakan yang dilakukan secara bersama-sama pada berperingkat individu, dalam kalangan masyarakat dan negara, komuniti dalam usaha menjalankan sesuatu aktiviti kemasyarakatan yang dapat memberi faedah dan kepentingan untuk semua (Wan Marzuki Wan Mohd Nooe, 2010; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, dari sudut persepsi Islam pula adalah kerjasama dalam kalangan masyarakat amat dituntut untuk diamalkan, kerana dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan dapat hidup dalam keadaan sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuai dengan ajar Islam yang menuntut umatnya

untuk bekerjasama. Namun, menurut Hashim Musa (2008), beliau menyuarakan betapa pentingnya sikap kerjasama dalam sesebuah kehidupan masyarakat Melayu khususnya yang beragama Islam. Jelaslah bahawa, kerjasama manusia amat penting dalam melakukan sesuatu agar sesuatu perkara tersebut disiapkan dengan cepat, kerana dilakukan hasil usaha bersama. Berdasarkan nilai kerjasama, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kerjasama iaitu tanggungjawab bersama,.

4.11.1 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama

Di samping itu, menerusi petikan naratis lisan *Kepesatan Pengkalan Parit* di atas pengkaji telah transkripsi cerita di tersebut ke dalam bentuk lirik lagu bagi menimbulkan keindahan dalam kajian. Selain itu, pengkaji juga telah memasukkan nilai murni kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) beliau berpendapat, nilai kerjasama adalah tindakan yang dilakukan secara bersama-sama pada peringkat individu, dalam kalangan masyarakat dan negara, komuniti dalam usaha menjalankan sesuatu aktiviti kemasyarakatan yang dapat memberi faedah dan kepentingan untuk semua. Seterusnya, kata ‘tanggungjawab’ bermaksud kewajiban yang dipikul oleh seseorang dan segala wajib yang ditanggung (*Kamus Dewan*, 2016). Bukan itu sahaja, kata ‘bersama’ membawa maksud berserta, berganding dan serentak dengan sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh itu, melalui pendapat para sarjana yang dikemukakan di atas ini dapat dirumuskan bahawa sikap tanggungjawab bersama adalah sikap yang melakukan sesuatu perkara bukan secara keseorangan dan dilakukan secara bersama. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kepesatan Pengkalan Parit*.

Lagu *Kepesatan Pengkalan Parit*

Pada masa dulu ada sebuah kisah
Sungai Dabong tempat perdagangan antarabangsa
Jualan rotan, budu, air garam

Dan sebagainya jadi bahan dagang
Sungai dabong dikenali Pengkalan Parit

Ooo,la,la
Ramai penduduk
Perdagangan menjadi aktiviti
Utama masyarakat sungai Dabong
Mereka saling bekerjasama
Dalam mencari rezeki perdagangan

Huhuhuhu,la,la,la
Pada suatu hari , Ada seorang tokoh
Nama orang panggil Pak Bulat, Dia orang sohor
Dio orang panas barang
Berahi cari gaduh dengan pendagang Cina

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Kita dapat menyaksikan melalui lirik lagu di atas tentang sikap tanggungjawab bersama dalam rangkap dua baris lima hingga enam mengenai Keindahan Kepesatan Pengkalan parit terdapat keunikan yang dapat dilihat melalui kepesatan ekonomi yang ada di Pengkalan Parit. Ini membuktikan bahawa nilai kerjasama juga sebagai tanggungjawab murni yang patut dilaksanakan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama bangsa serta keturunan demi mewujudkan kebajikan secara bersama-sama. Hal ini dapat dilihat melalui semangat penduduk kampung yang sanggup berganding bahu dalam aktiviti berdagang bagi mendapat sesuatu punca rezeki.

Rentetan daripada itu, nilai kerjasama bertunjang kepada pengkeadahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Bukan itu sahaja, pendekatan masyarakat menurut beliau sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai masyarakat yang di hidup secara berkelompok seharusnya bekerjasama dalam melakukan sesuatu supaya pekerjaan tersebut akan lebih ringan. Kita hendaklah melakukan kerjasama dengan ikhlas supaya hidup kita sentiasa diberkati Allah. Jelaslah bahawa pendekatan

kemasyarakatan ini mengenai nilai kerjasama sangat bagus diterapkan dan sentiasa menjadi amalan dalam diri agar kehidupan kita selalu berada kerah peningkatan.

4.12 Nilai Kesederhanaan

Seterusnya, nilai kesederhanaan memberi maksud manusia yang dapat mewujudkan sikap tidak keterlaluan dalam usaha membuatkan pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pertuturan atau perlakuan dan pemikiran untuk menyesuaikan diri mereka dengan norma dan nilai kemasyarakatan (Hishim Musa, 2008; Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selanjutnya, nilai kesederhanaan merupakan sikap tidak menunjuk-nunjuk, setiap apa yang dibuat tidak sama dengan apa yang difikirkan, sebarang keputusan yang dibuat secara sederhana mengikut undang-undang yang ditetapkan. Oleh itu, setiap percakapan hendaklah bersopan serta tidak menimbulkan perasaan marah pada orang lain. Jelaslah bahawa sebagai manusia yang beragama islam haruslah mempunyai sikap yang sederhana bukan untuk menunjuk-nunjuk dalam melakukan sesuatu perkara supaya kita dihormati dan disanjung tinggi. Namun, merujuk nilai kesederhanaan, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kesederhanaan iaitu pertuturan dan tingkah laku.

4.12.1 Nilai Kesederhanaan Melalui Sikap Pertuturan Dan Tingkah Laku

Sebagaimana yang kita ketahui berdasarkan petikan naratis lisan *Asal Usul Wakaf Aik* pengkaji telah mengtranskripsi cerita tersebut ke dalam bentuk lirik lagu bagi jelaskan cara cerita tersebut. Disebabkan hal itu, pengkaji memasukkan nilai murni kesederhanaan bagi memantapkan kajian ini. Namun, nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dan tingkah laku ialah manusia yang dapat mewujudkan sikap tidak keterlaluan dalam usaha membuatkan pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pertuturan atau perlakuan dan pemikiran untuk menyesuaikan diri mereka dengan

norma dan nilai kemasyarakatan (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘pertuturan’ membawa maksud gaya atau cara menuturkan sesuatu, lafas, sebutan, ucapan, apa yang dituturkan serta percakapan (*Kamus Dewan*, 2016). Lain daripada itu, kata ‘tingkah’ membawa maksud perbuatan yang ganjil atau tidak patut, canda, olah serta ragam (*Kamus Dewan*, 2016). Begitu juga, kata laku membawa maksud gaya atau cara membuat sesuatu , perbuatan dan tabiat (*Kamus Dewan*, 2016). Namun, pada pandangan sarjana di atas ini dapat dirumuskan bahawa sikap pertuturan dan tingkah laku adalah satu sikap pandai berkata-kata serta tingkah laku yang sopan dalam pelbagai perkara yang dilakukan olehnya. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Wakaf Aik*.

Lagu *Asal Usul wakaf aik*

Asal usulnya Wakaf Aik ini
Digelar sebagai Pak Cu Abu
Dia tokoh hak disanjung
Tinggi oleh masyarakat yang diperintah

sikap toleransi dibawa dalam diri
Kemuliaan jadi peribadi
Supaya hidup sentiasa diberkati

Beliau seorang berahi bergaul
Dengan masyarakat Melayu hak duk kampung
Pak Cu Abu orang baik hati
Dia tidak suka bergaduh

Pada suatu hari ada suatu majlis
Yang dipanggil sukan rakyat, Banyak permainan seperti
Wau bulan, Mok Yong, main Teri Dan sebagainya
Ini tujuan nak erat hubungan
Supaya hidup aman sejahtera

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Selain itu, lirik lagu di atas terdapat sikap pertuturan dan tingkah laku dalam rangkap tiga baris satu hingga tiga telah menggambarkan seorang ketua yang sangat mulia serta rendah diri kerana beliau suka bergaul dengan orang kampung. Hal ini dapat digambarkan melalui watak Pak Cu Abu merupakan orang ternama di kampungnya tetapi beliau seorang yang perwatakan mulia serta rendah diri kerana beliau sangat

peramah dengan orang kampung serta mengambil tahu tentang keadaan masyarakat di kampungnya. Secara rumusannya, kita sebagai manusia yang hidup di alam Allah seharusnya mempunyai sikap rendah diri kerana Allah memandang mulia pada orang yang rendah diri berbanding orang yang lupa diri.

Sehubungan itu, nilai kesederhanaan ialah tunjang kepada teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan masyarakat menurut beliau sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan ketakwaan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai manusia kita hendaklah menjalani kehidupan dalam keadaan yang sederhana sahaja, kerana kita perlu sedar bahawa semua harta yang kita miliki adalah pinjaman daripada harta Allah. Oleh itu, sebagai manusia juga kita tidak boleh mempunyai sikap menunjuk-nunjuk kekayaan yang kita miliki kerana bila-bila masa harta tersebut boleh pergi. Maka, sebagai manusia yang beragama Islam wajarlah bertakwa kepada Allah agar harta yang dimiliki mendapat keberkatan Allah.

4.13 Nilai Kesyukuran

Seterusnya, maksud nilai kesyukuran ialah keikhlasan manusia menghargai dan menyanjung tinggi sumbangan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Dengan perkataan lain, umat Islam diwajibkan bersyukur di atas setiap apa yang diperolehi dalam hidup mereka dan Islam mengajar umatnya bersyukur dalam setiap pemberian yang dikurniakan oleh Allah S.W.T (Amir A.Rahman, 1991). Jelaslah, sebagai seorang manusia hendaklah tanam sikap syukur dalam diri kerana Allah memberikan peluang untuk

kita hidup di dunia dan menikmati ciptaan-Nya. Berdasarkan nilai kesyukuran, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai kesyukuran iaitu mengenang budi.

4.13.1 Nilai Kesyukuran Melalui Sikap Mengenang Budi

Sebagaimana kita dapat lihat dalam petikan naratis lisan *Asal Usul Wakaf Aik* pengkaji telah memilih cerita tersebut lalu di transkripsikan ke dalam bentuk lirik lagu. Hal ini menjelaskan bahawa nilai bersyukur melalui sikap mengenang budi ialah ikhlasnya seorang manusia menghargai dan menyanjung tinggi sumbangan, pemberian dan hikmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan pada diri mereka (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selanjutnya, merujuk Kamus dewan, (2016) kata ‘mengenang’ bermaksud sebagai mengingat memikir dan menghargai perbuatan baik manakala kata ‘budi’ ditakrifkan sebagai akal, kebijaksanaan, pekerti, perangai, akhlak dan tingkah laku (*Kamus dewan*, 2016). Oleh itu, hal yang difahamkan melalui pendapat para sarjana sikap mengenang budi dirumuskan sebagai sikap menghargai perbuatan yang dilakukan oleh orang lain bagi membantu kita yang berada dalam kesusahan. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Wakaf Aik*.

Lagu *Asal Usul wakaf aik*

Asal usulnya Wakaf Aik ini
Digelar sebagai Pak Cu Abu
Dia tokoh hak disanjung
Tinggi oleh masyarakat yang diperintah

sikap toleransi dibawa dalam diri
Kemulia jadi peribadi
Supaya hidup sentiasa diberkati

Beliau seorang berahi bergaul
Dengan masyarakat Melayu hak duk kampung
Pak Cu Bbu orang baik hati
Dia tidak suka bergaduh

Pada suatu hari ada suatu majlis
Yang dipanggil sukan rakyat, Banyak permainan seperti
Wau bulan, Mok Yong, main Teri Dan sebagainya
Ini tujuan nak erat hubungan
Supaya hidup aman sejahtera

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Namun demikian, melalui lirik lagu di atas sikap mengenang budi dalam rangkap satu baris tiga hingga empat adalah untuk membuktikan keunikan yang ada dalam cerita tersebut iaitu seorang tokoh yang sentiasa bersyukur. Hal ini menyebabkan sebagai manusia kita hendaklah sentiasa bersyukur dan sentiasa menyanjung tinggi budi seseorang yang telah memberikan sesuatu kepada kita. Namun, kita juga sewajarnya sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang telah menabur budi kepada kita.

Seterusnya, petikan naratis lisan *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* di atas pengkaji mengambil lalu di transkipsi dalam bentuk lirik lagu supaya ia lebih mudah untuk difahami. Dalam hal ini, petikan di atas mengisahkan seorang makhluk Allah yang telah dapat memberi manfaat kepada masyarakat di kampungnya dan mereka merasakan jutaan syukur kepada Allah di atas pemberian tersebut. Oleh itu, pengkaji menyatakan nilai murni kesyukuran melalui sikap mengenang budi. Menurut *Kamus Dewan*, (2016) kata ‘mengenang’ ditakrifkan sebagai mengingat memikir dan menghargai perbuatan baik. Selanjutnya, kata budi bermaksud sebagai akal, kebijaksanaan, pekerti, perangai, akhlak dan tingkah laku (*Kamus Dewan*, 2016). Jelaslah bahawa pandangan para sarjana mengenai sikap mengenang budi iaitu mengenang jasa dan pengorbanan yang dilakukan ke atas diri kita. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*.

Lagu *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta*

Dulu, sebuah kampung
Kampung bangbol, kampung yang paling awal

Ada seorang ulama namanya
Tok Guru Haji Awang

Tok Guru Haji Awang
Merupakan orang kuat agama
Beliau ketua kampung mulia akhlak
Dalam agama islam

Tok Guru Haji Awang
Berdoa kepada Allah
Agar kampung itu
Aman damai sejahtera sentosa.
Tok Guru Haji Awang
Orang kampung rasa bersyukur
Kedatangannya memberi cahaya kehidupan

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Di samping itu, lirik lagu di atas terkandung sikap mengenang budi dalam rangkap empat baris satu hingga tiga ini serta dapat dilihat melalui orang kampung yang berasa bersyukur kepada tok guru Haji Awang kerana kedatangan beliau telah memberi cahaya kehidupan di kampung mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga akan mengenang budi tok guru Haji Awang yang telah banyak membantu kampungnya kembali aman suatu ketika dahulu. Oleh itu, sebagai manusia kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Allah agar hidup sentiasa diberkati.

Sehubungan itu, nilai kesyukuran dapat dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan dakwah yang berfungsi sebagai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang daripadanya dapat menimbulkan rasa hormat terhadap kesucian agama Islam, baik daripada orang Islam atau bukan orang Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh hal yang demikian, sebagai umat Islam kita seharusnya memupuk sifat sentiasa bersyukur dengan segala rezeki yang Allah berikan kepada. Namun, kita juga harus berkongsi rezeki tersebut agar kita mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Jelasnya, sebagai manusia kita tidak boleh sompong kepada Allah kerana Allah S.W.T ialah pencipta kita justeru itu kita perlu sedar dan bersyukur kepada Allah kerana diberi peluang untuk menjadi Umat Islam di dunia ini.

4.13.2 Nilai Bersyukur Melalui Sikap Berterima Kasih

Selanjutnya, petikan naratis lisan *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* di atas pengkaji memilih untuk transkripsi dalam bentuk Lirik lagu bagi membuktikan keunikan dalam kajian. Dalam hal ini, pengkaji memasukkan nilai bersyukur melalui sikap berterima kasih supaya kajian yang dibuat ke atas lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji akan lebuh mantap dan bermutu tinggi. Bukan itu sahaja, nilai bersyukur melalui sikap berterima kasih adalah keikhlasan manusia menghargai menyanjung tinggi sumbangan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Namun, maksud berterima kasih ialah manusia yang dapat menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan menghargai budi yang diberikan oleh orang sekeliling kepada dirinya (Mohd Ali Hashimi, 1992; Norita Ariffin, 2006). Oleh sebab itu, melalui pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana, sikap berterima kasih ialah salah satu sikap menghargai seseorang yang berada dalam kesusahan dan mendapat bantuan yang tidak di sangka. Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*.

Lagu *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*

Zaman dulu perang dunia, Kedua di tanah Melayu telah berlaku
Wujudlah sebuahlah kampung, Namanya kampung Lipat Sanggul
Asal di negeri Kelantan, oleh cik siti
Wan kembang, banyak kemajuan dibina

Howard Foster orang british yang
Baik lagi bijaksana, Pandai bertutur bahasa Melayu
Tidak malu untuk bergaul dengan orang kampung

Pada suatu hari minggu, Pak Dollah
Tiba di rumah, di rumah Cik Milah, telah pengsan dipatuk ular
Lalu beliau menolong selamat, Cik Milah daripada bisa ular
Cik Milah rasa syukur masih selamat lagi
Dan mengucap terima kasih kepada Pak Dollah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Kita dapat menyaksikan bahawa lirik lagu di atas mempunyai sikap berterima kasih dalam rangkap tiga baris empat hingga lima telah menjelaskan tentang naratif lisan mengisahkan seorang wanita yang bernama Cik Milah mengucapkan rasa syukur kerana beliau telah selamat daripada bisa ular yang telah masuk dalam dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang manusia kita haruslah bersyukur kepada Allah kerana diberi peluang untuk menjadi umat Islam di dunia ini. Maka, kita hendaklah menggunakan masa yang diberikan dengan sentiasa bersyukur jika sesuatu perkara yang dapat memberi kehidupan kepada kita, kita juga haruslah mengucapkan terima kasih kepada orang yang telah membantu kita dalam kesusahan agar hidup kita sentiasa diberkati serta mendapat pahala daripada Allah.

Selepas itu, naratis lisan *Mok Su Nab Bomoh Ular* menjadi pilihan pengkaji untuk mentranskripsi cerita tersebut dalam bentuk lirik lagu bagi menjelaskan secara lebih mudah cerita tersebut. Daripada sifat yang terkandung dalam petikan di atas, nilai murni kesyukuran melalui sikap terima kasih adalah manusia yang menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan menghargai budi yang diberikan oleh orang sekeliling kepada dirinya (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Begitu juga dengan maksud berterima kasih bermaksud manusia yang dapat menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan menghargai budi yang diberikan oleh orang sekeliling kepada dirinya (Mohd Ali Hashimi, 1992; Norita Ariffin, 2006). Jelaslah bahawa melalui pandangan sarjana di atas sikap berterima kasih dapat dikenalpasti sebagai sikap menghargai atau bersyukur di atas bantuan yang di terima. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Mok Su Nab Bomoh Ular*.

Lagu *Mak Su Nab Bomor Ular*

Pada suatu dulu, ada seorang wanita
Nama Mak Su Nab
Seorang yang luar biasa

Mak Su Nab seorang baik
Sahabat baik dengan Amira
Sebagai bomor di kampungnya
Mengubati penyakit, orang kampung

Pada suatu hari, adalah seorang kampung
Yang berubat dengan Mak Su Nab
Lelaki itu dipatuk ular, anak kepada mak senah
Batu geliga ular, bergerak sendiri
Mengelilingi kaki yang lebam, anak mak senah

Selepas tiga hari, anak senah
Mula pulih, dari sakitnya itu
Mak senah rasa bersyukur
Atas kesembuhan anaknya. Ooooo

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Rentetan daripada lirik lagu di atas sikap berterima kasih dalam rangkap empat baris satu hingga empat menjelaskan tentang kesembuhan anak mak Senah membuatkan mak Senah rasa bersyukur kepada Allah di atas pinjaman ilmu ajaib kepada Mak Su Nab. Jelaslah bahawa, sebagai manusia kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Allah di atas segala pemberiannya kepada kita, tidak kira perkara tersebut kecil atau besar kita tidak boleh menilai dan harus bersyukur. Namun, kita juga harus mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang membantu kita di dalam kesusahan yang menimpa kita.

4.14 Nilai Rasional

Seterusnya, nilai rasional ialah manusia yang memiliki kebolehan berfikir secara logik, benar, hujah dan akal fikiran yang waras merujuk kepada alasan dan bukti yang konkret sebelum bertindak dan membuat keputusan yang tulus tanpa dipengaruhi perasaan negatif (Norita Ariffin, 2006; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, dari sudut pandangan Islam rasional dapat ditafsirkan sebagai betul dan sahih berdasarkan ilmu yang benar, berlandaskan hujahan dan akal fikiran yang waras, rasional dan saintifik (Hashim Musa, 2008). Jelaslah bahawa, kita sebagai manusia perlu mempunyai sikap rasional dalam sesuatu perkara supaya setiap keputusan

yang dibuat tidak salah di sisi agama Islam. Berdasarkan nilai rasional, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai rasional iaitu alasan dan bukti yang kukuh.

4.14.1 Nilai Rasional Melalui Sikap Alasan Dan Bukti Yang Kukuh

Selepas itu, petikan lirik lagu rangkap kedua yang mengisahkan tentang lagu *Asal Usul Kampung Babong* yang telah menerapkan pelbagai kemurnian nilai dalam kehidupan masyarakat di kampung tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai murni ini telah ditonjolkan oleh seorang tokoh di kampung Babong yang mempunyai pelbagai sifat yang baik. Lain daripada itu, nilai rasional ialah sebuah nilai manusia yang memiliki kebolehan berfikir dengan mengguna akal yang waras (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Seterusnya, kata ‘alasan’ membawa maksud asas, dasar, kepentingan bersama, dan sesuatu yang dijadikan asas atau dasar sesuatu (*Kamus Dewan*, 2016). Selepas itu, kata ‘bukti’ membawa maksud keterangan yang nyata, dalil atau tanda kebenaran (*Kamus Dewan*, 2016). Selain itu, kata ‘kukuh’ pula membawa maksud kuat dan tegap buatannya atau binaannya, tahan, teguh dan tidak mudah berubah (*Kamus Dewan*, 2016). Oleh hal yang demikian, melalui pandangan sarjana yang dikemukakan sikap alasan dan bukti yang kukuh adalah salah satu hukuman yang hendak dilakukan tetapi perlu berdasarkan kebenaran. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong*.

Lagu *Asal Usul Kampung Babong*

Pada suatu dahulu
Ada sebuah kampung
Yang digelar kampung Babong
Akibat beliau sohor

Beliau diberi nama, Datuk Babong
Beliau seorang penentang
Dan juga berani
Sebarang masalah aloh dia pikul
Sendiri tanpa minta bantuan
Dengan orang kampung

He, he, la, la

Beliau juga seorang
Penyabar dan juga baik hati
Menolong orang kampung
Yang susah yang senang
Semua hormat padanya

Tok babong yang mulia
Lagi bijaksana
Beliau seorang pemurah
Dan juga suka bergaung
Tidak kira tua muda
Semua orang dia bercampur

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang telah dinyatakan dalam lirik lagu di atas sikap alasan dan bukti yang kukuh dalam rangkap dua baris satu hingga enam setiap apa yang dibuat perlu mempunyai bukti yang kukuh serta sebuah pendirian yang tetap agar semua keputusan yang dibuat betul. Hal ini kita dapat lihat Datuk Babong merupakan tokoh perjuangan di kampung tersebut yang telah berjuang untuk mendapat hak perdagangan di negeri Kelantan yang telah dikuasai oleh kelompok orang Cina pada masa itu. Jelaslah bahawa sikap sedemikian perlu diambil sebagai contoh untuk diri kita agar hidup sentiasa dihormati dan disanjung tinggi.

Di samping itu, nilai rasional boleh dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Dalam hal ini, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang di perolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Ini membuktikan bahawa sebagai manusia yang bijaksana seharusnya melakukan sesuatu perkara dengan betul dan sebarang tindakan yang dibuat haruslah menggunakan fikiran yang waras dan pemikiran ke arah yang positif. Oleh itu, setiap apa yang kita buat hendaklah selalu bertanya pendapat orang lain. Selepas itu, kita harus melihat apa yang kita fikir serta pendapat orang lain adakah perkara tersebut ke arah yang lebih baik atau ke arah yang tidak baik.

4.15 Nilai Semangat Masyarakat

Di samping itu, nilai semangat masyarakat bermaksud sedia melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat seperti bermuafakat, tolong-menolong, bantu-membantu yang dapat menjaga kemaslahatan dan kebaikan bersama dalam sebuah kehidupan (Jumali Selamat, 2001; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Bukan itu sahaja, Islam mahu semua umatnya hidup dalam sebuah masyarakat yang penuh dengan nilai-nilai suci dan mulia, bermuafakat dan tolong-menolong antara satu sama lain (Amir A.Rahman. 1991). Jelaslah, sebagai manusia yang hidup bermasyarakat hendaklah sentiasa saling bantu-membantu dan tolong-menolong supaya diri kita akan sentiasa diberkati Allah. Oleh itu, melalui nilai semangat masyarakat, pengkaji akan membataskan beberapa konsep nilai semangat masyarakat iaitu tolong-menolong dan muafakat.

4.15.1 Nilai Semangat Bermasyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong

Seterusnya, melalui petikan naratis lisan *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu* pengkaji telah transkripsi cerita tersebut dalam bentuk lirik lagu supaya ianya lebih mudah untuk difahami. Hal ini penting kerana sifat yang terdapat dalam diri seseorang pemerintah iaitu nilai murni semangat masyarakat melalui sikap tolong-menolong. Oleh hal yang demikian, menurut (Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) nilai murni semangat masyarakat melalui sikap tolong-menolong adalah kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat. Bukan sahaja itu, tolong-menolong atau bantu-membantu bermaksud satu tindakan untuk memberi bantuan kepada orang lain demi kepentingan dan kebaikan bersama. Namun begitu, melalui pandangan para sarjana sikap tolong-menolong adalah sesuatu perkara yang dibuat dengan suka rela justeru sikap ini sangat baik untuk seseorang manusia amalkan.

Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu*.

Lagu *Kemasyuhuran Pantai Pengkalan Datu*

Ada sebuah kisah.
Pantai Pengkalan Datu Kelantan.
Sebagailah pusat.
Perdagangan awal negeri kelantan.

Pantai tersebut dikenali sebagai
Pantai War Lala, dikuasai oleh.
Puteri Saadong yang cantik rupawan.
Hari demi hari pusat perdagangan ini
Menjadi tumpuan orang luar.
Untuk berdagang pantai pengkalan datu.

Pada suatu hari
Seorang nelayan pulang dari laut
Menjual ikan yang diperolehi oleh dirinya.
Puteri saadong melihat.
Lalu berfikir, untuk membuat satu jualan
Di atas kapal yang dekat dengan pengkalannya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seperti yang telah dinyatakan melalui lirik lagu di atas sikap tolong-menolong dalam rangkap tiga baris empat dan lima apabila Puteri Saadong melihat seorang nelayan lalu beliau berfikir untuk membuat satu jalan kemudahan kepada para nelayan bermiaga dengan mengadakan satu jualan di atas kapal sahaja tidak perlu membuka gerai. Hal ini jelas dapat dilihat keprihatinan seorang pemerintah untuk membantu rakyat di bawah pemerintahannya mendapat kemudahan dalam mendapatkan hasil rezeki untuk keluarga mereka. Oleh itu, sebagai pemerintah haruslah mengambil tahu dan sentiasa melawat kawasan yang diperintah supaya kesusahan yang dialami oleh masyarakat dapat diketahui dan boleh mengatasi masalah tersebut.

Di samping itu, petikan naratis lisan *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* telah dipilih oleh pengkaji untuk transkripsi dalam bentuk lirik lagu. Hal ini menyebabkan pengkaji mengaitkan sifat beliau dalam konteks nilai semangat masyarakat. Menurut

(Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, (2018) nilai murni semangat masyarakat adalah kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka akan isu-isu sosial dalam masyarakat. Bukan itu sahaja, maksud tolong-menolong atau bantu-membantu ialah satu tindakan untuk memberi bantuan kepada orang lain demi kepentingan dan kebajikan bersama. Oleh itu, pandangan para sarjana di atas menjelaskan tentang sikap tolong-menolong merupakan salah satu sikap suka membantu orang dengan hati yang ikhlas. Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*.

Lagu *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*

Zaman dulu perang dunia, Kedua di tanah Melayu telah berlaku
Wujudlah sebuahlah kampung, Namanya kampung Lipat Sanggul
Asal di negeri Kelantan, oleh cik siti
Wan kembang, banyak kemajuan dibina

Howard Foster orang British yang
Baik lagi bijaksana, Pandai bertutur bahasa Melayu
Tidak malu untuk bergaul dengan orang kampung

Pada suatu hari minggu, Pak Dollah
Tiba di rumah, di rumah Cik Milah, telah pengsan dipatuk ular
Lalu beliau menolong selamat, Cik Milah daripada bisa ular
Cik Milah rasa syukur masih selamat lagi
Dan mengucap terima kasih kepada Pak Dollah

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Melalui lirik lagu di atas sikap tolong-menolong dalam rangkap tiga baris satu hingga tiga naratif lisan menceritakan tentang seorang manusia yang dipanggil Pak Dollah telah membantu seorang wanita yang telah pengsan akibat dipatuk ular. Jelaslah bahawa nilai semangat masyarakat adalah semangat yang wujud dalam diri seseorang yang bertanggungjawab serta ingin membantu apa yang sepatutnya, ianya juga akan dilakukan dengan ikhlas tanpa mengharapkan sebarang balasan.

4.15.2 Nilai Semangat Bermasyarakat Melalui Sikap Muafakat

Seterusnya, petikan naratis lisan *Asal Usul Wakaf Aik* telah diubahsuai oleh pengkaji dengan transkripsi dalam bentuk lirik lagu agar ia lebih mudah difahami. Dalam hal ini, kita dapat kaitkan dengan nilai semangat bermasyarakat melalui sikap muafakat.

Menurut (Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018)

Nilai murni semangat masyarakat melalui sikap muafakat adalah kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat. Seterusnya, maksud sikap muafakat ialah suatu perundingan, persepakatan, musyawarah dan perbincangan dalam usaha untuk mencapai suatu persetujuan bersama. Jelaslah bahawa sebagai manusia kita hendaklah mempunyai semangat bermasyarakat supaya hidup kita akan aman sejahtera. Oleh itu, berdasarkan pandangan para sarjana sikap muafakat adalah sikap bekerjasama dalam satu kelompok berkumpulan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Contohnya, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Asal Usul Wakaf Aik*

Lagu *Asal Usul Wakaf Aik*

Asal usulnya Wakaf Aik ini
Digelar sebagai Pak Cu Abu
Dia tokoh hak disanjung
Tinggi oleh masyarakat yang diperintah

sikap toleransi dibawa dalam diri
Kemulia jadi peribadi
Supaya hidup sentiasa diberkati

Beliau seorang berahi bergaul
Dengan masyarakat melayu hak duk kampung
Pak Cu Bbu orang baik hati
Dia tidak suka bergaduh

Pada suatu hari ada suatu majlis
Yang dipanggil sukan rakyat, Banyak permainan seperti
Wau bulan, Mok Yong, main Teri Dan sebagainya
Ini tujuan nak erat hubungan
Supaya hidup aman sejahtera

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Seterusnya, menerusi lirik lagu di atas sikap muafakat dalam rangkap empat baris satu hingga empat semangat masyarakat *Wakaf Aik* sangat luar biasa kerana pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh mereka secara sukarela. Jelaslah bahawa sebagai manusia kita hendaklah mempunyai semangat bermasyarakat supaya hidup kita akan aman sejahtera.

Di samping itu, petikan naratis lisan *Kehebatan Laksamana Laut* di atas pengkaji telah transkripsi cerita tersebut dalam bentuk lirik lagu supaya ia lebih mudah difahami. Dalam hal ini, pengkaji memasukkan nilai semangat masyarakat melalui sikap muafakat dalam kajian ini bagi menjelaskan sikap nilai murni yang ada pada tokoh tersebut. Menurut (Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018) Nilai murni semangat masyarakat melalui sikap muafakat adalah kesediaan melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat. Dengan perkataan lain, sikap muafakat ialah suatu perundingan, persepakatan, musyawarah dan perbincangan dalam usaha untuk mencapai suatu persetujuan bersama. Jelaslah bahawa sebagai manusia kita sewajarnya mempunyai semangat bermasyarakat supaya hidup kita akan aman sejahtera. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa pandangan para sarjana mengenai sikap muafakat merupakan satu cara seseorang untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Sebagai contoh, kita dapat lihat dalam lirik lagu yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut*.

Lagu *Hebat Laksamana Laut*

Laksamana dipanggil darjah
Che Deraman digelar nama
Kelantan siam sangat rapat
Sebab negara dia dekat

Laksamana, laksamana, Che Deraman

Dilantik laksamana oleh raja kelantan
Sikap berani dia, saiz badan dia besar
Gagah lagi perkasa

Che Deraman, seorang sangat
Hebat bertanggungjawab menjaga seorang raja
Berlayar di lautan lalu depan lanun
Tetapi lanun tidak nampak mereka

Che Deraman memiliki kuasa
Boleh mengubati penyakit
Orang kampung dia selalu hormat padanya

(Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi, 2021)

Kita dapat menyaksikan dalam lirik lagu di atas sikap muafakat dalam rangkap empat baris satu hingga tiga ini membuktikan Che Deraman merupakan seorang yang hebat dan baik dengan orang kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mempunyai kelebihan yang dipinjam oleh Allah untuk membantu orang kampungnya yang mendapat penyakit. Justifikasinya, seseorang yang mempunyai sikap semangat masyarakat akan merasakan dirinya mempunyai tanggungjawab untuk dipikul, justeru ianya haruslah dilakukan dengan ikhlas agar hidup mendapat keberkatan dan mendapat penghormatan pada diri kita.

Sehubungan itu, nilai semangat masyarakat adalah tunjang kepada teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Ini membuktikan bahawa pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang di perolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai masyarakat yang bertanggungjawab seharusnya sentiasa tahu akan hidup bermasyarakat, kerana ada sesetengah masyarakat tidak mengambil tahu walaupun mereka hidup berjiran malah kita lebih memilih untuk bermasam muka lagi. Oleh itu, dengan wujudnya nilai semangat masyarakat serta pendekatan moral maka masyarakat akan lebih tahu apakah kebaikan yang perlu ada semasa hidup bermasyarakat. Jelaslah bahawa

nilai murni tersebut sangat memberi pendidikan kepada generasi yang akan datang menerusi kajian yang dijalankan ini.

4.16 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, setakat ini masih belum terdapat kajian tentang lirik lagu rakyat serta nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat melalui teks *seuntaian naratif lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Segala maklumat analisis dan hasil dapatan kajian yang dinyatakan itu adalah kaitan dengan tajuk yang dipilih. Oleh itu, ianya membuatkan kita untuk lebih mengetahui secara lebih mendalam, dalam sesuatu perkara yang menimbulkan kemusykilan. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat adalah sebuah cerita yang selalu dipertikaikan dan ianya sesuai untuk dijadikan sebagai kajian. Jelas bahawa cerita rakyat merupakan khazanah yang diiktiraf sebagai bahan sastera.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini akan menyimpulkan bab terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkajian akan merumuskan segala dapatan kajian ini. Bab ini juga akan mengemukakan beberapa implikasi kajian serta cadangan tersirat yang ada dalam kajian ini. Hal ini bertujuan memantapkan lagi kajian serta menambah baik mutu kajian pada masa yang akan datang,

5.2 Rumusan

Secara jelasnya, naratif lisan adalah sebuah cerita yang dipupuk pelbagai keunikan nilai murni yang menjadi satu cara pendidikan kepada semua golongan masyarakat dari segi percakapan atau tingkah laku. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang mempunyai bahasa yang baik semasa bercakap akan mudah untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta bergaul secara sihat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengeluarkan keunikan naratif lisan melalui lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji. Pengkaji juga telah menyatakan pelbagai jenis nilai murni yang dilakukan oleh masyarakat dalam naratif lisan dan ianya juga dapat dikaitkan dengan teori pengkaedahan Melayu(1989) hasil ciptaan Hashim Awang. Ini dapat membuktikan penulis naratif lisan adalah merupakan orang yang hebat kerana beliau boleh menerapkan pelbagai jenis nilai murni mengikut gambaran penceritaan yang dibuat, malah semua itu boleh menjadi tunjuk ajar kepada golongan muda bagi mengamalkan nilai murni ke dalam diri agar hidup disanjung tinggi (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018).

Walaupun begitu, pelbagai soalan yang timbul dalam fikiran pengkaji yang berkaitan dengan naratif lisan adakah ia dapat memainkan peranan untuk menyampaikan kedua-dua jalinan tersebut sebagaimana yang dibuktikan sebagai gagasan idea dalam pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Di samping itu, kajian terhadap naratif lisan berupaya mencapai beberapa penemuan dan kesimpulan penting yang berkaitan dengan pembinaan nilai murni. Pertama kehadiran nilai murni melalui lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan iaitu Baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kerajinan, kebebasan, kejujuran, kerjasama, kesyukuran, rasional serta semangat masyarakat* (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Jelaslah bahawa, nilai murni yang dibincangkan adalah selari dengan pendekatan-pendekatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Rentetan daripada itu, lirik lagu yang digarap dalam kajian ini menimbulkan pelbagai jenis nilai murni berdasarkan kisah dipaparkan dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Aspek yang di cunkil melalui lirik lagu adalah nilai murni yang terdapat di dalam naratif lisan tersebut. Melalui gambaran dan imej watak-watak tersebut yang telah diilhamkan oleh tukang cerita ini dapat ditonjolkan secara tersurat kisah yang padat mengandungi nilai-nilai murni. Pengguna lirik lagu watak dan kisah yang terdapat di dalam naratif lisan digarap dengan sebaiknya untuk memudahkan penyampaian mesej dapat disampai dan difahami golongan pembaca.

Tujuan asas kajian ini adalah untuk melihat keunikan lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji berdasarkan naratif lisan di Pengkalan Datu Kelantan serta mengeluarkan nilai-nilai murni yang ada pada lirik lagu pengkaji buat. Dengan adanya kaedah sedemikian maka para masyarakat akan lebih mudah untuk memahami cerita rakyat

tersebut, kerana ianya hanya perlu mendengar dan menghayati setiap rangkap atau baris yang dinyanyikan oleh pengkaji. Kaedah ini juga akan dapat membantu golongan tua atau muda lebih minat untuk mengetahui apakah keunikan yang ada pada lagu rakyat yang dibuat oleh pengkaji. Golongan muda juga boleh menjadikan lagu ini sebagai bahan pendidikan sejarah kerana lagu yang dibuat berkaitan tentang kisah nenek moyang kita terdahulu, ianya juga boleh menjadikan panduan hidup berdasar nilai-nilai murni yang dinyatakan oleh pengkaji melalui lirik lagu yang dibuat. Jelaslah bahawa langkah ini sangat membantu masyarakat untuk memahami tentang kisah-kisah yang berlaku dan boleh dijadikan sebagai panduan hidup seharian.

Pengkajian ini juga penting kepada pihak kementerian, terutama untuk melengkapipendaftaran
keperluan pendidikan dan pengajaran di semua peringkat. Pihak kementerian juga harus serius dalam memberi penekanan dalam beberapa aspek penting iaitu nilai agama, kesopanan, adat dalam komunikasi, serta pemikiran dan falsafah. Aspek-aspek tersebut jelas terpancar dalam naratif lisan dan boleh jadikan sebagai panduan dalam hidup dalam memberi didikan kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, lirik lagu yang dibuat memberi pengajaran melalui nilai-nilai murni yang dapat membantu keperibadian seseorang masyarakat. Pendidikan dan pengajaran berkonsepkan nilai murni dalam lirik lagu melalui naratif lisan mampu membentuk masyarakat berbudi bahasa dan bersopan santun dalam menjalani kehidupan seharian supaya sentiasa berada diarah kebaikan.

Implikasi kajian ini sangat memberi kesan kepada masyarakat terutama bagi golongan muda pada masa sekarang, kerana mereka merupakan generasi yang dapat membangunkan sesuatu sejarah yang ada di negara kita. Hal ini kerana,

pencipta lirik lagu rakyat berdasarkan naratif lisan ini sangat menitik berat penggunaan nilai murni yang baik. Tujuan pengkaji berbuat demikian adalah untuk mendorong masyarakat ke arah kebaikan dan membuang keburukan yang ada dalam diri.

Di samping itu, nilai murni yang dinyatakan oleh pengkaji melalui lirik lagu adalah salah satu kaedah membantu proses pendidikan ke arah yang lebih mudah dan terperinci. Hal ini demikian kerana para guru sekolah akan lebih mudah untuk membuat seseorang murid yang diajar faham dengan lebih cepat. Murid pada zaman teknologi kurang minat terhadap membaca cerita rakyat kerana bagi mereka perkara sedemikian adalah sesuatu perkara yang membuang masa mereka.

Oleh itu, kaedah ini akan menarik minat murid untuk tahu akan sejarah nenek moyang kita terdahulu malah mereka juga hanya perlu mendengar serta menghayati lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji. Jelaslah, kesan yang dapat digambarkan melalui kajian ini adalah membantu para masyarakat untuk mengetahui keunikan yang ada pada naratis lisan dan ini boleh membantu generasi yang akan datang tahu tentang kisah baik yang dilakukan oleh masyarakat yang hidup pada zaman nenek moyang kita.

Hasil dapatan kajian, dapatan kajian ini juga penting sebagai sumber sekunder kepada masyarakat Melayu yang memiliki ketinggian peradaban tamadun Melayu terdahulu. Hal ini dapat dilihat pada masa kini kian terhakis nilai-nilai murni. Melalui pengkajian ini, nilai-nilai murni dalam lirik lagu melalui naratif lisan sememangnya kaya dengan nilai-nilai murni yang mencerminkan keperibadian masyarakat dahulu.

Kajian ini juga dapat membuktikan keunikan dan kelainan terhadap kajian yang dibuat ke atas naratif lisan disampaikan ke dalam bentuk lirik lagu yang mempunyai keindahan nilai-nilai murni. Selain itu, melalui pengkajian ini juga mampu membuktikan bahawa naratif lisan sebagai satu genra kesusasteraan rakyat yang mengangkat kedudukan masyarakat Melayu yang berbeza dengan karya-karya kesusasteraan Melayu yang lain.

5.3 Cadangan

Berdasarkan topik cadangan ini, pengkaji telah memberi beberapa cadangan yang menarik dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, melalui analisis dan hasil dapatan kajian telah dinyatakan oleh pengkaji berkaitan dengan nilai murni yang ada pada lirik lagu yang dicipta oleh pengkaji melalui naratif lisan yang ada di dalam buku teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Nilai murni yang ada pada lirik lagu tersebut banyak memberi pengajaran kepada masyarakat terutama kepada golongan muda. Oleh itu, pengkaji telah memberi cadangan yang menarik dalam kajian ini iaitu memberi tunjuk ajar tentang nilai-nilai murni dalam naratif lisan, peranan teknologi melalui media massa.

Setelah meneliti dan menganalisis kajian ini secara keseluruhan, pengkaji mendapati kajian ini banyak memberi tunjuk ajar kepada masyarakat tentang nilai-nilai murni Melayu yang dilakukan dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, masyarakat sewajarnya menerapkan nilai-nilai murni tersebut dalam diri mereka agar jati diri menjadi kukuh. Sastera dalam bentuk lirik lagu seperti ini akan dapat membantu menjadi alat penyampaian proses pembelajaran kepada masyarakat betapa pentingnya nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Pengkalan Datu Kelantan. Seandainya nilai-nilai murni tersebut tidak diceritakan maka ini menyukarkan dan

mustahil bagi membina dan membentuk jati diri yang baik. Oleh itu, dengan adanya kaedah penyampaian nilai murni melalui lirik lagu ianya akan memudahkan lagi didik kepada golongan muda yang akan datang, Peranan Pihak Kementerian Kebudayaan, Senian Dan Warisan, Peranan Golongan Akademik

Walaupun begitu, kita juga perlu lihat akan peredaran masa sekarang kerana ianya banyak ke arah teknologi perkembangan dunia. Oleh itu, kita perlulah menyebarkan kaedah penyampaian lirik lagu ini ke dalam media sosial kerana ke banyak golongan muda pada masa sekarang tidak pegang buku tetapi pegang telefon pintar. Dengan ada kaedah ini, sudah tentu dapat membantu golongan muda ke arah yang lebih baik kerana lirik lagu yang dibuat oleh pengkaji mempunyai nilai-nilai murni yang baik untuk dijadikan contoh. Jelaslah bahawa kaedah ini akan mengurangkan golongan muda untuk melihat unsur-unsur negatif yang ada di media sosial.

Kajian ini juga mencadangkan kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Senian Dan Warisan supaya bertanggungjawab secara langsung dan melakukan segala perubahan yang baru. Pihak kementerian harus menyampaikan bahawa naratif lisan adalah sebuah karya yang memberi keunikan tersendiri maka pihak kementerian juga harus menganjur aktiviti mencipta lirik lagu rakyat berdasarkan naratif lisan yang ada di Malaysia. Dengan ada kaedah sedemikian, ia dapat menarik golongan muda untuk mencuba bakat yang ada dan dikongsi kepada orang ramai agar ia boleh mengembangkan lagi naratif lisan ke peringkat antarabangsa.

Peranan golongan akademik adalah kaitan dengan institusi pengajian tinggi, guru-guru , penyelidik dan pensyarah. Oleh itu, golongan ini memainkan peranan penting dalam kajian ini kerana mereka merupakan pembangun pendidikan dan penyelidikan

negara. Pengkaji menyarankan pihak universiti yang mempunyai bidang sastera harus membuat satu penyelidikan yang dapat memudahkan dan menarik minat masyarakat dalam karya-karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak tersebut mempunyai sarjana-sarjana yang hebat dalam bidang sastera untuk melontarkan pelbagai idea-idea harus yang belum ada dalam kajian dalam dan luar negara.

5.4 Penutup

Secara kesimpulannya, hasil kajian yang dilakukan ini bukan sahaja menjawab tiga objektif yang dibincangkan di bahagian analisis dan perbincangan, pelbagai nilai murni ditemui dalam lirik lagu melalui naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan ini. Walaupun begitu, kajian ini juga membuktikan bahawa naratif lisan adalah bukan sesuatu yang tidak bermanfaat dan tidak memberi faedah malah banyak memupuk nilai-nilai murni yang dapat dijadikan contoh. Ianya juga banyak membantu golongan muda untuk mengetahui kisah-kisah yang telah berlaku pada zaman nenek moyang kita. Oleh itu, naratif lisan adalah merupakan bahan masyarakat Melayu pada zaman sekarang.

Seterusnya, naratif lisan merupakan satu bahan bacaan yang berguna dan ia boleh dijadikan sebagai panduan, pengajaran serta didikan kepada masyarakat. Oleh itu, masyarakat Melayu pada masa kini masih kuat dengan kebudayaan masyarakat kerana ia selalu diamalkan dalam kehidupan seharian, maka khazanah yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita perlu dihargai dan diteruskan kepada generasi yang akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood Dan Nurfarah Lo Abdullah, 2007. *Linguistik Fonetik Dan Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Aslinta Sdn. Bhd.
- Ahmad Sahlan Abdul Halim & Roosmawati Mohamad Rasit (2015) Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Al-Hikmah Journal Of Islamic Dakwah*, 7(1), 132-148.
- Ahmat Adam (2016) *Kajian Terhadap Buku Sulalatus Salatin Yang Berkaitan Dengan Mitos Dan Sejarah Hang Tuah Dalam Historiografi Malaysia*. SIRD.
- Aripin Said (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aripin Said. (2004). Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Malaysia.
- Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of*
- Che Abdullah Che Ya (2018) Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Clarice Gallus & Low Kok On (2016) Tangon Dusun Liwan: Satu Analisis Tema. *Jurnal Gendang Alam*, 6.
- Fifi Rinyuk (2017) *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. UPSI, np, 1-17.
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017) Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Pendeta Journal Of Malay Language*, 8, 36-46.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & farra Humairah Mohd (2020) Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Harimurti Kridalaksana, 2001. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Abdul Chaer, 1994. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Hashim Awang (1989). *Budaya Dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Hashim Awang (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu Dalam Pengarang, Teks Dan Khalayak* (Sahlan Mohd. Saman, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hashim Awang (1999). *Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu*. Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Subang Usj, 19-20 September.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu Dan Prinsip Penerapannya.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.

- Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali@Zalay (2020) Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 17-29.
- Jai Kemalok & Maryati Mohamed, (2018) *Serangga Dan Mitos Suku Kaum Jakun, Kampung Peta, Mersing Johor*. Serangga, 23 (1). Pp. 1-11.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah. *Manu Jurnal pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 32(1), 175-201.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai Dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Kamus Dewan* (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kamus Dewan* (4th.Ed) (2007). Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor. Kamus
- Mohamad Khiari Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan (2015) Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) Awang Batil dan Pura Taman iaitu Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1), 49-64.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal Of Creatif Future And Heritage (TENIAT)*, 6(2), 101-120.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Firdaus Che Yaacob, (2016) Unsur Amanat dan Impak Lirik Dikir Barat Halim Yazid. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 4, 67-80.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Jurnal Of Language Education And Applied Linguistics*, 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creatif Future And Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza abd Rahim (2015) Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business And Social Developement*, 2(2), 74-85.

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business And Social Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 6, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6, 35-44.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Sains Insani USM*, 6(1), 91-98.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 26-30.
- Mohd Taib Osman. (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat Dan Sastera Daerah Malaysia. *Dewan Sastera*. 7: 39-41.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015) Impak Media Baru Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 33-46.
- Muhammad Azrul Deraman (2011) *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Hasil Koleksi Zakaria Hitam*. UMKIR.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 48-56.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu Iaitu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20(1), 79-92.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Faktor dan Kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 189-204.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak Untuk Persembahan Teater. *Advances In Humanities And Contemporary Studies*, 2(2), 34-41.

- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2021) Naratif Puteri Santubong Dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues In Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Malay Literature, 32(1), 116-144.
- Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2021) Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal Of Creative Future And Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29.
- Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. UMKIR
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda. *Asian People Journal*, 3(2), 147-160.
- Nur Safiah Mohmad Zakir (2020) *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntaian Rindu Rirdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. UMKIR
- Nur Shahirah Othman (2020) *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. UMKIR
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan*. *Jurnal Melayu*, 19(2) 287-305.
- Nurul Safiah Ab. Rahim (2020) *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. UMKIR.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 156-180.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020) Perspektif "Melayu Malas Dan "Melayu Bodoh" Oleh Barat Serta kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Rahmah Haji Bujang (1999), *Lagu Melayu Tradisi: Jabatan Penyatuan Orang Melayu*, Dewan , Bil, Jilid 21,(November), 8-11, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini (2016) *Pembangunan dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomologi Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia*. np:np.
- Roslina Abu Bakar & Aone van Engelenhoven (2016) Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Fakulti Bahasa dan Pendidikan KUIM*, 1(1), 20-49.

- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Shaiful Bahri Md Radzi (2015) Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 247-261.
- Shaiful Bahri Md. Radzi (2015). Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal Of Malays Language, Education And Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah, Mary Fatimah Subet,(2021) Imej Perlambangan 'Tangan' Dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
- Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul Bahaman (2017) Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 213-232.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019) Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Fakulti Bahasa dan Pendidikan KUIM*, 4(1), 77-89.
- Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Wan Fakhruddin & Zaliza Mohamad Nasir (2019) Pemaknaan Naratif Lisan Pengalaman Dalam Cerpen Melayu. *LSP International Journal*, 6(2), 61-77.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 93-103.
- Siti Zuhaidah Zakeria (2015) *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. UPM, 1-18.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A.Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan Iaitu Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malaysia Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) *Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. *Pendeta Journal Of Malays Language, Education And Literature*, 11(2), 126-140.
- Wan Abdul Kadir. 2000. Tradisi Dan Perubahan Norma Dan Nilai Di Kalangan Orang orang Melayu. Petaling Jaya: Masfami Enterprise

Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. UMKIR.

Wan Nurzafirah Wan Zin (2019) Analisis Cerpen Terpilih A.Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. UMKIR

Zaitun Hasan (2015) Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Masyarakat Melayu. UUM

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BIODATA PENULIS



Nama diberi Muhammad Syauqi Bin Mat Zawawi berusia 24 tahun. Dilahirkan pada 9 Jun 1998 di Kelantan dan menetap juga di Kelantan. Anak keempat daripada enam orang adik beradik yang terdiri daripada dua orang perempuan dan empat orang lelaki. Nama ibu ialah Marjana Binti Abdul Rahman manakala nama bapa ialah Mat Zawawi Bin Yahya. Pendidikan rendah pengkaji di Sekolah Kebangsaan Kadok dari darjah 1 hingga darjah 6 (2005-2010), pendidikan menengah pertama di Sekolah Menengah Ugama Azariah daripada tingkatan 1 sahaja (2011), kedua Sekolah Menengah Ugama Taqaddumil ilmi daripada tingkatan 2 hingga 3 (2012-2013) dan Sekolah Menengah Kebangsaan kampung Chengal daripada tingkatan 4 hingga tingkatan 5 (2014-2015). Seterusnya, pengkaji menerima pengajian prauniversiti di Sekolah Menengah Kebangsaan Ketereh (2016-2017), dan kini melanjutkan pendidikan di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Pengajian Warisan dengan kepujian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (2018-2022). Matlamat hidup pengkaji ialah menjadi lelaki bekerjaya untuk memberi kesenangan kepada keluarga dan membantu masyarakat yang susah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN